

**KECENDERUNGAN SOKONGAN POLITIK BELIA: SATU  
KAJIAN DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

**SAHIRI BIN MEOR BAN**

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**2010**

**KECENDERUNGAN SOKONGAN POLITIK  
BELIA: SATU KAJIAN DI NEGERI  
PERAK DARUL RIDZUAN**

**Projek Sarjana ini dikemukakan kepada Kolej Perniagaan  
Universiti Utara Malaysia sebagai memenuhi syarat keperluan  
Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan)  
Universiti Utara Malaysia**

**Oleh**

**SAHIRI BIN MEOR BAN**

**2010**

## **KEBENARAN MERUJUK**

Kertas penyelidikan ini dikemukakan bagi memenuhi keperluan pengijazahan program Sarjana Sains Pengurusan Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya bersetuju membenarkan pihak Perpustakaan UUM mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian dari kertas penyelidikan ini untuk tujuan akademik adalah dibenarkan setelah merujuk kepada penyelia projek ini iaitu Dekan Penyelidikan dan Pasca Siswazah dari Kolej Perniagaan Universiti ini. Manakala sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan bukan akademik tanpa kebenaran penyelidik adalah dilarang sama sekali. Pernyataan rujukan kepada penyelidik dan penulis kertas ini serta pihak UUM perlu dinyatakan sebagai rujukan dari kertas penyelidikan ini. Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan kertas penyelidikan ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian hendaklah dipohon melalui:

**DEKAN  
PENYELIDIKAN DAN PASCA SISWAZAH  
KOLEJ PERNIAGAAN  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
06010 SINTOK  
KEDAH DARUL AMAN**

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji kecenderungan sokongan politik belia di negeri Perak Darul Ridzuan. Hanya 3 kawasan Parlimen dipilih iaitu P 57 Parit Buntar, P 59 Bukit Gantang dan P 60 Taiping dan responden adalah belia Melayu lingkungan umur 18 hingga 40 tahun. Faktor-faktor keselamatan, ekonomi, komunikasi dan kepimpinan dijadikan sebagai pemboleh ubah bebas manakala faktor kecenderungan sokongan politik belia sebagai pemboleh ubah bersandar. Ujian perbezaan, hubungan dan pengaruh dilakukan berdasarkan maklumat yang diperolehi dari data yang dikumpul melalui borang soal selidik sebanyak 461 yang telah ditapis. Data yang terkumpul telah dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS* versi 16. Ujian ANOVA dilakukan ke atas faktor demografi iaitu umur, jantina, dan tahap pendidikan dengan kecenderungan sokongan politik belia, untuk melihat perbezaan. Hasil ujian menunjukkan hanya umur memberi kesan yang berbeza terhadap pemboleh ubah bersandar, manakala yang lain tidak mempunyai perbezaan yang signifikan. Keputusan dari ujian analisa korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar bagi ketiga-tiga Parlimen. Hasil ujian regresi berganda menunjukkan tidak semua faktor pemboleh ubah bebas ini signifikan dan ia bergantung kepada kawasan Parlimen yang dikaji kecuali P 59 Bukit Gantang. Bagi P 57 Parit Buntar hanya faktor komunikasi dan kepimpinan, sementara bagi P 60 Taiping, belianya tidak mengambilkira faktor ekonomi. Kajian ini telah memperolehi persoalan kecenderungan sokongan belia serta menjawab objektif dan persoalan kajian.

## ABSTRACT

The purpose of this study is to determine youths political support inclinations in the state of Perak. Only three parliamentary area were chosen are P 57 Parit Buntar, P 59 Bukit Gantang and P 60 Taiping and the respondent were the Malays youth from the age of 18 to 40 years. Security, economic, communication and leadership factors are among independent variable whereas political support inclinations were the dependent variable. Correlation and regression test as well as difference test were implemented based on information derived from data gathered through questionnaire forms which circulated and as much as 461 forms was returned and screening made prior to analysis. Accumulated data were analyzed by using SPSS version 16. ANOVA test perpetrated upon demographic factors namely age, sex and education level in order to see the differences. Result from the test show that only age give different effects on variable occurred in P 60 Taiping Parliamentary area. Results from analysis test show that there is significant correlation between independents variable and the dependent variable. Result of the multiple regression test show that not all independent variable have a significant influence with dependent variable. It proven that only P 59 Bukit Gantang has the significant influences among independents variable and dependent variable. Whereas for P 57 Parit Buntar only communication and leadership factors have the significant influence while for P 60 Taiping the youths do not consider the economic factor. However the research has made the objective as well as replying the question raise in the issues of this study.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, terlebih dahulu ingin saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah di atas keizinan Nya dapatlah saya menyiapkan kertas penyelidikan ini mengikut jadual yang telah ditetapkan sebagai memenuhi syarat Pengijazahan Sarjana Sains Pengurusan ini.

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan ribuan terima kasih ingin saya rakamkan kepada Prof Dr. Zakaria bin Abas dari UUM selaku penyelia kertas penyelidikan ini yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta bimbingan sepanjang saya berusaha menyiapkannya. Ucapan terima kasih ini juga saya panjangkan kepada Dato' Dr. Muhamad bin Hamzah (mantan pengarah INTAN) iaitu penyelia bersama dari INTAN juga telah memberikan pandangan serta bimbingan dalam melengkapkan kertas penyelidikan ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga dirakamkan kepada YBhg Dr. Nik Halim selaku penyelarasan program SSP bagi pihak UUM yang tidak pernah jemu berusaha menentukan kejayaan semua pelajar kursus sarjana ini.

Tidak lupa juga ingin saya sampaikan penghargaan dan terima kasih kepada kedua ayahanda dan bonda saya yang telah mendidik saya serta terima kasih tidak terhingga kepada isteri tercinta Mejar Maimunah binti Abdul Hamid dan anak-anak tersayang Dyana Sherina, Nas Amira Sherina, Muhamad Daniel Hariz, Marsya Sahira, Nurul Nabiela Hureen, Nurul Harisyah Qistiena dan Nurul Damia Humaira, anak angkat Anis dan Maitul yang telah bersabar meluangkan masa serta memberi galakan dan sokongan dalam usaha menyempurnakan kursus ini. Kejayaan ini tidak mungkin tercapai tanpa pengorbanan keluarga serta bantuan dari semua pihak.

Akhir sekali ucapan terima kasih saya kepada rakan-rakan DSP/SSP sesi 2009/2010 terutama kumplan Eagle Claw yang telah banyak bekerjasama dan memberikan bantuan sepanjang program ini dijalankan. Semoga kita semua beroleh kejayaan dan hubungan yang terjalin selama ini hendaknya dan dapat kita kekalkan selamanya.

SAHIRI BIN MEOR BAN  
INTAN BUKIT KIARA  
KUALA LUMPUR  
2010

## ISI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Kebenaran Merujuk	i
Abstrak	ii
<i>Abstract</i>	iii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	vii
Senarai Jadual	xi
Senarai Rajah	xiii
<b>BAB 1        PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1    Pendahuluan	1
1.2    Pernyataan Masalah	6
1.3    Persoalan Kajian	11
1.4    Objektif Kajian	12
1.5    Kepentingan Kajian	13
1.6    Batasan Kajian	14
1.7    Definisi Istilah	15
1.7.1    Belia	15
1.7.2    Kepimpinan	16
1.7.3    Komunikasi	18
1.8    Kesimpulan	19

<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN KARYA</b>	20
2.1	Pengenalan	20
2.2	Teori dan Model Keselamatan	20
2.3	Teori dan Model Kepimpinan	22
2.4	Model Kepimpinan	23
2.5	Kajian-Kajian Terdahulu Mengenai Kepimpinan	26
2.6	Kesimpulan Kepimpinan	27
2.7	Konsep dan Teori Komunikasi	28
2.8	Komunikasi Vertikal	30
2.9	Komunikasi Horizontal	31
2.10	Komunikasi Diagonal	32
2.11	Kajian-Kajian Terdahulu Mengenai Komunikasi	32
2.12	Teori Kelakuan – Kecenderongan Sokongan	33
2.13	Kajian Tentang Kecenderongan Sokongan Politik Belia	34
2.14	Model Kajian / Kerangka Kerja Teoritikal	36
2.15	Kesimpulan	37
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI</b>	38
3.1	Pengenalan	38
3.2	Populasi dan Pemilihan Sampel Kajian	38
3.3	Hipotesis Kajian	39
3.4	Reka Bentuk Kajian	41



3.5	Instrumen Kajian	42
3.6	Ujian Rintis	44
3.7	Ujian Kebolehpercayaan	45
3.8	Pengumpulan Data	47
3.9	Kajian Sebenar	48
3.9.1	Ujian Kebolehpercayaan	49
3.9.2	Ujian <i>Normality</i>	50
3.9.3	Ujian <i>Linearity</i>	51
3.10	Teknik Analisa Data	52
3.11	Kesimpulan	54
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	<b>56</b>
4.1	Pengenalan	56
4.2	Analisa Latar belakang Responden	57
4.2.1	Taburan Umur	58
4.2.2	Perbezaan Antara Kecenderungan Sokongan Politik Dengan Taburan Umur	60
4.2.3	Status Perkahwinan	61
4.2.4	Taburan Jantina	62
4.2.5	Perbezaan Antara Kecenderungan Sokongan Politik Dengan Jantina	62
4.2.6	Taburan Tahap Pendidikan	65
4.2.7	Perbezaan Antara Kecenderungan Sokongan Politik	

Dengan Tahap Pendidikan	66
4.2.8 Taburan Status Pekerjaan	67
4.2.9 Taburan Pendapatan	68
4.3 Hubungan Antara Pemboleh Ubah Bebas dengan Pemboleh Ubah Bersandar	69
4.3.1 Kawasan Parlimen P 57 Parit Buntar	70
4.3.2 Kawasan Parlimen P 59 Bukit Gantang	72
4.3.3 Kawasan Parlimen P 60 Taiping	74
4.4 Tahap Pengaruh Antara Pemboleh Ubah Bebas Dengan Pemboleh Ubah Bersandar	76
4.4.1 Kawasan Parlimen P 57 Parit Buntar	77
4.4.2 Kawasan Parlimen P 59 Bukit Gantang	79
4.4.3 Kawasan Parlimen P 60 Taiping	82
4.5 Tahap Kecenderungan Sokongan	85
4.5.1 Kawasan Parlimen P 57 Parit Buntar	86
4.5.2 Kawasan Parlimen P 59 Bukit Gantang	86
4.5.3 Kawasan Parlimen P 60 Taiping	86
4.6 Kesimpulan	87
 <b>BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	 89
5.1 Pengenalan	89
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	89
5.2.1 Demografi	90

5.2.2	Hubungan Pemboleh Ubah Bagi P 57 Parit Buntar	91
5.2.3	Hubungan Pemboleh Ubah Bagi P 59 Bukit Gantang	92
5.2.4	Hubungan Pemboleh Ubah Bagi P 60 Taiping	92
5.2.5	Pengaruh Pembolehubah Bagi P 57 Parit Buntar	93
5.2.6	Pengaruh Pembolehubah Bagi P 59 Bukit Gantang	94
5.2.7	Pengaruh Pembolehubah Bagi P 60 Taiping	95
5.2.8	Perbandingan Keputusan Kajian Antara Ketiga-tiga Parlimen	96
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian Berasaskan Temubual	98
5.3.1	Aspek Keselamatan	99
5.3.2	Membina Belia Yang Patriotik dan Mementingkan Perpaduan	101
5.3.3	Membina Belia yang Berdisiplin dan Berakhlak	102
5.3.4	Usaha Kerajaan Terhadap Peningkatan Ekonomi Belia	103
5.3.5	Menghasilkan belia Terlatih dan Berkewibawa	104
5.3.6	Komunikasi dari Kacamata Pemimpin Belia dan Belia	105
5.3.7	Kepimpinan dari Kacamata Pemimpin Belia dan Belia	106
5.3.8	Perkongsian Pintar dan Kemudahan serta Prasarana	108
5.3.9	Kehendak dan Citrasa Belia	108
5.3.10	Sokongan Belia kepada Kerajaan	110
5.3.11	Tanggapan Belia Terhadap Kerajaan BN Dan PR	111
5.4	Rumusan Kajian	111
5.5	Cadangan	113
5.6	Kajian Akan Datang	116
	RUJUKAN	118

## LAMPIRAN

Lampiran A	Borang Soal Selidik	123
Lampiran B	Keputusan Ujian Rintis	129
Lampiran C	Output SPSS Bagi Parlimen P 57 Parit Buntar	136
Lampiran D	Output SPSS Bagi Parlimen P 59 Bukit Gantang	168
Lampiran E	Output SPSS Bagi Parlimen P 60 Taiping	184
Lampiran F	Soalan Temubual	195
Lampiran G	Transkrip Temubual – Amira Bubti bt Md Saad	201
Lampiran H	Transkrip Temubual – Siti Sarah bt Md Isa	209
Lampiran I	Transkrip Temubual – Azahar bin Hj Ahmad	215
Lampiran J	Transkrip Temubual – Hj Abdullah bin Hj Amaluddin	221
Lampiran K	Transkrip Temubual - Hj Saiful bin Johari	228

## **SENARAI JADUAL**

<b>JADUAL</b>		<b>MUKA SURAT</b>
Jadual 3.1	Ujian Rintis dan Kajian Lapangan di Kawasan Muar	45
Jadual 3.2	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Ujian Rintis dan Kajian Sebenar di Lapangan	46
Jadual 3.3	Jadual Edaran Dan Pengumpulan Borang Soal Selidik	47
Jadual 3.4	Model bagi Analisis Regresi Berganda	54
Jadual 4.1	Umur Responden untuk Tiga Parlimen	59
Jadual 4.2	Kecenderungan Sokongan Politik Belia Berasaskan Umur Melalui Ujian ANOVA	59
Jadual 4.3	Keputusan Kajian Umur	60
Jadual 4.4	Taraf Perkahwinan Responden	61
Jadual 4.5	Jantina Responden untuk Tiga Parlimen	62
Jadual 4.6	Kecenderungan Sokongan Politik Berdasarkan Jantina	63
Jadual 4.7	Keputusan Kajian Jantina	64
Jadual 4.8	Tahap Pendidikan Responden	65
Jadual 4.9	Kecenderungan Sokongan Politik Berdasarkan Tahap Pendidikan	66
Jadual 4.10	Keputusan Kajian Berdasarkan Tahap Pendidikan	67
Jadual 4.11	Status Pekerjaan	68
Jadual 4.12	Pendapatan Responden	69
Jadual 4.13	Keputusan Ujian Korelasi Pearson Bagi Parlimen P 57 Parit Buntar (120 Responden)	71

Jadual 4.14	Keputusan Hipotesis Ujian Korelasi Pearson Bagi Parlimen P 57 Parit Buntar	72
Jadual 4.15	Keputusan Ujian Korelasi Pearson Bagi Parlimen P 59 Bukit Gantang (180 Responden)	73
Jadual 4.16	Keputusan Hipotesis Ujian Korelasi Pearson Bagi Parlimen P 59 Bukit Gantang	74
Jadual 4.17	Keputusan Ujian Korelasi Bagi Parlimen P 60 Taiping (161 Responden)	75
Jadual 4.18	Keputusan Hipotesis Ujian Korelasi Pearson Bagi Parlimen P 60 Taiping	76
Jadual 4.19	Keputusan Ujian Regrasi Berganda Terhadap Pemboleh Ubah Bagi Kawasan Parlimen P 57 Parit Buntar	78
Jadual 4.20	Keputusan Ujian Analisa Infrensi Untuk Hipotesis Bagi P 57 Parit Buntar	79
Jadual 4.21	Keputusan Ujian Regrasi Berganda Terhadap Pemboleh Ubah Bagi Kawasan Parlimen P 59 Bukit Gantang	81
Jadual 4.22	Keputusan Ujian Analisa Infrensi Untuk Hipotesis P 59 Bukit Gantang	82
Jadual 4.23	Keputusan Ujian Regrasi Berganda Terhadap Bagi P 60 Taiping	84
Jadual 4.24	Keputusan Ujian Analisa Infrensi Untuk Hipotesis P 60 Taiping	85
Jadual 4.25	Tahap Kecenderungan Sokongan Politik Belia Keseluruhan Kawasan Palimen	87

## SENARAI RAJAH

<b>RAJAH</b>		<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 2.1	Teori Pengurusan Maslow	21
Rajah 2.2	Model Kepimpinan (Sumber: Newman dan Chaharbaghi (2000))	24
Rajah 2.3	Model Kajian / Kerangka Kerja Teoritikal	37

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Jatuh dan bangun sesebuah negara dalam bidang ekonomi, perubahan dalam nilai budaya, kehidupan keluarga dan nilai moral, struktur pekerjaan dan konsep kenegaraan boleh dilihat melalui keadaan hidup generasi belia. Belia merupakan satu golongan yang penting dalam sesebuah negara dan mereka adalah penentu masa depan sesebuah masyarakat dan negara. Pentingnya belia bukan sahaja terletak kepada golongan mereka yang ramai dan sebagai tenaga utama di dalam proses pembangunan dan pembinaan satu bangsa Malaysia, tetapi juga sangat bergantung kepada golongan belia yang aktif, berdisiplin dan progresif.

Sebagai satu bangsa, yang mewarisi satu sejarah yang penting. Zaman penjajahan menjadi satu pengalaman yang tidak dapat dilupakan. Perjuangan untuk mencapai kemerdekaan dan segala usaha masyarakat untuk membina negara Malaysia moden memaksa warganya melalui pelbagai liku-liku sejarah dan menempuh berbagai-bagai cabaran. Sewajarnya masyarakat tidak seharusnya lupa dengan hakikat jasa-jasa belia yang telah berjuang untuk membebaskan bangsa dan tanah airnya daripada belenggu penjajahan.



Oleh itu walaupun masa berlalu, dan generasi yang baru akan meninggalkan sejarah yang telah dilalui jauh ke belakang, mereka tidak harus lupa tentang asas-asas perjanjian yang telah dicapai oleh pejuang-pejuang kemerdekaan. Kaum belia sebagai penghubung generasi harus membawa bersama mereka sejarah bangsa Malaysia moden ini supaya walau dalam apa jua sekalipun, mereka yang datang kemudian akan sentiasa menghormati asas-asas perjuangan yang telah dicapai semasa memperjuangkan kemerdekaan Malaysia.

Sejarah telah membuktikan bagaimana belia-belia Melayu bangun sebagai pemangkin semangat nasionalisme menentang kerajaan British apabila mereka membuat keputusan untuk menjadikan negeri-negeri Melayu sebagai tanah jajahannya. Tindakan mereka menghapuskan kedaulatan Raja-raja Melayu pada Oktober 1945 melalui Malayan Union telah membangkitkan semangat juang orang-orang Melayu. Mejor Yeop bin Mohidin, Kapten Abdul Razak bin Dato' Hussein, Leftenan Muhammad Ghazalie bin Shafie daripada pasukan askar wataniah telah mengambil inisiatif untuk menentang rancangan British itu. Pada pandangan pemuda ini, kiranya dibiarkan British melaksanakan dasar itu kemungkinan orang Melayu akan menjadi pengemis di tanah airnya sendiri.

Mereka telah menghubungi Dato' Onn bin Jaafar, Menteri Besar Johor, yang terkenal dengan semangat kebangsaannya yang tinggi, untuk menggerakkan orang Melayu menentang Malayan Union. Hasilnya pada 11 Mei 1946, sebuah pertubuhan yang dikenali sebagai United Malay National Organisation atau UMNO telah ditubuhkan dengan Dato' Onn bin Jaafar sebagai Yang Dipertua dan Kapten Hussein bin Dato' Onn

sebagai Ketua Pemuda. 'Hidup Melayu' telah menjadi slogan perjuangan UMNO. Turut membantu dalam perjuangan itu ialah Zainal Abidin bin Ahmad atau Za'aba, Cik Guru Buyung Adil dan Samad Ahmad daripada persatuan Melayu Selangor.

Akhbar-akhbar Melayu seperti Majlis dan Utusan Melayu yang didokong oleh Wartawan muda Melayu turut memainkan peranan dalam gerakan menentang Malayan Union. Hasil kegigihan UMNO dan sokongan padu Raja-raja Melayu dan rakyat jelata, Malayan Union telah diganti dengan persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengiktiraf kedaulatan Raja-raja Melayu dan keperibumian orang Melayu.

Pada tahun 1951, wakil Pemuda telah membawa usul supaya slogan UMNO ditukar daripada 'Hidup Melayu' kepada 'Merdeka'. Usul itu telah diterima dan sejak itu perjuangan UMNO bukan lagi untuk menghidupkan orang Melayu tetapi untuk membebaskan orang Melayu dan tanah airnya daripada belenggu penjajahan. Sesungguhnya sumbangan dan peranan belia dalam perjuangan menentang Malayan Union amat besar sekali. Benar seperti ditegaskan oleh Tun Abdul Razak Hussein, belia adalah pemangkin perubahan.

Kini belia merupakan sejumlah penduduk Malaysia yang besar, ia harus sentiasa mengekalkan tahap komitmennya yang tinggi dalam apa bidang sekalipun samada ekonomi, politik, sosial maupun keselamatan. Ia merupakan tulang belakang dan pemangkin kepada keselamatan negara. Keselamatan negara merupakan asas keamanan

dan kemakmuran yang dinikmati oleh rakyat. Ia juga sebagai pemangkin kepada kegiatan ekonomi, politik dan sosial. Walau bagaimanapun dengan keamanan yang ada sekarang, wujud pendapat umum yang melihat peranan belia dengan bilangan penduduknya yang besar adalah kurang relevan pada masa ini kerana sebahagian belia mendatangkan masalah kepada negara dengan penglibatan mereka kepada gejala sosial dan *anti establishment*.

Peranan belia sebagai agen perubahan dan pembangunan negara tidak dapat dinafikan semenjak sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi. Pengaruh fahaman komunis telah berjaya dipatahkan sepenuhnya hingga membawa kepada kestabilan dan keamanan yang membolehkan negara dibangunkan hingga mencapai tahap yang dibanggakan hari ini. Ancaman gaya baru dari negara-negara kuasa besar, yang melihat dari persepsi mereka sesetengah negara sebagai pelindung keganasan, tidak mengecualikan Malaysia yang mempunyai majoriti penduduk Islam sebagai sasaran tuduhan atau keraguan mereka. Keadaan yang tidak menentu ini sudah pasti menuntut belia sentiasa berwaspada dan berada pada tahap siap siaga. Belia sewajarnya memberi komitmen terbaik dalam menjalankan tugas mempertahankan kedaulatan negara dari sebarang ancaman luar dari sudut ekonomi, sosial, politik dan keselamatan.

Komitmen belia dalam menjalankan tugas mungkin dipengaruhi oleh faktor organisasi belia seterusnya akan mempengaruhi kehendak mereka bekerja sebagai ahli belia samada dalam pertubuhan belia maupun di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Ramai cendekiawan dan penyelidik bersetuju bahawa komitmen terhadap organisasi berkait

rapat dengan kehendak seseorang belia. Persoalan timbul kenapa ramai di kalangan mereka sentiasa tidak berpuashati dengan pihak kerajaan dan masyarakat di sekitar mereka. Golongan belia dewasa ini menimbulkan masalah dan sering melakukan perkara-perkara yang di luar batasan, bertindak liar dan melanggar undang-undang dan peraturan. Belia-belie kini kebanyakannya dilihat tidak menyertai mana-mana pertubuhan yang boleh membimbing mereka ke arah kebaikan seperti organisasi belia, pertubuhan, kelab yang disertai atau bekerja di bawah organisasi belia Kementerian Belia dan Sukan dan sebagainya merupakan satu alemen yang amat penting dibentuk dan dipelihara bagi memastikan komitmen penuh mereka dalam memberikan yang terbaik dalam pelaksanaan tugas mereka.

Menurut kajian Pusat Integriti Negara (PIN) kebanyakan pertubuhan dan persatuan-persatuan belia kehilangan pemimpin. Pemimpin-pemimpin yang sebelum ini memimpin belia telah meninggalkan belia, mereka terpaksa berbuat demikian kerana peraturan telah menetapkan bahawa apabila seseorang mencecah umur melebihi 40 tahun mereka tidak lagi dipanggil belia dan telah masuk ke alam lebih dewasa. Justeru itu belia kehilangan arah apabila ketiadaan pemimpin yang berwibawa. Gribben (1972) dan Hollander menjelaskan bahawa kepimpinan adalah satu proses pengaruh mempengaruhi di antara pemimpin dan pengikut. Walaupun pemimpin mempunyai kuasa tetapi kekuatan pengaruhnya lebih bergantung kepada pujukan daripada paksaan. Proses kepimpinan selalunya melibatkan pertalian pengaruh yang bersifat dua arah dan tujuannya adalah untuk mencapai matlamat bersama. Oleh itu kepimpinan bukan hanya tanggungjawab tetapi memerlukan usaha dan kerjasama daripada pengikutnya (Hollander, 1978).

## 1.2 Pernyataan Masalah

Isu-isu Keselamatan Negara yang berlaku akhir-akhir ini telah banyak dikaitkan dengan golongan belia yang dikatakan kurang mempunyai semangat patriotisme dan sayangkan negara jika dibandingkan dengan belia-belia di zaman darurat. Keadaan ini turut melalui analisis yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang menyatakan saluran 3 dan 4 pada Pilihan Raya Umum Ke-12, iaitu saluran bagi golongan belia menunjukkan kemerosotan dalam menyokong undi kerajaan Barisan Nasional. Ekoran daripada itu terdapat tafsiran mengatakan dengan tahap semangat patriotisme belia yang rendah memudahkan mereka dihasut dengan dakwah-dakwah yang akhirnya menyebabkan kecenderungan sokongan belia tidak menentu. Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi melihat adakah belia hari ini telah berubah dan mempunyai jatidiri yang rendah hingga boleh menjejaskan keselamatan negara, tidak memberi sokongan kepada kerajaan yang memerintah sebaliknya suka menimbulkan hura hara.

Sebagai bukti dakwaan SPR bahawa pada pilihanraya umum ke 12 pada Mac 2008 menunjukkan sokongan belia (saluran 3 dan 4) terhadap kerajaan (BN) semakin merosot apabila 5 negeri dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dikuasai pembangkang atau Pakatan Rakyat yang terdiri dari (PKR dan PAS dan DAP).

Belia adalah tulang belakang kepada sesebuah organisasi dan pemangkin kepada pembangunan negara yang memainkan peranan sebagai penyambung warisan bagi generasi akan datang dilihat mula terpesong dari landasan sebenar. Sebahagian daripada

mereka telah melakukan aktiviti-aktiviti liar, persoalannya kenapa perkara sebegini semakin menular di kalangan belia Malaysia. Adakah pengurusan terhadap belia merosot, atau pengaruh persekitaran. Pengurusan yang baik serta komitmen yang baik terhadap keselamatan, ekonomi dan politik negara perlu dimainkan oleh semua golongan sesebuah organisasi, jabatan atau kementerian berkenaan supaya benar-benar menjadi unggul dan padu. Bagi menyediakan seseorang belia yang mahir ianya memerlukan masa dan perbelanjaan yang besar. Akhir-akhir ini dilihat belia-belia mahir dan separuh mahir terlibat dengan gejala-gejala negatif, pemberhentian dari berkhidmat badan beruniform terlatih, unit teknikal organisasi dan sebagainya. Kehilangan belia ini secara langsung boleh menyebabkan organisasi kurang berkesan samada dalam bentuk kekurangan produktiviti (Swinney, 1987) dan juga dalam bentuk pertambahan kos organisasi secara langsung bagi pelaburan sumber manusia, gunatenaga latihan, pemilihan dan penyediaan pekerja (*recruitment*) (Weisberg & Krischenbaum, 1991). Kehilangan pekerja-pekerja mahir ini terutama mereka yang ditugaskan di dalam tugas-tugas kritikal menyebabkan pusingan penyediaan anggota mahir sentiasa tiada kesudahan. Kecenderungan berhenti akibat tindakan disiplin dan sikap belia jika tidak dianalisa, dinilai dan dibendung sebaiknya akan menyebabkan organisasi kerajaan dan swasta sentiasa di dalam kerugian tenaga berkemahiran malah tumpuan utama penugasan lebih bersifat penyediaan pekerjaan dalam berbagai bidang.

Jika diimbaz kembali sejarah perjuangan pahlawan-pahlawan tanahair sebelum merdeka sehinggalah kepada kemerdekaan, iaitu perjuangan menentang penganas komunis dari tahun 1945 hingga mereka meletakkan senjata pada 2 Disember 1989, darurat 1948

hingga 1960, dalam masa yang sama menentang Malayan Union dan mendesak meminta kemerdekaan dari belunggu penjajahan serta konfrantasi Indonesia-Malaysia 1963 hingga 1965, jasa dan pengorbanan yang dicurahkan pasti tidak mudah dilupakan. Mereka yang berkorban ini sebahagian besarnya adalah terdiri dari golongan belia. Peristiwa silam tersebut telah membuktikan betapa golongan belia pada masa tersebut mendapat kepuasan sebenar dalam aktiviti dan gerak kerja dan organisasi belia secara langsung maupun tidak langsung seterusnya telah dapat memberi komitmen yang jitu dalam perjuangan mempertahankan kedaulatan tanahair dari ancaman musuh negara. Ancaman yang dihadapi semasa bertugas lebih besar dan merbahaya jika dibandingkan dengan masa kini akan tetapi ianya tidak melemahkan semangat belia untuk terus mempertahankan kedaulatan dan kemakmuran negara.

Kajian ini ditumpukan kepada isu kecenderungan sokongan politik belia dengan memfokuskan kepada 3 kawasan Parlimen iaitu 1 kawasan bandar dan 2 kawasan luar bandar yang berlainan bentuk geopolitiknyanya. 3 kawasan yang di maksudkan adalah P 57 Parit Buntar, P 59 Bukti Gantang dan P 60 Taiping yang mengandungi 8 Dewan Undangan Negeri (DUN). Butir-butir penyandang Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri adalah seperti berikut:

- a. Parlimen P 57 Parit Buntar – YB Dr Mujahid Yusof Rawa (PR-PAS).  
DUN N 8 Titi Serong – YB Dr Khalil Idham Lim Abdullah (PR-PAS).  
DUN N 9 Kuala Kurau – YB Abdul Yunus Jamahari (PR-PKR).

- b.     Parlimen P 59 Bukit Gantang – YB Dato’ Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin (PR-PAS).  
  
          DUN N 13 Kuala Sepetang – YB Tai Seng NG (PR-PKR).  
  
          DUN N 14 Changkat Jering – YB Kapt (B) Mohd Osman bin Mohd Jailu (Bebas).  
  
          DUN N 15 Trong – YB Datuk Hj Rosli bin Husin (BN-UMNO).
- c.     Parlimen P 60 Taiping – YB Nga Kor Ming (PR-DAP).  
  
          DUN N 16 Kemunting – YB Dato’ Mohamad Zahir bin Abdul (BN-UMNO).  
  
          DUN N 17 Pokok Assam – YB Yee Seu Kai (PR-DAP).  
  
          DUN N 18 Aulong – YB Yew Tia Hoe (PR-DAP).

P 60 Taiping diambilkira adalah kawasan bandar, iaitu bekas ibu negeri Perak Darul Ridzuan suatu ketika dahulu. Menurut sejarah Bijih Timah Negara, kawasan ini pernah mencetus kontroversi iaitu pergaduhan antara saudagar dan juga pelombong bijih timah iaitu kumpulan Gee Hin dan kumpulan Hai San mengikut sejarah Bijih Timah negara. Manakala 2 kawasan parlimen luar bandar adalah Parlimen P 57 Parit Buntar dan P 59 Bukit Gantang. Bagi kawasan Parlimen P 59 Bukit Gantang ianya agak kontroversi apabila berlaku pertukaran kerajaan Negeri Perak dari Barisan Nasional kepada Pakatan Rakyat setelah Barisan Nasional tewas dengan majoriti mudah iaitu 29 – 31. Ia dikatakan kontroversi adalah kerana 2 daripada Wakil Rakyat PR keluar parti dan menjadi ahli DUN bebas, dan salah seorang dari mereka adalah YB Kapt (B) Osman bin Mohd Jailu. Seterusnya berlaku lagi kontroversi apabila Ahli Parlimen kawasan berkenaan iaitu YB



Roslan Saharom, meninggal dunia dan berlaku pilihanraya kecil (PRK). Pada pilihanraya kecil tersebut, calon PR-PAS, Mohamad Nizar Jamaluddin bekas Menteri Besar Perak telah menang dan menjadi Ahli Parlimen yang baru.

Hampir kesemua kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri telah memenangi dimenangi oleh Pakatan Rakyat pada Pilihanraya Umum (PRU) ke 12, kecuali DUN N 15 Changkat Jering dan DUN N 16 Kemunting dimenangi oleh BN-UMNO.

Negeri Perak Darul Ridzuan, merupakan salah satu daripada lima negeri yang mengalami kekalahan teruk di pihak Barisan Nasional (parti pemerintah) kepada Parti Pembangkang atau lebih dikenali sebagai Pakatan Rakyat. 4 negeri lain yang telah dimenangi oleh Pakatan Rakyat iaitu Kedah, Pulau Pinang, Selangor dan Kelantan. Walau bagaimanapun Negeri Perak kembali kepada Barisan Nasional setelah dua wakil rakyatnya berpaling tadah menyertai BEBAS dan menyatakan sokongan kepada Barisan Nasional. Keadaan ini telah menyebabkan negeri Perak haru biru, kelim kabut dan ketidaktentuan buat seketika sehingga menyebabkan berlakunya persidangan DUN di bawah pokok.

Walaupun telah bertukar kembali kerajaan kepada Barisan Nasional, namun Negeri Perak Darul Ridzuan terus di belenggu dengan pelbagai masalah. Sehubungan dengan itu siapakah penentu masa depan politik Negeri Perak, sudah semestinya golongan belia yang merupakan majoriti dalam menentukan samada Barisan Nasional boleh terus memerintah atau terpaksa menyerahkan kerusi Menteri Besar kepada Pakatan Rakyat. Belia kini mengalami berbagai-bagai masalah, jika berfokuskan kepada negeri Perak ia

sama serta saling tak tumpah seperti negeri-negeri lain, dari sekecil-kecil masalah sehingga kepada masalah membuang anak sehingga kepada membunuh. Permasalahan ini perlu ditangani dengan bijaksana.

Golongan belia kebanyakannya dilihat tidak mempunyai hala tuju, daripada 11.1 juta belia di Malaysia, hanya beberapa ratus ribu sahaja yang dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi serta mempunyai pekerjaan yang tetap, dan peratusannya terlalu kecil. Selebihnya tidak menentu dari segi halatuju akademik, halatuju ekonomi politik dan sebagainya. Dari kalangan mereka dilihat sudah jauh menyimpang, mereka tidak menyokong kerajaan yang dipilih rakyat. Golongan belia sentiasa tidak berpuashati dengan tindakan kerajaan, aktiviti yang dilaksanakan oleh kerajaan seperti Kementerian Belia dan Sukan agak hambar dan tidak mendapat sokongan golongan ini. Apakah permasalahan mereka? Adakah tidak berpuashati dengan dasar-dasar kerajaan, tiada komitmen dengan aktiviti-aktiviti belia daerah atau hasutan pembangkang yang keterlaluan. Persoalan ini akan dikaji satu persatu.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Berasaskan kepada perbincangan di atas maka terbit beberapa persoalan di dalam kajian ini, iaitu sejauhmana perbezaan faktor individu belia (pengalaman), hubungan mereka dengan faktor keselamatan, faktor ekonomi, faktor komunikasi dan faktor kepimpinan yang telah mempengaruhi kecenderungan sokongan politik mereka. Secara khususnya persoalan kajian adalah seperti berikut:

- a. Adakah wujud perbezaan dalam kecenderungan sokongan politik belia berdasarkan umur, jantina dan tahap pendidikan?
- b. Adakah faktor keselamatan mempunyai hubungan dengan kecenderungan sokongan politik belia?
- c. Adakah faktor ekonomi mempunyai hubungan dengan kecenderungan sokongan politik belia?
- d. Adakah faktor Komunikasi mempunyai hubungan dengan kecenderungan sokongan politik belia?
- e. Adakah faktor Kepimpinan mempunyai hubungan dengan kecenderungan sokongan politik belia?
- f. Adakah faktor keselamatan, ekonomi, komunikasi dan kepimpinan mempengaruhi kecenderungan sokongan politik belia?

#### **1.4 Objektif Kajian**

Berdasarkan kepada masalah dan isu di atas, timbul beberapa persoalan yang menjadi asas kepada objektif kajian iaitu seperti berikut:

- a. Untuk menentukan perbezaan dalam kecenderungan sokongan politik belia mengikut umur, jantina dan tahap pendidikan.
- b. Untuk menentukan hubungan antara faktor keselamatan dengan kecenderungan sokongan politik belia.

- c. Untuk menentukan hubungan antara faktor ekonomi dengan kecenderungan sokongan politik belia.
- d. Untuk menentukan hubungan antara kepimpinan dengan kecenderungan sokongan politik belia.
- e. Untuk menentukan hubungan antara komunikasi dengan kecenderungan sokongan politik belia.
- f. Untuk mengenalpasti pengaruh antara faktor keselamatan, ekonomi, kepimpinan dan komunikasi dengan kecenderungan sokongan politik belia.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Penyediaan belia terlatih memerlukan komitmen dan peruntukan yang besar samada dari sumber kewangan kerajaan, tenaga pengajar atau jurulatih dan pemimpin yang menentukan seseorang belia berkenaan berketerampilan dan boleh digerakkan dalam satu kumpulan yang padu di sesuatu kawasan. Ke kerapannya belia tidak menyokong aktiviti kerajaan bukan sahaja merugikan sumber tenaga mahir malah merugikan organisasi belia dan negara. Pembaziran menyediakan sumber tenaga mahir tanpa penyeliaan sempurna hingga ke tahap maksima harus dipandang serius agar belia, masyarakat dan negara mendapat hasil yang maksima dari pelaburan sumber tenaga ini.

Tanpa faktor keselamatan, ekonomi, komunikasi dan kepimpinan yang berkesan dan komitmen kepada organisasi belia, nescaya hasrat untuk kerajaan yang sentiasa mendapat sokongan belia agak sukar. Rowland and Ferris (dalam Nail, 1996)

menggariskan tiga elemen penting berkaitan komitmen seseorang terhadap organisasi, jabatan maupun pertubuhan dan kerajaan secara umumnya iaitu:

- a. Mempunyai kepercayaan terhadap nilai dan matlamat organisasi.
- b. Kesanggupan untuk berusaha secara maksimum terhadap organisasi.
- c. Berkeinginan kuat untuk kekal menjadi ahli dalam organisasi tersebut.

Dapatan kajian ini dijangka berupaya memberi gambaran faktor yang harus diberi perhatian dalam memastikan faktor perbezaan individu, keselamatan, ekonomi, komunikasi maupun kepimpinan. Hasil kajian ini diharap dapat membantu penggubal dasar pengurusan belia untuk membuat penilaian berkenaan tahap meninggikan komitmen serta tanggungjawab belia kepada negara di samping membolehkan pentadbir belia atau Kementerian Belia dan Sukan, bertindak positif dalam pengurusan belia sejajar dengan matlamat kerajaan.

## **1.6 Batasan Kajian**

Kajian ini dilakukan ke atas responden yang terdiri dari belia-belia berumur sekitar 18 – 40 tahun. Kajian ini ditumpukan kepada isu kecenderungan sokongan politik belia dengan memfokuskan kepada 3 parlimen dan 8 DUN di bawahnya di Negeri Perak Darul Ridzuan sepertimana yang dinyatakan sebelum ini. Hasil serta rumusan dari kajian ini hanya menggambarkan faktor perbezaan individu belia, faktor keselamatan, ekonomi, komunikasi dan kepimpinan dengan kecenderungan sokongan politik belia hanya di

kalangan belia negeri Perak sahaja. Ianya tidak dapat menggambarkan keseluruhan belia di Malaysia yang lain yang mungkin kurang sesuai berdasarkan kepada pemerintah negeri terutama di bawah Pakatan Rakyat seperti Kedah, Pulau Pinang, Selangor dan Kelantan kerana negeri berkenaan mempunyai agenda dan aktiviti belia yang agak berbeza.

## **1.7 Definisi Istilah**

Kajian akan melibatkan penggunaan beberapa istilah berhubung kepimpinan dan pengurusan, komunikasi berkesan dan komitmen organisasi. Penjelasan istilah-istilah adalah seperti berikut:

### **1.7.1 Belia**

Menurut kamus Bahasa Melayu (2003), belia bermaksud golongan muda samada lelaki maupun perempuan, diistilahkan juga pemuda dan pemudi. Manakala takrif umur belia berbeza-beza mengikut kesesuaian, keperluan dan keutamaan yang ditetapkan oleh sesebuah negara. Dasar Belia Malaysia (2002) mendefinisikan belia sebagai lelaki dan perempuan yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun (definasi ini dalam proses penelitian semula bagi membuat penyelarasan semula dengan definasi belia antarabangsa) adalah dianggap sebagai Belia. Berdasarkan statistik tahun 2007, daripada seramai 27,173,600 orang rakyat Malaysia, 41% atau 11.1 juta adalah merupakan golongan belia. Kini Kementerian Belia dan

Sukan menganggarkan belia Malaysia berumur antara 15 hingga 40 tahun berjumlah lebih kurang 11.6 juta orang.

Peringkat umur belia itu adalah peringkat umur dari seorang yang bergantung kepada seseorang untuk berfikir dan bertindak kepada seseorang yang bebas (independent). Ianya merupakan peringkat di mana seseorang itu mula menghadapi cabaran yang memaksa ia membuat keputusan tentang kehidupannya. Peringkat belia ini dipenuhi dengan berbagai cabaran yang mengkehendakan setiap belia bertindak dengan tenaga yang tinggi, keperluan dan hadapan yang tinggi. Maka belia boleh mengubah bukan sahaja kehidupannya tetapi masyarakat dan persekitarannya.

### **1.7.2 Kepimpinan**

Kepimpinan telah dibincangkan secara meluas oleh para cendekiawan yang sering kali berfokuskan tentang kuasa seseorang pemimpin dan kemampuan mereka dalam mempengaruhi pihak lain untuk melakukan sesuatu yang mereka mahukan. Sehubungan dengan itu, terdapat juga perbincangan yang menjuruskan ke arah penggunaan kuasa untuk mempengaruhi atau memujuk dan bukannya secara memaksa, iaitu kemampuan dalam merangsang pihak lain untuk melakukan sesuatu mengikut keperluan pemimpin.

Kepimpinan juga boleh ditafsirkan sebagai kemahiran atau sifat semulajadi, sesuatu yang dimiliki oleh seseorang individu atau hubungan antara manusia (Andrews & Herschel,1996). Sehubungan dengan itu kepimpinan boleh ditakrifkan sebagai interaksi antara dua atau lebih ahli di dalam sesuatu kumpulan yang mana ia selalunya melibatkan penyusunan atau penyusunan semula sesuatu keadaan atau persepsi dan harapan pengikut (Bass,1990).

Dalam kepimpinan, seseorang pemimpin itu adalah merupakan ejen perubahan. McGregor (1960). Beliau juga menegaskan bahawa pemimpin merangsang pengikutnya melakukan sesuatu demi mencapai matlamat yang mana ia melambangkan nilai dan motivasi, keperluan, aspirasi dan harapan kedua-dua iaitu pemimpin dan orang yang dipimpinya.

Seseorang pemimpin itu mestilah mempunyai keberanian, kegagahan, keperwiraan dan keperkasaan serta yang paling penting bijaksana. Inilah nilai yang amat tinggi terutama daripada segi pertahanan dan peribadi kepimpinan. Negara memerlukan peribadi yang seperti ini dan pemimpin sering diharap membawa sikap serta tindakan yang berani dan perkasa. Berkait rapat dengan nilai ini adalah kebijaksanaan dan kecerdikan kerana yang memimpin harus dapat menghadapi pelbagai cabaran dengan tidak menggadaikan nyawa dan kewibawaannya. Sekadar keberanian atau keperkasaan tanpa kebijaksanaan maka manusia itu akan kalah kepada yang lemah. Seperti kata pepatah, yang bodoh adalah makanan yang cerdik. Dengan demikian keperkasaan sentiasa



digandingkan dengan kecerdikan, kebijaksanaan dan segala kepandaian yang tinggi supaya dapat memainkan peranan besar terhadap diri dan masyarakat serta bangsanya. Semua pahlawan terkenal adalah gabungan daripada nilai-nilai perwira dan kebijaksanaan apa lagi dalam peperangan yang menuntut kebijaksanaan taktik dan strategi perjuangan di samping keperkasaan dan keberanian membuat keputusan yang bijak.

### **1.7.3 Komunikasi**

Komunikasi sangat signifikan dalam pengurusan sesebuah organisasi samada organisasi berkenaan kecil, sederhana maupun besar seperti jabatan-jabatan kerajaan, kerana ia menjadi salah satu faktor penentu kejayaan sesebuah organisasi berkenaan. Kemahiran berkomunikasi ini menjadi begitu penting kerana ia mampu menentukan kejayaan pihak pengurusan dalam menguruskan sesebuah sesebuah organisasi. Jika diteliti dari kajian-kajian yang telah dijalankan, ramai pemimpin organisasi mengakui kepentingan komunikasi dalam pengurusan.

Downs dan Hazen (1977) dan Pincus (1986) memecahkan dimensi komunikasi organisasi kepada beberapa bahagian iaitu; Komunikasi Pihak Atasan, Komunikasi Subordinat, Komunikasi Horizontal/Informal, Kualiti Maklumat/Media, Kesepaduan Organisasi, Perspektif Korporat, Iklim Komunikasi, Komunikasi Penyeliaan, dan Maklumbalas Peribadi.

## **1.8 Kesimpulan**

Bab ini telah membincangkan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan permasalahan belia di Malaysia khususnya di negeri Perak yang membawa kepada beberapa persoalan yang perlu dikaji dengan lebih mendalam. Bagi mengetahui keadaan sebenar, tujuan kajian telah dinyatakan berserta objektif yang hendak dicapai. Batasan kajian turut dijelaskan serta menyentuh latarbelakang organisasi belia yang mana responden diambil sebagai sampel kajian. Bab berikutnya akan membincangkan tentang perbezaan individu, faktor keselamatan, ekonomi, komunikasi dan kepimpinan serta kecenderungan sokongan politik belia. Sehubungan dengan itu beberapa kajian lepas tentang keselamatan, ekonomi, komunikasi dan kepimpinan serta hubungannya dengan kecenderungan sokongan politik belia akan disentuh.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KARYA**

#### **2.1 Pengenalan**

Bab ini akan menjelaskan konsep-konsep keselamatan, ekonomi, kepimpinan, komunikasi dan kecenderungan sokongan politik yang merangkumi definisi dan kefahaman. Secara amnya membincangkan teori keselamatan, teori ekonomi, teori kepimpinan, teori komunikasi, teori hubungan manusia antara kepimpinan dan komunikasi dengan kecenderungan sokongan politik serta perkara-perkara berkaitan. Berdasarkan kepada kajian-kajian terdahulu, akan dibentuk rangka kerja teoritikal, hipotesis kajian dan juga perbincangan mengenai pengoperasian kerangka kerja teoritikal yang dibentuk serta rumusan.

#### **2.2 Teori dan Model Keselamatan**


Secara asasnya menurut Maslow (1954) manusia adalah mahluk yang berkeinginan, sentiasa ingin dan ingin lebih banyak. Proses keinginan manusia adalah dinamik dan tiada kesudahan. Sifat ini menjadi satu keperluan yang telah memuaskan tidak lagi mendorong manusia dan hanya keperluan yang belum tercapai akan terus menjadi penggalak. Maslow menyusun keperluan manusia ini kepada tahap-tahap tertentu di mana tahap yang paling rendah ialah kehendak fisiologi, diikuti dengan keselamatan,

penghargaan, kasih sayang dan tahap yang paling tinggi ialah penyempurnaan sendiri atau keperluan pemuasan diri.

Organisasi bertanggungjawab menyediakan persekitaran bagi memenuhi keperluan-keperluan mengikut keperluan tersebut dalam usaha memberi kepuasan kepada ahli-ahlinya. Menurut Davis (1957) pula, apa yang diperlukan oleh seseorang adalah kepimpinan yang baik, memperolehi maklumat, penghormatan, perangsang, kemajuan dalam kerjaya yang diceburi, bebas, pergaulan, keamanan, keselamatan, terma kerja yang baik dan adil.

Rajah 2.1

*Teori Pengurusan Maslow*



### 2.3 Teori dan Model Kepimpinan

Kepimpinan merupakan faktor yang amat penting dalam kehidupan dan organisasi memandangkan pemimpin adalah bertanggungjawab menunjukkan arah yang perlu dilalui oleh pengikut atau orang-orang yang dipimpinnya. Sehubungan dengan itu konsep kepimpinan tidak boleh dipisahkan dari pengurusan dan komunikasi, perkara ini selalunya digunakan secara bertukar ganti. Walaupun ia kadang-kadang menimbulkan kekeliruan terhadap pengagihan tanggungjawab yang sebenar di dalam sesebuah organisasi, ketiga-tiganya adalah saling melengkapi dengan sedikit perbezaan dari segi penekanan di dalam cara berfikir dan tindakan yang diambil.

Pemimpin seringkali dikaitkan dengan cara atau gaya individu memimpin atau lebih dikenali sebagai kepimpinan (*leadership*). Kepimpinan mempunyai pengertian yang berlainan kepada beberapa pengarang. Memandangkan objektif utama kajian adalah untuk mengukur sejauh mana pencapaian kepimpinan dan faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pemimpin dalam organisasi belia, politik dan negara, adalah penting definasi “kepimpinan” dihuraikan dengan lebih terperinci.

Bartol dan Martin (1998), kepimpinan merupakan satu proses untuk mempengaruhi sesuatu kumpulan bagi mencapai matlamat sesebuah organisasi. Manakala Daft (2002) pula mendefinisikan kepimpinan sebagai satu hubungan yang berupaya mempengaruhi antara satu dengan lain iaitu hubungan antara pemimpin dan pengikut yang berkongsi matlamat atau hala tuju. Koontz dan Weihrich (1997), kepimpinan sebagai pengaruh, seni

atau proses mempengaruhi orang supaya mereka akan berjuang dengan rela hati dan penuh semangat ke arah pencapaian matlamat kumpulan.


Persekitaran organisasi yang kini dilihat begitu kompleks semakin menyukarkan pemimpin dalam proses membuat keputusan Bennis (1976). Beliau juga turut memberi penjelasan bahawa kedua-dua bentuk komunikasi dalaman dan luaran, kadang kadang mengekang pilihan-pilihan yang ada pada seseorang pemimpin, seperti komunikasi luaran memberi pelbagai kekangan kerana sikap kebergantungan organisasi terhadap komunikasi sebegini. Sementara itu komunikasi dalaman pula lebih banyak dipolitikkan oleh pihak-pihak tertentu sehingga memaksa seseorang pemimpin untuk menyokong aktiviti-aktiviti atau program-program tertentu yang kadang-kadang bercanggah dengan misi organisasi.

## **2.4 Model Kepimpinan**

Terdapat tiga penjurong yang menjadi puncak utama keberkesanan kepimpinan masa kini. Ketiga tiga pembolehubah iaitu identiti, imej dan reputasi akan menentukan kepimpinan. Oleh yang demikian ketiga tiga elemen ini saling bersangkutan antara satu sama lain dan ia akan dibincangkan secara terperinci perkaitannya.

## Rajah 2.2

*Model Kepimpinan (Sumber: Newman dan Chaharbaghi (2000))*



Secara mudahnya identiti adalah apa yang dipunyai oleh pemimpin, imej pula adalah tanggapan publik atau orang ramai terhadap pemimpin berdasarkan identiti yang dimiliki. Manakala reputasi, adalah agregate persepsi yang wujud pada publik terhadap tindakan pemimpin mencapai permintaan dan jangkaan mereka terhadap pemimpin. Reputasi dinilai berdasarkan reputasi dan agregate pemimpin mungkin meningkat berbanding dua tahun lepas atau mungkin menurun setelah lama memimpin. Agregat ini akan wujud dalam persepsi para publik terhadap pemimpin. Oleh yang demikian kedua-dua pembolehubah ini iaitu imej dan reputasi ditentukan oleh identiti yang dimiliki oleh pemimpin.

Imej pemimpin yang dibincangkan ini berkait langsung dengan teori sifat. Para sarjana berpendapat pemimpin yang baik memiliki kualiti yang diperlukan sebagai seorang pemimpin. Antara sifat yang disenaraikan termasuklah jujur, terbuka, ramah,

berkeyakinan, berdisiplin, tegas dan cekap. Sifat-sifat positif yang dimiliki oleh pemimpin ini akan menonjolkan imej dan akan disenangi oleh pengikut.

Sifat pemimpin adalah elemen utama yang menyumbang kepada pembentukan imej. Sifat yang positif akan menonjolkan jati diri pemimpin dan sifat inilah yang dimahukan oleh pengikut. Menurut Locke (1991) kepimpinan yang berkesan dan baik perlu mempunyai sifat-sifat berikut:

- a. Bertenaga dan bercita-cita.
- b. Pegangan kuat dan proaktif dalam mengejar matlamat.
- c. Mempunyai keinginan untuk memimpin.
- d. Jujur dan integriti.
- e. Mempunyai keyakinan yang tinggi, kemampuan untuk mengambil risiko, tanggungjawab dan juga mampu memberi keyakinan kepada pengikut.
- f. Kreatif.
- g. Praktikal dan fleksibel secara strategik dengan bertindak mengikut keadaan.
- h. Berkarisma.

Stogdill (1972) mendapati terdapat korelasi antara sifat-sifat pemimpin ini dengan orang lain. Oleh itu pemimpin sememangnya seseorang yang istimewa dan berbeza dengan



orang kebanyakan. Timbul berbagai model yang cuba menerangkan gaya kepimpinan seperti Teori X dan Y oleh Douglas Mc Gregor, Grid Pengurusan oleh Black and Mouton dan Model Autokratik-Demokratik Tennenbaun dan Schmidt. Semua teori dan model ini menerangkan gaya kepimpinan sesebuah organisasi. Kesimpulannya bahawa samada kepimpinan beraskan sifat atau pun perlakuan ia tetap menghasilkan refleksi imej pemimpin tersebut. Kelakuan dan sifat adalah identiti pemimpin<sup>1</sup>.

## **2.5 Kajian-Kajian Terdahulu Mengenai Kepimpinan**

Kajian bagi mengenalpasti ciri-ciri demografi kepada tahap komitmen terhadap organisasi berkait rapat dengan kepimpinan dan pengurusan telah banyak dilakukan. Ciri-ciri demografi responden yang terlibat dalam kajian ini melibatkan kedudukan pangkat dan pengalaman kerja. Pangkat yang disandang secara langsung akan melibatkan kenaikan gaji akan tetapi pengalaman bekerja tidak semestinya meningkatkan kenaikan gaji.

Mazni (1996) dalam Kamsiah (2003) melalui kajiannya ke atas 207 orang responden dari lima organisasi perkilangan elektronik di Kedah mendapati adanya hubungan yang signifikan antara ganjaran *ekstrinsik* (hubungan rakan sekerja, hubungan kepimpinan penyeliaan gaji, kenaikan pangkat, persekitaran kerja dan pengurusan) dengan komitmen terhadap organisasi. Mazni (1996) mendapati perbezaan komitmen yang signifikan berdasarkan ciri-ciri peribadi seperti umur, tempoh perkhidmatan serta jawatan, kecuali

---

<sup>1</sup> Syed Abdul Rahman dan Bahtiar, (2008), *Komunikasi Kepimpinan, Menangani Cabaran Global*, Petaling Jaya :Pearson-Prentice Hall

jantina. Ganjaran kerja menunjukkan pengaruh yang signifikan ke atas komitmen terhadap organisasi.

Kajian oleh Stone (1975) mendapati korelasi pada 0.43 di antara skala dan etika Protestant (Wollack, Goodale, Wijting, & Smith, 1971). Manakala kajian oleh Stone, Mowday dan Porter (1977) mendapati bahawa skala mempunyai korelasi signifikan dengan skop kerja (pelbagai tanggapan, autonomi, identiti tugas, dan maklumbalas).

Kajian oleh Sazali (2000) mendapati taraf pendidikan mempunyai kaitan dan perbezaan dari aspek kepuasan kerja. Beliau mendapati pegawai-pegawai Kastam berkelulusan STPM/HSC mempunyai nilai min keseluruhan, kepuasan intrinsik dan kepuasan ekstrinsik yang terendah berbanding pegawai yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi atau yang lebih rendah. Ahmad Zikrileh (2001) mendapati faktor demografi seperti gred jawatan dan taraf pendidikan mempunyai hubungan dan perbezaan dari segi komitmen pekerja terhadap organisasi. Tempoh perkhidmatan juga mempunyai hubungan positif dengan komitmen terhadap organisasi. Semua kajian ini mempunyai hubungkait dengan kepimpinan dan pengurusan sesebuah organisasi.

## **2.6 Kesimpulan Kepimpinan**

Masyarakat kini sudah menjadi semakin celik mengenai undang-undang menjadikan seseorang pemimpin itu lebih suka untuk mengelak dari menghadapi masalah dengan pihak-pihak yang berkepentingan dengan komunikasi luaran dan dalaman ini daripada

berusaha untuk menyempurnakan sesuatu aktiviti organisasi. Kekangan-kekangan seperti ini membawa kepada kewujudan garis pemisah di antara kepimpinan dan pengurusan. Bennis (1976) menekankan bahawa objektif utama kepimpinan adalah untuk merancang halatuju organisasi dan sebaliknya, objektif utama pengurusan adalah berusaha mencapai matlamat atau perancangan yang telah disusun.

## **2.7 Konsep dan Teori Komunikasi**

Ferace, Taylor dan Stewart (1978) dalam penulisan mereka *Criteria for Evaluation of Organizational Effectiveness: Review and Synthesis*, mentakrifkan keberkesanan komunikasi sebagai *the degree to which the response to a message transmission event is consonant with the overall objectives of the initiator* dan merumuskan *communication is effective when the outcome of a message event can be accurately predicted. To the extent prediction is incorrect, then the communication involved is ineffective*. Mereka juga mengemukakan hujah bahawa komunikasi boleh menjadi tidak berkesan dan berkesan. Apabila komunikasi tidak berkesan, organisasi akan menanggung kesan buruk akibat kesilapan yang meluas. Apabila komunikasi terlalu berkesan, organisasi mengalami pelbagai kegagalan fungsi dan sikap tidak endah akibat daripada penumpuan sumber secara berlebihan kepada komunikasi. Lima dimensi utama keberkesanan komunikasi dicadangkan iaitu:

- a. Struktur atau bentuk pergerakan mesej.
- b. Mesej yang bergerak melalui struktur komunikasi.

- c. Pihak berkomunikasi iaitu penghantar dan penerima mesej.
- d. Ciri-ciri media komunikasi.
- e. Potpourri (faktor-faktor yang memberi kesan kepada pembuatan keputusan pihak yang berkomunikasi, tetapi tidak memenuhi mana-mana kategori di atas. Ia merujuk kepada faktor seperti kos dan kecekapan.

Amalan komunikasi yang baik adalah penting bagi menjadikan komunikasi itu berkesan dalam komunikasi untuk mencapai misi dan visinya. Komunikasi adalah sesuatu yang kompleks kerana melibatkan manusia yang terdiri dari bermacam ragam. Demi mencapai hasrat komunikasi melalui pencapaian pelaksanaan tugas individu, amalan komunikasi perlulah mantap dan sesuai dengan budaya organisasi. Komunikasi juga merupakan satu elemen yang penting dalam semua organisasi. Ianya merupakan salah satu faktor utama yang mengakibatkan kegagalan pada sesebuah organisasi terutamanya dalam politik, ekonomi dan keselamatan. Ini adalah kerana komunikasi dalam bidang politik, ekonomi dan keselamatan melibatkan pelbagai pihak dan merupakan perhubungan yang kompleks.

Keberkesanan komunikasi organisasi boleh dilihat dari sudut pertama, kualiti proses komunikasi, kedua, ciri-ciri komunikasi organisasi dan ketiga, kepuasan terhadap pelbagai dimensi komunikasi organisasi. Komunikasi organisasi yang berkesan juga diteliti secara lebih khusus dari aspek kepuasan terhadap dimensi-dimensi komunikasi organisasi.

Komunikasi yang berkesan tidak hanya sekadar ditinjau dari segi kepuasan yang timbul di kalangan kakitangan organisasi. Dakwaan-dakwaan berkaitan dengan keberkesanan komunikasi organisasi akan menjadi lebih sahih sekiranya dibuktikan hubungannya dengan pembolehubah-pernbolehubah organisasi yang lain. Pada dasarnya komunikasi di dalam organisasi belia tidak lari dari norma komunikasi. Ianya telah mengamalkan tiga bentuk komunikasi iaitu:

## **2.8 Komunikasi Vertikal**

Bentuk komunikasi ini merupakan bentuk komunikasi yang terjadi dari atas ke bawah dan sebaliknya. Ianya berlaku apabila sesuatu arahan baru mahupun arahan terkini yang perlu disampaikan kepada semua warga organisasi ini. Ini berlaku di dalam pengaliran maklumat dari pihak atasan ke semua negeri di bawah Kementerian Belia dan Sukan serta pertubuhan belia sehinggalah ke daerah-daerah yang paling kecil di dalam organisasi ini. Ini bermakna, komunikasi yang disampaikan pihak atasan kepada bawahan dan dari bawahan kepada pihak atasan secara timbal balik.

### **2.8.1 Fungsi komunikasi ke bawah digunakan pihak atasan untuk:**

- a. Melaksanakan kebijaksanaan, prosedur kerja, peraturan, arahan, mengenai pelaksanaan kerja bawahan.
- b. Menyampaikan pengarahan doktrinasi, evaluasi dan teguran.
- c. Memberikan informasi mengenai tujuan organisasi, matlamat organisasi dan insentif.

### **2.8.2** Fungsi komunikasi ke atas digunakan untuk:

- a. Memberikan pengertian mengenai laporan prestasi kerja, saranan, usul, pandangan, permohonan bantuan dan ketidakpuashatian.
- b. Memperoleh informasi dari bawahan mengenai kegiatan dan pelaksanaan pekerja bawahan dari tingkat yang lebih rendah.

Organisasi dan pertubuhan di bawah kawalan kementerian semestinya berharap agar idea, saranan, pendapat, tanggapan maupun kritiknya dapat diterima dengan lapang dada dan hati terbuka oleh pucuk pimpinan belia.

## **2.9 Komunikasi Horizontal**

Bentuk komunikasi secara mendatar di antara sesama negeri dan daerah serta sesama pertubuhan dan sebagainya. Komunikasi horizontal sering kali berlangsung tidak formal. Fungsi komunikasi horizontal digunakan oleh dua pihak yang mempunyai taraf yang sama. Komunikasi ini berlangsung dengan cara tatap muka, melalui media elektronik seperti telefon atau melalui pesan tertulis. Sebagai contoh ini berlaku apabila pegawai berkomunikasi dengan pegawai dalam membincangkan pencegahan dan langkah-langkah dalam membentuk disiplin warga belia masing-masing.

## **2.10 Komunikasi Diagonal**

Berlaku dari seseorang kepada orang lain dalam posisi yang berbeza. Dalam erti lain, pihak yang satu tidak berada pada jalur struktur yang lain. Fungsi komunikasi diagonal juga digunakan oleh dua pihak yang mempunyai taraf berbeza tetapi tidak mempunyai kaitan langsung kepada pihak lain. Ianya diamalkan oleh organisasi belia apabila berhubung dengan organisasi lain contohnya mereka yang sama jawatan dari organisasi Kementerian Pengajian Tinggi dalam mendapatkan maklumat yang dapat digunakan dalam membuat sesuatu polisi berkaitan dengan kegiatan belia.

Justeru itu, setiap organisasi kepimpinan di dalam Kementerian Belia dan Sukan digalakkan melaksana komunikasi dan mendapatkan pengertian yang sama di antara dua pihak. Ini akan lebih memberi dorongan semangat dan moral untuk warga belia bekerja untuk menyelesaikan tugas dan tanggung jawab yang diberikan. Ini bermaksud satu tindakan kerjasama demi mewujudkan hasil kerja untuk mencapai tujuan organisasi. Melalui jalur hieraki/tingkatan pihak atasan harus lebih memperhatikan komunikasi dengan bawahannya secara baik, sehingga dapat membangkitkan minat dan minat kerja disertai komunikasi yang baik untuk mencapai tujuan yang diharapkan.

## **2.11 Kajian-Kajian Terdahulu Mengenai Komunikasi**

Kajian yang dijalankan ke atas para esekutif yang bekerja dalam syarikat-syarikat yang tersenarai dalam majalah Fortune 500 telah berjaya mengenalpasti nilai dan keperluan

berterusan terhadap komunikasi yang efektif dalam sesebuah organisasi (Bennet & Olney, 1986). Dalam kajian tersebut, para esekutif menyatakan bahawa komunikasi, terutamanya lisan, amat perlu dalam menentukan kejayaan dalam perniagaan. Kepentingan kemahiran dalam berkomunikasi ini lahir dari kesedaran bahawa dalam era maklumat yang sebegini, terdapat terlalu banyak yang perlu dihebahkan, diterima, dianalisa, dikembalikan atau dibuang (Daniels, Spiker, & Papa, 1997).

## **2.12 Teori Kelakuan – Kecenderongan Sokongan**

Teori berkaitan kelakuan (*behavioral intention*) mula diperkenalkan oleh Fishbein (1975) dan Fishbein & Ajzen (1975) yang memperkenalkan empat kategori yang luas berkaitan dengan pembangunan sikap dan pertukaran (a) kepercayaan (*belief*) merujuk kepada anggapan bahawa tindak balas yang diberi akan diikuti dengan peristiwa yang sama. (b) sikap (*attitude*) menjelaskan tentang evaluasi individu yang menyenangkan dan tidak menyenangkan tentang peristiwa (berdasarkan kepercayaan paling utama tentang peristiwa berkenaan). (c) hasrat kelakuan (*behavioral intention*) iaitu kemungkinan subjektif seseorang akan melakukan sesuatu perbuatan (kelakuan) dan (d) setiap kelakuan adalah bersangkutan dengan kelakuan yang sama selaras. Fishbein dan Ajzen (1975) mencadangkan bahawa wujud sebab langsung hubungan antara kepercayaan dengan sikap, sikap dengan kelakuan dan hasrat dengan kelakuan. Sikap yang menyenangkan seperti kepuasan, menyebabkan wujud hasrat sayangkan organisasi dan hasrat untuk melibatkan bekerja atau terus kekal dalam organisasi. Akan tetapi jika seseorang itu tidak berpuashati terhadap pekerjaan dan organisasinya ianya akan



mendorong lebih kepada hasrat untuk meninggalkan atau tidak menyokong sesuatu organisasi samada kecil maupun organisasi besar seperti kerajaan.

### **2.13 Kajian Tentang Kecenderungan Sokongan Politik Belia**

Hasil kajian tinjauan atau *exploratory research* mengenai kajian yang lepas tentang kecenderungan sokongan politik belia tidak dapat diperolehi secara terus. Walau bagaimanapun terdapat banyak kajian mengenai permasalahan belia yang kurang kaitan dengan kajian ini. Terdapat juga kajian tentang komitmen terhadap organisasi yang dilihat boleh diambil kira sebagai bahan rujukan. Umpamanya kajian lepas (Mc Farlane, 1985) menunjukkan bahawa hasrat untuk kekal dalam organisasi dan terus menyokong organisasi tersebut adalah dipengaruhi oleh 4 faktor sikap iaitu komitmen kerja, kepuasan kerja, komitmen terhadap organisasi dan kepuasan terhadap organisasi dan ini boleh dikaitkan serba sedikit. Keempat-empat faktor berkenaan mempunyai keunikan tersendiri dalam menyumbang kepada hasrat kelakuan, memandangkan hasrat kelakuan pada kebiasaannya adalah berupa tanggapan kepada kelakuan sebenar (Mobley et al., 1977; Waters and Roach, 1979).

Pihak Kementerian Belia dan Sukan dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) juga turut membuat kajian terhadap kecenderungan sokongan belia terhadap kerajaan, tetapi kajian tidaklah dilakukan secara terperinci. Ia sekadar melihat kepada keputusan pilihanraya umum dan mencari permasalahan kenapa belia tidak menyokong kerajaan. Kebanyakannya tidak mengambil berat mengenai keselamatan, ekonomi dan politik

negara. Malah golongan belia banyak mewujudkan permasalahan sosial, seperti penyalahgunaan dadah, merempit, merompak, menyamun, merogol dan berbagai-bagai lagi. Kajian Kementerian Belia dan Sukan juga mendapat hanya 20.1% atau 2.6 juta belia daripada 10.7 juta belia bepersatuan, manakala 8.6 juta masih tidak terlibat dengan mana-mana pertubuhan belia. Sekiranya belia bepersatuan mereka akan komited kepada organisasi. Keputusan kajian oleh (Mc Farlane, 1985) mencadangkan bahawa organisasi dapat dianggap sebagai mempunyai satu kebiasaan (*trends*) dalam faktor kelakuan, prestasi kerja dan pertukaran kerja di kalangan pekerja sebagai satu kumpulan dan bukannya secara individu berdasarkan ukuran sikap kerja. Oleh yang demikian, ini akan membolehkan organisasi mengatasi masalah yang menyebabkan kebiasaan tersebut. Seterusnya menggalakkan kelakuan belia yang akan membawa faedah kepada organisasi. Melalui kajian (Mc Farlane, 1985) juga, implikasi yang praktikal ialah sikap mungkin bukan penyebab kepada hasrat kelakuan atau kelakuan belia ada berkaitan dengan peningkatan umur dan tempoh. Oleh itu, pertubuhan belia perlu menggunakan pelbagai pendekatan untuk menggalakkan belia menyertainya dan menjadi belia yang berkelakuan positif.

Golongan belia juga kehilangan pemimpin berpengalaman ekoran pelaksanaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia, 2007. Belia hilang arah, indeks sosialisasi politik juga tidak menggalakkan, peratusan mendaftar sebagai pengundi adalah kecil. Hanya meningkat 2.46% sahaja daripada 4.6 juta masih belum berdaftar pada 2007 kepada 4.39 juta pada 2008. Ini beerti dalam tempoh satu tahun belia yang daftar mengundi tidak sampai 300 ribu orang. Manakala indeks semangat patriotik jauh lebih

rendah daripada sepatutnya, iaitu hanya 68.2 pada 2006 dan meningkat kepada 69.4 pada tahun 2008 iaitu peningkatan sebanyak 1.2 % dalam tempoh 2 tahun. Begitu juga dengan peningkatan semangat kenegaraan di kalangan belia juga agak rendah. Antara fakta yang dikenalpasti oleh Kementerian Belia dan Sukan adalah seperti berikut:


- a. Ketidakupayaan pertubuhan belia menyediakan aktiviti yang bersesuaian dan memenuhi citarasa ahli-ahlinya.
- b. Kegagalan pertubuhan belia membangun mengikut peredaran dan citarasa belia dari berbagai aspek.
- c. Kegagalan melaksanakan tanggungjawab di bawah aktiviti belia mengikut akta belia yang telah digubal.
- d. Kegagalan menjana pendapatan sendiri dan berdikari dalam memberi khidmat sukarela kepada belia

#### **2.14 Model Kajian / Kerangka Kerja Teoritikal**

Berdasarkan kepada sorotan karya dan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu, satu rangka kerja konseptual telah dibentuk bagi kajian ini seperti di Rajah 2.11. Dua *variable* iaitu kepuasan kerja yang mempunyai dimensi ciri-ciri kerja, ketua/penyelia, rakan setugas, pendapatan dan kenaikan pangkat serta komitmen terhadap organisasi merupakan pembolehubah bebas dan hasrat untuk berhenti kerja sebagai pembolehubah bersandar.

Rajah 2.3

*Model Kajian / Kerangka Kerja Teorikal*



## 2.15 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan perkara-perkara berkaitan keselamatan, ekonomi, komunikasi dan kepimpinan samada ia mempunyai hubungan serta mempengaruhi kecenderungan sokongan politik belia. Tinjauan dari kajian yang lepas juga telah dilakukan dan kebanyakannya secara kualitatif dan telah dijelaskan serba sedikit. Seterusnya, berdasarkan sorotan karya dan kajian terdahulu, pengkaji telah membentuk rangka kerja konseptual untuk pelaksanaan kajian yang disesuaikan kepada organisasi belia. Bab seterusnya akan membincangkan metodologi kajian iaitu topik-topik populasi, pemilihan sampel kajian, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data serta kaedah yang digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI**

#### **3.1 Pengenalan**

Bab ini menghuraikan kaedah yang digunakan bagi melaksanakan kajian ini. Aspek yang dibincangkan merangkumi topik-topik berkaitan populasi dan pemilihan sampel kajian, hipotesis, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data serta kaedah yang digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi.

#### **3.2 Populasi dan Pemilihan Sampel Kajian**

Populasi kajian ini dilakukan ke atas responden yang terdiri dari belia-belia berumur sekitar 18 – 40 tahun. Kajian ini ditumpukan kepada isu kecenderongn sokongan politik belia dengan memfokuskan kepada 3 kawasan Parlimen dan 8 DUN di bawahnya. Tiga kawasan Parlimen iaitu 1 kawasan bandar dan 2 kawasan luar bandar yang berlainan bentuk geopolitiknya. 3 kawasan yang di maksudkan adalah P 57 Parit Buntar, P 59 Bukti Gantang dan P 60 Taiping dan ia yang terdiri dari 8 Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu DUN N 8 Titi Serong, DUN N 9 Kuala Kurau, DUN N 13 Kuala Sepetang, DUN N 14 Changkat Jering, DUN N 15 Trong, DUN N 16 Kemunting, DUN N 17 Pokok Assam dan DUN N 18 Aulong.

Kajian melibatkan kerja lapangan dan pengutipan data yang dibuat secara soal selidik berstruktur dengan soalan tertutup. Pengumpulan data dalam kajian dilakukan dengan menghantar borang soal selidik kepada pegawai belia daerah suatu penerangan berhubung dengan tujuan kajian diadakan dan panduan bagi menjawab soal selidik tersebut. Respondan tidak dibenarkan dipengaruhi oleh sesiapa dalam menjawab borang soal selidik.

### **3.3 Hipotesis Kajian**

Berdasarkan kepada sorotan karya dan rangka kerja konseptual yang dibentuk, hipotesis bagi kajian ini dibentuk bagi setiap kawasan Parlimen (Parit Buntar, Bukit Gantang dan Taiping) yang dikaji dan hipotesisnya adalah seperti berikut:

3.3.1  $H_{01}$ : Tidak terdapat perbezaan dalam kecenderungan sokongan politik belia berdasarkan umur.

$H_{a1}$ : Terdapat perbezaan dalam kecenderungan sokongan politik belia berdasarkan umur.

3.3.2  $H_{02}$ : Tidak terdapat perbezaan dalam kecenderungan sokongan politik belia berdasarkan jantina.

$H_{a2}$ : Terdapat perbezaan dalam kecenderungan sokongan politik belia berdasarkan jantina.

3.3.3  $H_{03}$ : Tidak terdapat perbezaan dalam kecenderungan sokongan politik belia berdasarkan pendidikan.

Ha<sub>3</sub>: Terdapat perbezaan dalam kecenderungan sokongan politik belia berdasarkan pendidikan.

3.3.4 Ho<sub>4</sub>: Tidak terdapat hubungan di antara faktor keselamatan dengan kecenderungan sokongan politik belia.

Ha<sub>4</sub>: Terdapat hubungan di antara faktor keselamatan dengan kecenderungan sokongan politik belia.

3.3.5 Ho<sub>5</sub>: Tidak terdapat hubungan di antara faktor ekonomi dengan kecenderungan sokongan politik belia.

Ha<sub>5</sub>: Terdapat hubungan di antara faktor ekonomi dengan kecenderungan sokongan politik belia.

3.3.6 Ho<sub>6</sub>: Tidak terdapat hubungan di antara faktor komunikasi dengan kecenderungan sokongan politik belia.

Ha<sub>6</sub>: Terdapat hubungan di antara faktor komunikasi dengan kecenderungan sokongan politik belia.

3.3.7 Ho<sub>7</sub>: Tidak terdapat hubungan di antara faktor kepimpinan dengan kecenderungan sokongan politik belia.

Ha<sub>7</sub>: Terdapat hubungan di antara faktor kepimpinan dengan kecenderungan sokongan politik belia.

3.3.8 Ho<sub>8</sub>: Tidak terdapat pengaruh di antara faktor keselamatan dengan kecenderungan sokongan politik belia.

Ha<sub>8</sub>: Terdapat pengaruh di antara faktor keselamatan dengan kecenderungan sokongan politik belia.

3.3.9 Ho<sub>9</sub>: Tidak terdapat pengaruh di antara faktor ekonomi dengan kecenderungan sokongan politik belia.

Ha<sub>9</sub>: Terdapat pengaruh di antara faktor ekonomi dengan kecenderungan sokongan politik belia.

3.3.10 Ho<sub>10</sub>: Tidak terdapat pengaruh di antara faktor komunikasi dengan kecenderungan sokongan politik belia.

Ha<sub>10</sub>: Terdapat pengaruh di antara faktor komunikasi dengan kecenderungan sokongan politik belia.

3.3.11 Ho<sub>11</sub>: Tidak terdapat pengaruh di antara faktor kepimpinan dengan kecenderungan sokongan politik belia.

Ha<sub>11</sub>: Terdapat pengaruh di antara faktor kepimpinan dengan kecenderungan sokongan politik belia.

#### **3.4 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini dijalankan menggunakan dua kaedah iaitu kuantitatif dan kualitatif. Bagi kajian kuantitatif bertujuan untuk memeriksa hubungan dan pengaruh di antara pemboleh ubah bebas iaitu faktor keselamatan, ekonomi, komunikasi dan kepimpinan dengan pemboleh ubah bersandar iaitu kecenderungan sokongan politik belia. Unit analisa bagi kajian ini merupakan belia-belia di 3 kawasan Parlimen P 57 Parit Buntar, P



59 Bukit Gantang dan P 60 Taiping serta 8 DUN di bawahnya. Setiap satu belia mewakili satu unit analisa sebagai responden.

Kajian secara deskriptif dijalankan bagi pengkaji memahami ciri-ciri pemboleh ubah– pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini. Ujian hipotesis dilakukan ke atas pemboleh ubah bagi melihat pengaruh dan perhubungan di antara pemboleh ubah atau faktor – faktor yang terlibat dalam kajian ini. Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik yang diserahkan kepada responden. Borang kemudiannya dikutip serta dikumpulkan untuk dimasukkan ke dalam data untuk tujuan analisa.

Bagi mengukuhkan kajian kaedah kualitatif dilaksanakan dengan menemubual responden. Dua kaedah temubual dilaksanakan iaitu kaedah pertama, menemubual responden secara berstruktur dengan menggunakan soalan yang telah direka bentuk lebih awal seperti di Lampiran A. Manakala kaedah kedua adalah bersahaja tanpa merujuk mana-mana soalan dan ianya keluar secara spontan dari penemuduga. Temubual ini digunakan kepada belia jalanan yang sukar untuk berbicara secara serius atau mereka merupakan penyokong Pakatan Rakyat.

### **3.5 Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan adalah kaedah borang soal selidik berstruktur direkacipta oleh pengkaji sendiri dan sorotan kajian terdahulu diambil sebagai panduan

dan diubahsuai mengikut keperluan. Borang soal selidik mengandungi 43 soalan dan 2 soalan terbuka. Manakala soalan berstruktur dibahagikan kepada enam bahagian yang menggunakan skala Likert lima mata untuk menjawabnya iaitu 1 sangat tidak setuju, 2 tidak setuju, 3 tidak pasti, 4 setuju, 5 sangat setuju. Konsep soalan adalah 60% positif dan 40% negatif. Memandangkan kawasan kajian mengandungi 2 kumpulan belia yang bertentangan arus politik dan contoh soalan adalah seperti berikut:

**Bahagian A.** Mengandungi maklumat berkaitan demografi responden merangkumi faktor umur, taraf perkahwinan, taraf pendidikan, pekerjaan, pendapatan, bangsa dan kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN).

**Bahagian B.** Keselamatan, merangkumi 10 soalan (5 soalan negatif). Soalan ini berkisar kepada keselamatan fizikal dan kehendak kerohanian belia. Kedua-dua parti politik iaitu Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat dilibatkan bagi mengetahui aspek keselamatan dari kaca mata belia.

**Bahagian C.** Ekonomi, merangkumi 10 soalan juga dan 4 soalan positif. Aspek ekonomi negara disentuh, termasuk penglibatan belia berkenaan dalam sektor ekonomi serta jalinan hubungan mereka dengan dua parti politik dari konteks ekonomi.

**Bahagian D.** Komunikasi, sebanyak 8 soalan diwujudkan dan 5 berbentuk negatif, iaitu untuk menilai sistem komunikasi yang terdapat di kalangan belia

dan pemimpin atasan dan kedua-dua parti politik iaitu Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat turut dilibatkan.

**Bahagian E.** Kepimpinan, merangkumi 7 soalan dan 3 berbentuk negatif. Indeks deskriptif kerja (*Job Description Index*) (Smith, P. Kendall and Hulin (1969) digunakan sebagai untuk menilai kepimpinan terdiri dari ciri-ciri kerja, penyeliaan, pendapatan dan perubahan pada peningkatan. Kedua-dua parti politik iaitu Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat juga digunakan untuk menguji ketulenan responden.

**Bahagian F.** Kecenderungan politik, mengandungi 8 soalan, 3 berbentuk negatif. Untuk menguji ketulenan responden juga untuk mengetahui kecenderungan. Sokongan terhadap kedua-dua parti politik iaitu Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat digunakan dan ia dikembangkan oleh organisasi MARCO dalam mengukur hasrat untuk kekal dalam organisasi atau pertubuhan (Spendolini, 1985) digunakan sebagai panduan.

### **3.6 Ujian Rintis**

Ujian rintis telah dilaksanakan sebanyak dua kali iaitu pertama menggunakan responden dari Muar iaitu sebanyak 30 responden terdiri belia kawasan tersebut. Ujian dijalankan pada awal Ogos 2010 dan borang soal selidik diterima seminggu dari tarikh serahan. Maklumat terhadap soal selidik yang diberikan kepada responden menyatakan

keseluruhan responden memahami soalan dan menjawab dengan mudah. Borang soal selidik seterusnya dikumpulkan dan dimasukkan ke dalam program SPSS untuk dibuat ujian kebolehpercayaan.

Jadual 3.1

*Ujian Rintis dan Kajian Lapangan di Kawasan Muar*

<b>Perkara</b>	<b>Nilai Alpha Cronbach's Ujian Rintis (N=30)</b>	<b>Nilai Alpha Cronbach's Kajian Lapangan (N=150)</b>
Keseluruhan Soalan	0.712	0.896
Keselamatan	0.621	0.820
Ekonomi	0.726	0.620
Komunikasi	0.670	0.844
Kepimpinan	0.864	0.765
Kecenderungan Politik	0.855	0.781

### **3.7 Ujian Kebolehpercayaan**

Ujian kebolehpercayaan dilakukan berdasarkan 30 borang soal selidik dari 30 responden yang telah dipilih dan keputusan adalah seperti di Jadual 3.1 di atas . Ujian ini dilakukan bagi mengukur item-item yang digunakan dalam soal selidik adalah konsisten untuk

disesuaikan dengan keadaan persekitaran kajian. Sekaran (2003) menganjurkan jika perolehan dari keputusan berpandukan nilai Alpha Cronbach mencapai pekali kebolehpercayaan nilai 1.0 ianya amat baik, pekali kebolehpercayaan kurang dari .60 adalah lemah manakala nilai .70 ke atas adalah boleh diterima dan nilai yang mencapai .80 dan lebih merupakan nilai yang baik. Memandangkan keputusan ujian rintis, agak rendah kebolehpercayaannya, pengkaji terus menguji di lapangan sekitar Muar sebagai percubaan dan membandingkan dengan ujian rintis. Dilihat terdapat perbezaan dan pengkaji membuat beberapa perubahan kepada struktur soalan dan diuji semula di kawasan kajian sebenar iaitu di Taiping, Perak. Dapatan keputusan adalah seperti di:

Jadual 3.2

*Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Ujian Rintis dan Kajian Sebenar di Lapangan*

<b>Perkara</b>	<b>Nilai Alpha Ujian Rintis (N = 43)</b>	<b>P 57 Parit Buntar (N = 120)</b>	<b>P 59 Bukit Gantang (N = 180)</b>	<b>P 60 Taiping (N = 161)</b>
Keseluruhan	0.948	0.954	0.978	0.968
Keselamatan	0.739	0.717	0.907	0.839
Ekonomi	0.786	0.733	0.827	0.812
Komunikasi	0.836	0.866	0.935	0.904
Kepimpinan	0.898	0.899	0.925	0.920
Kecenderungan Politik	0.831	0.847	0.918	0.906

Hasil pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi pemboleh ubah bebas iaitu faktor keselamatan, ekonomi, komunikasi dan kepimpinan adalah 0.739 hingga 0.898 manakala bagi pemboleh ubah bersandar iaitu kecenderungan sokongan politik belia adalah 0.831 dan keseluruhan soalan adalah 0.948. Hasil ini berjaya diperoleh setelah merombak semula soalan asal.

### 3.8 Pengumpulan Data

Pengumpulan data bagi kajian ini melibatkan pengedaran borang soal selidik kepada responden dari kalangan belia sekitar tiga kawasan parlimen di Perak Darul Ridzuan dengan bantuan pegawai-pegawai belia daerah. Sebanyak 600 borang soal selidik diedarkan bagi mendapatkan maklum balas yang diperlukan untuk menjawab objektif kajian. Edaran borang soal selidik adalah seperti berikut ;

Jadual 3.3

*Jadual Edaran Dan Pengumpulan Borang Soal Selidik*

<b>Parlimen</b>	<b>Bilangan dihantar</b>	<b>Jumlah di terima pakai</b>
P 57 Parit Buntar	200	120
P 59 Bukit Gantang	200	180
P 60 Taiping	200	161
Pejabat Komplek Rakan Muda (KRM) Taiping - Ujian Rintis	60	43

Data yang diperoleh dari borang soal selidik ini merupakan data primer yang menjadi nadi penyelidikan ini. Sungguhpun begitu data-data dan maklumat juga diperoleh dari Cawangan Pegawai belia daerah turut diambilkira *sampling frame* bagi kajian ini. Pengumpulan data dan maklumat juga diperoleh dari data sekunder seperti jurnal-jurnal penyelidikan yang digunakan dalam kajian-kajian lepas.

### **3.9 Kajian Sebenar**

Kajian sebenar melibatkan jumlah responden yang boleh menjawab objektif kajian berjumlah 320 berdasarkan jumlah anjuran Krejcie dan Morgan (1970) yang dipetik oleh Sekaran (2003). Sebanyak 600 borang telah dihantar kepada kumpulan sasaran kajian ini. Kadar maklum balas yang diperolehi dari edaran borang soal selidik ini dan boleh diterima pakai hanyalah sebanyak 461 bersamaan dengan 71.8%. Peratusan yang banyak menyumbang kepada maklum balas yang baik adalah dari kalangan belia Parlimen Bukit Gantang dan Parlimen Taiping.

Semakan ke atas data yang diperoleh dilakukan dengan mengasingkan data-data yang tidak lengkap sebelum dikumpul untuk disimpan di dalam pangkalan data sebelum proses analisa bermula dengan menggunakan SPSS. Jumlah keseluruhan responden terakhir adalah 461 (sepertimana di Jadual 3.3) menjadi nilai  $n$ .

Bagi melengkapkan kepastian ke atas data yang diperoleh beberapa ujian data dilakukan seperti ujian kebolehpercayaan, ujian normality dan ujian linearity. Ujian ini dilakukan

bagi mendapatkan tahap kredibiliti data yang boleh menghasilkan analisa dan dapatan kajian yang baik. Melalui ujian-ujian ini segala keputusan yang diperoleh apabila ujian infrensi dijalankan tidak perlu diragui.

### **3.9.1 Ujian Kebolehpercayaan**

Ujian kebolehpercayaan bagi kajian sebenar dengan jumlah n sebanyak 461 responden dilakukan untuk mendapatkan ketepatan hasil dari data tersebut agar ianya konsisten dan stabil. Data yang konsisten bakal menunjukkan item – item yang digunakan adalah akrab sebagai satu pemboleh ubah. Ini akan ditunjukkan oleh keputusan nilai Cronbach's Alpha secara positif mengaitkan antara satu item dengan item yang lain dalam satu pemboleh ubah tersebut.

Hasil yang diperoleh dari ujian kebolehpercayaan yang dibuat berkeputusan seperti di jadual yang sama iaitu di Jadual 3.2 di atas . Nilai Alpha Cronbach bagi pemboleh ubah bebas kawasan parlimen adalah 0.717 hingga 0.935 dan dilihat agak konsisten dengan hasil ujian kebolehpercayaan semasa ujian rintis dilakukan. Manakala hasil bagi pemboleh ubah bersandar bagi ketiga-tiga kawasan parlimen adalah antara 0.847 hingga 0.918 juga konsisten yang mana nilai Alpha Cronbach naik sedikit dari nilai semasa ujian rintis dilakukan iaitu 0.831. Nilai yang diperoleh dari hasil ujian tersebut masih menunjukkan bahawa item-item itu berada pada tahap kredibiliti yang baik dan diterima.



### 3.9.2 Ujian *Normality*

Ujian *normality* memberikan gambaran bahawa nilai-nilai yang diperoleh hasil dari soal selidik yang dijalankan mempunyai taburan yang normal. Menurut Pallant (2001) dipetik dari Gravetter dan Wallnau (2000) keadaan normal dalam hal ini adalah dimaksudkan sebagai *symmetrical, bell shaped curve* yang mempunyai frekuensi terbesar di pertengahan dan frekuensi yang semakin mengecil di kedua-dua hujung. Taburan normal juga dikira terjadi walaupun terdapat bentuknya pencong lebih ke kanan atau ke kiri. Nilai ini dilihat dalam nilai *skewness* dan *kurtosis*.

Keputusan yang diperoleh dari ujian tersebut ditunjukkan dalam bentuk histogram seperti di Lampiran yang sama. Bagi nilai yang diperolehi bagi P 57 Parit Buntar di antara pemboleh ubah bebas faktor keselamatan *mean* 3.49 dan sisihan piawai 0.579, ekonomi *mean* 3.51 dan sisihan piawai 0.574, komunikasi *mean* 3.10 dan sisihan piawai 0.825 dan kepimpinan *mean* 3.25 dan sisihan piawai 0.919 berbanding pemboleh ubah bersandar kecenderungan sokongan politik belia *mean* 3.22 dan sisihan piawai 0.811 dan taburan berbentuk normal pada  $n$  bilangan 120. Ujian *normality* juga disokong dengan gambar rajah *Normal Q – Q plot* bagi setiap pemboleh ubah.

Bagi nilai yang diperolehi bagi P 59 Bukit Gantang di antara pemboleh ubah bebas faktor keselamatan *mean* 4.03 dan sisihan piawai 0.875, ekonomi *mean*

3.90 dan sisihan piawai 0.711, komunikasi *mean* 3.82 dan sisihan piawai 1.071 dan kepimpinan *mean* 3.78 dan sisihan piawai 1.068 berbanding pemboleh ubah bersandar kecenderungan sokongan politik belia *mean* 3.83 dan sisihan piawai 0.967 dan taburan berbentuk normal pada  $n$  bilangan 180. Ujian normality juga disokong dengan gambar rajah *Normal Q – Q plot* bagi setiap pemboleh ubah.

Bagi nilai yang diperolehi bagi P 60 Taiping di antara pemboleh ubah bebas faktor keselamatan *mean* 3.84 dan sisihan piawai 0.675, ekonomi *mean* 3.75 dan sisihan piawai 0.587, komunikasi *mean* 3.52 dan sisihan piawai 0.859 dan kepimpinan *mean* 3.62 dan sisihan piawai 0.895 berbanding pemboleh ubah bersandar kecenderungan sokongan politik belia *mean* 3.70 dan sisihan piawai 0.845 dan taburan berbentuk normal pada  $n$  bilangan 161. Ujian normality juga disokong dengan gambar rajah *Normal Q – Q plot* bagi setiap pemboleh ubah.

### **3.9.3 Ujian *Linearity***

Ujian *linearity* dilakukan untuk melihat hubungan di antara dua pemboleh ubah mempunyai hubungan yang diterima sebelum menggunakan data yang ada bagi menjalankan ujian korelasi terhadap pemboleh ubah tersebut. Jika terbentuk satu garisan bayangan yang lurus pada gambar rajah *scatter plots* yang dihasilkan setelah menjalankan ujian ini maka ianya dianggap mempunyai hubungan. Pallant (2001) menganjurkan bahawa hanya hubungan yang linear sahaja sesuai menjalani analisa korelasi. Berdasarkan gambar rajah *scatter plots* di Lampiran A,

B dan C terdapat hubungan linear di antara pemboleh – pemboleh ubah bebas berbanding pemboleh ubah bersandar. Oleh itu analisa infrensi bagi pemboleh ubah ini boleh dijalankan secara konsisten dengan hipotesis kajian.

### **3.10 Teknik Analisa Data**

Data yang dikumpulkan telah diproses dan dianalisa dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*) for windows version 17.0. Kaedah analisis yang digunakan untuk kajian ialah analisis deskriptif dan inferensi serta keputusan analisis data adalah seperti di lampiran yang sama. Teknik analisa yang digunakan adalah teknik analisa deskriptif dan juga teknik analisa infrensi. Teknik analisa deskriptif dikhususkan untuk melihat frekuensi data bagi faktor demografi dan juga hasil peratusan responden terhadap pemboleh ubah dan item – item yang terdapat dalam kajian ini seperti dinyatakan oleh Sekaran (2003). Analisa infrensi dilakukan bagi mencari hasil perbezaan di antara kumpulan dalam faktor – faktor demografi terhadap pemboleh ubah dalam kajian ini dengan menggunakan teknik ujian t dan ujian ANOVA. Teknik analisa infrensi seterusnya yang dijalankan bagi melihat hubungan dan pengaruh yang terbentuk dari pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas. Teknik analisa *Pearson's Correlation* digunakan untuk menguji tahap hubungan manakala teknik analisa regresi berganda dibuat untuk mengetahui tahap pengaruh pemboleh – pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar.

a. **Analisis Deskriptif.** Analisis ini digunakan untuk mendapatkan frekuensi dan peratus profail demografi responden. Ia juga bagi melihat perbezaan frekuensi responden mengikut umur, jantian dan tahap pendidikan di kalangan belia.

b. **Analisis Inferensi.** Analisis inferensi yang digunakan dalam kajian ini adalah korelasi Pearson - r, ujian - t dan regresi linear berganda. Setiap analisis digunakan untuk menilai elemen yang dinyatakan dalam objektif kajian.

c. **Analisis Korelasi Pearson – r.** Ia digunakan bagi menentukan samada terdapat korelasi di antara pemboleh ubah bersandar (dependence variable) iaitu kecenderungan sokongan politik belia dengan empat pemboleh ubah bebas iaitu faktor keselamatan, ekonomi, komunikasi dan kepimpinan

d. **Analisis Regresi Linear Berganda.** Analisis ini digunakan untuk menentukan samada faktor keselamatan, ekonomi, komunikasi dan kepimpinan mempunyai pengaruh dengan kecenderungan sokongan politik belia.

Dalam regresi berganda ini, kesemua pemboleh ubah bebas yang mempengaruhi pemboleh ubah bersandar telah dilaksanakan dan model regresi adalah seperti di Jadual 3.4 di bawah:

Jadual 3.4:

*Model bagi Analisis Regresi Berganda*

$$y = a + b_1 x_1 + b_2 x_2 + b_3 x_3 + b_4 x_4$$

$$y = -0.137 + 0.293x_1 + 0.212 x_2 + 0.312 x_3 + 0.204 x_4$$

Di mana a adalah titik persilangan pada paksi y apabila  $x = 0$

y = Kecenderungan sokongan politik belia

$x_1$  = Faktor keselamatan

$x_2$  = Faktor ekonomi

$x_3$  = Faktor komunikasi

$x_4$  = Faktor kepimpinan

$b_1$  = koefisien regresi bagi  $x_1$

$b_2$  = koefisien regresi bagi  $x_2$

$b_3$  = koefisien regresi bagi  $x_3$

$b_4$  = koefisien regresi bagi  $x_4$

### **3.11 Kesimpulan**

Bab ini telah memberikan penjelasan yang terperinci berkaitan dengan metodologi kajian yang diaplikasikan. Ia merangkumi penerangan tentang populasi dan tempat yang dipilih untuk kajian, cara pemilihan sampel termasuk jumlah responden yang terlibat dalam kajian, instrumen kajian yang menerangkan tentang soalselidik dan cara pengukuran pemboleh ubah bebas dan bersandar. Dalam bab ini juga dijelaskan bagaimana pengkaji melaksanakan prosedur pengumpulan data serta kaedah yang digunakan untuk

menganalisis data yang diperoleh. Dalam bab seterusnya pengkaji akan melaporkan berkaitan penemuan kajian bersesuaian dengan objektif yang telah digariskan.

## BAB 4

### ANALISIS DATA

#### 4.1 Pengenalan

Bab ini bertujuan untuk melaporkan penemuan kajian hasil daripada analisis data menggunakan ujian statistik yang terdapat dalam program *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 17. Analisis data dilakukan setelah segala kerja-kerja lapangan seperti penyebaran borang soal selidik, pengumpulan data, pemprosesan data menggunakan pakej berdasarkan hipotesis kajian selesai dilaksanakan. Bab ini juga akan mengemukakan hasil dapatan dari ujian –ujian hipotesis yang dijalankan dengan %an tahap perhubungan juga kekuatan pengaruh antara pemboleh ubah. Interpretasi data dan penemuan kajian akan dilaporkan berdasarkan analisis ujian deskriptif (*Descriptive statistics - frequency distributions*), analisis korelasi pearson-r (*Pearson correlation-r*), dan ujian Regressi Linear Berganda (*Multiple linear regression*). Keputusan faktor demografi yang dibincangkan dalam tajuk kecil seperti latar belakang responden, analisa faktor demografi dengan pemboleh ubah. Manakala perbincangan tahap pengaruh dan perkaitan pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar diperincikan melalui hasil atau keputusan ujian korelasi dan regrasi yang dilakukan. Penemuan tentang hubungan dan pengaruh antara faktor keselamatan, faktor ekonomi, faktor kepimpinan dan faktor komunikasi dengan kecenderungan sokongan politik belia juga dilaporkan dalam bab ini.

## 4.2 Analisa Latar Belakang Responden

Respondan kajian terdiri daripada belia-belia yang berumur antara 18 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada belia di tiga kawasan Parlimen iaitu P 57 Parit Buntar (DUN N 8 Titi Serong dan N 9 Kuala Kurau), Parlimen P 59 Bukit Gantang (DUN N 13 Kuala Sepetang, N 14 Changkat Jering dan N 15 Trong) dan Parlimen P 60 Taiping (DUN N 16 Kemunting, N 17 Pokok Assam dan N 18 Aulong). Sejumlah 600 borang soal selidik telah diedarkan, di mana setiap satu kawasan parlimen diperuntukan 200 borang soal selidik. Dari jumlah berkenaan, setelah proses pengumpulan dan pemeriksaan borang soal selidik, bagi kawasan Parlimen P 57 Parit Buntar hanya 143 borang dikembalikan dan 23 daripadanya tidak boleh digunapakai kerana tidak *reliable*. Bagi kawasan Parlimen P 59 Bukit Gantang hanya 187 borang sahaja dikembalikan dan 7 tidak *reliable*. Manakala bagi kawasan Parlimen P 60 Taiping pula hanya 175 borang dikembalikan, daripada jumlah tersebut 14 tidak *reliable*. Justeru itu bagi ketiga-tiga kawasan parlimen berkenaan, pengkaji hanya mengambilkira 461 responden sahaja, dari jumlah tersebut masih juga terdapat *outliers*. Analisa deskriptif berkaitan latar belakang responden akan diterangkan melalui gambaran frekuensi yang memberi kesan semasa analisa berkaitan faktor demografi dilakukan. Analisa ini berkaitan umur, taraf perkahwinan, bangsa, jantina, taraf pendidikan, status pekerjaan, pendapatan dan tempat tinggal (di kawasan parlimen dan DUN).



#### 4.2.1 Taburan Umur

Taburan umur dari responden dalam kajian ini dikumpulkan ke dalam julat umur seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 4.1 di bawah. Julat umur responden ini adalah dari 18 ke 25 dan hanya dihadkan sehingga 36 ke 40 tahun yang tertinggi. Memandangkan belia berfikiran matang adalah sekitar 18 tahun, maka responden sehingga ke peringkat umur 40 sahaja diambilkira kerana mengikut undang-undang dan peraturan di mana dikatogeri belia adalah tidak melebihi 40 tahun. Bagi katogeri kawasan parlimen pula adalah seperti berikut:

4.2.1.1 Parlimen P 57 Parit Buntar. Tumpuan kajian adalah kepada belia berumur antara 18 hingga 25 tahun iaitu sebanyak 62 orang atau 51.7 %.

4.2.1.2 Parlimen P 59 Bukit Gantang. Kebanyakan responden tertumpu kepada umur sekiktar 18 hingga 25 tahun juga iaitu sebanyak 101 orang iaitu 56.1%.

4.1.1.3 Parlimen P 60 Taiping. Bagi kawasan parlimen tumpuan responden juga kebanyakan kepada belia berumur 18 hingga 25 tahun juga iaitu 97 orang atau 60.2%.

Jadual 4.1

*Umur Responden untuk Tiga Parlimen*

Umur	P 57 Parit Buntar		P59 Bkt Gantang		P60 Taiping	
	Frekuensi	%	Frekuensi	%	Frekuensi	%
18-25	62	51.7	101	56.1	97	60.2
26-30	27	22.5	35	19.4	35	21.7
31-35	18	15	20	11.1	9	5.6
36-40	13	10.8	24	13.3	20	12.4
Jumlah	120	100	180	100	161	100

Jadual 4.2

*Kecenderungan Sokongan Politik Belia Berasaskan Umur Melalui Ujian ANOVA.*

Parlimen	Group	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
P 57 Parit Buntar	Between Groups	5.541	3	1.847	2.944	.036
	Within Groups	72.774	116	.627		
	Total	78.315	119			
P 59 Bukit Gantang	Between Groups	7.402	3	2.467	2.712	.047
	Within Groups	160.117	176	.910		
	Total	167.519	179			
P 60 Taiping	Between Groups	5.235	3	1.745	2.512	.061
	Within Groups	109.059	157	.695		
	Total	114.293	160			

#### 4.2.2 Perbezaan Antara Kecenderungan Sokongan Politik dengan Taburan Umur

Jadual 4.2 mempamerkan faktor umur yang dihubungkan dengan pemboleh ubah bersandar iaitu kecenderungan sokongan politik belia, yang di analisa melalui ujian ANOVA. Hasil dari keputusan ujian mendapati bahawa bagi kawasan Parlimen P 57 Parit Buntar  $P(0.036) < 0.05$  ini bermakna hubungannya adalah signifikan dan terdapat perbezaan kecenderungan sokongan politik belia berasaskan umur responden. Manakala

Jadual 4.13

*Keputusan Kajian Umur*

<b>Parlimen</b>	<b>Hipotesis</b>	<b>Hipotesis Kajian</b>	<b>Dapatan</b>
<b>P 57 Parit Buntar</b>	Ho <sub>1</sub>	Tidak terdapat perbezaan kecenderungan sokongan politik belia berasaskan umur.	Ho <sub>1</sub> ditolak.
<b>P 59 Bukit Gantang</b>	Ho <sub>1</sub>	Tidak terdapat perbezaan kecenderungan sokongan politik belia berasaskan umur.	Ho <sub>1</sub> ditolak.
<b>P 60 Taiping</b>	Ho <sub>1</sub>	Tidak terdapat perbezaan kecenderungan sokongan politik belia berasaskan umur.	Ho <sub>1</sub> gagal ditolak

bagi kawasan Parlimen P 59 Bukit Gantang pula nilai  $P(0.047) < 0.05$  ini bermakna hubungannya adalah signifikan dan terdapat perbezaan kecenderungan sokongan politik

belia berasaskan umur responden. Sementara bagi kawasan Parlimen P 60 Taiping pula nilai  $P(0.061) > 0.05$  ini bermakna hubungannya adalah tidak signifikan dan tidak terdapat perbezaan kecenderungan sokongan politik belia berasaskan umur responden.

#### 4.2.3 Status Perkahwinan

Jadual 4.4 menunjukkan status perkahwinan responden kajian. Ketiga-tiga kawasan parlimen tersebut tertumpu kepada responden yang berstatus bujang dan diikuti oleh golongan berkahwin. Manakala golongan terkecil ditemui adalah mereka yang berstatus duda iaitu 2 orang atau 1.2% bagi responden kawasan Parlimen P 60 Taiping.

Jadual 4.4

##### *Taraf Perkahwinan Responden*

Taraf Perkahwinan	P 57 Parit Buntar		P59 Bkt Gantang		P60 Taiping	
	Frekuensi	%	Frekuensi	%	Frekuensi	%
Berkahwin	42	35	69	38.3	48	29.8
Bujang	77	64.2	109	60.6	109	67.7
Duda					2	1.2
Ibu Tunggal/Janda	1	0.8	2	1.1	2	1.2
Jumlah	120	100	180	100	161	100

#### 4.2.4 Taburan Jantina

Responden bagi kajian ini bagi ketiga-tiga kawasan parlimen di dominasi oleh lelaki, dengan bilangan seramai 317 orang bersamaan dengan 68.8 % berbanding perempuan yang hanya 144 orang dan bersamaan dengan 31.2 % dari jumlah keseluruhan responden kajian. Ini berpunca dari keadaan di mana kebanyakan responden ditemui di khalayak ramai yang kebanyakannya kaum lelaki berbanding dengan wanita. Jadual 4.5 di bawah menunjukkan bilangan responden yang ditemui oleh pengkaji dan wakilnya di sekitar kawasan parlimen berkenaan.

Jadual 4.5

*Jantina Responden untuk Tiga Parlimen*

Jantina	P 57 Parit Buntar		P59 Bkt Gantang		P60 Taiping	
	Frekuensi	%	Frekuensi	%	Frekuensi	%
Lelaki	86	71.7	117	65	114	70.8
Perempuan	34	28.3	63	35	45	28
Jumlah	120	100	180	100	161	100

#### 4.2.5 Perbezaan Antara Kecenderungan Sokongan Politik dengan Jantina

Jadual 4.6 mempamerkan faktor jantina yang dihubungkan dengan pemboleh ubah bersandar kecenderungan sokongan politik belia, yang telah dianalisa melalui ujian ANOVA. Hasil dari keputusan ujian mendapati bahawa bagi kawasan Parlimen P 57 Parit

Buntar  $P(0.637) > 0.05$  ini bermakna hubungannya adalah tidak signifikan dan tidak terdapat perbezaan kecenderungan sokongan politik belia berasaskan jantina responden. Manakala bagi kawasan Parlimen P 59 Bukit Gantang pula nilai  $P(0.054) > 0.05$  ini bermakna hubungannya adalah tidak signifikan dan tidak terdapat perbezaan kecenderungan sokongan politik belia berasaskan jantina responden. Sementara bagi kawasan Parlimen P 60 Taiping pula nilai  $P(0.332) > 0.05$  ini bermakna hubungannya juga adalah tidak signifikan dan tidak terdapat perbezaan kecenderungan sokongan politik belia berasaskan jantina responden.

Jadual 4.6

*Kecenderungan Sokongan Politik Berdasarkan Jantina*

	Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means						95% Confidence Interval of the Difference	
	F	Sig.	T	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	Lower	Upper	
	Kecenderungan Politik (P 57 Parit Buntar)	Equal variances assumed	7.014	.009	-.474	118	.637	-.078	.165	-.405
	Equal variances not assumed			-.562	90.352	.576	-.078	.139	-.354	.198

Kecende Rungan Pol (P 59 Bukit Gantang)	Equal variances assumed	14.567	.000	-1.941	178	.054	-.29121	.15002	-.58725	.00484
	Equal variances not assumed			-2.166	167.936	.032	-.29121	.13443	-.55660	-.02582
Kecende Rungan Pol (P 60 Taiping)	Equal variances assumed	2.335	.128	-.972	157	.332	-.14335	.14743	-.43456	.14786
	Equal variances not assumed			-1.047	94.963	.298	-.14335	.13697	-.41527	.12857

Jadual 4.7

*Keputusan Kajian Jantina*

<b>Parlimen</b>	<b>Hipotesis</b>	<b>Hipotesis Kajian</b>	<b>Dapatan</b>
<b>P 57 Parit Buntar</b>	Ho <sub>2</sub>	Tidak terdapat perbezaan kecenderungan sokongan politik belia berasaskan jantina.	Ho <sub>2</sub> gagal ditolak.
<b>P 59 Bukit Gantang</b>	Ho <sub>2</sub>	Tidak terdapat perbezaan kecenderungan sokongan politik belia berasaskan jantina.	Ho <sub>2</sub> gagal ditolak.
<b>P 60 Taiping</b>	Ho <sub>2</sub>	Tidak terdapat perbezaan kecenderungan sokongan politik belia berasaskan jantina.	Ho <sub>2</sub> gagal ditolak

#### 4.2.6 Taburan Tahap Pendidikan

Tahap pendidikan diambil kira dalam kajian ini melibatkan tahap pendidikan tertinggi iaitu ijazah atau lebih tinggi yang boleh dicapai oleh responden sehinggalah tahap pendidikan paling minima yang telah dimiliki oleh belia. Tahap pendidikan ini telah dibahagikan kepada tujuh kumpulan julat seperti di dalam jadual di bawah iaitu Jadual 4.8. Dalam jadual berkenaan, menunjukkan 287 responden atau 62.3% mempunyai tahap pendidikan SPM, 26 responden sahaja yang memilik ijazah atau lebih tinggi manakala 35 responden sahaja yang memiliki pendidikan yang minima iaitu sekolah rendah.

Jadual 4.8

##### *Tahap Pendidikan Responden*

Jantina	P 57 Parit Buntar		P59 Bkt Gantang		P60 Taiping	
	Frekuensi	%	Frekuensi	%	Frekuensi	%
Rendah	4	3.3	28	15.6	3	1.9
SRP	3	2.5	21	11.7	2	1.2
SPM	88	73.3	102	56.7	97	60.2
Menengah	5	4.2	9	5	8	5
STPM	4	3.3	9	5	13	8.1
Diploma	9	7.5	7	3.9	23	14.3
Ijazah atau lebih tinggi	7	5.8	4	2.2	15	9.3
<b>Jumlah</b>	<b>120</b>	<b>100</b>	<b>180</b>	<b>100</b>	<b>161</b>	<b>100</b>



#### 4.2.7 Perbezaan Antara Kecenderungan Sokongan Politik dengan Tahap

##### Pendidikan

Jadual 4.9 mempamerkan faktor tahap pendidikan yang dihubungkan dengan pemboleh ubah bersandar kecenderungan sokongan politik belia, yang telah di analisa melalui ujian ANOVA. Hasil dari keputusan ujian mendapati bahawa bagi kawasan Parlimen P 57 Parit Buntar  $P(0.095) > 0.05$  ini bermakna hubungannya adalah tidak signifikan dan tidak terdapat perbezaan kecenderungan sokongan politik belia berasaskan tahap pendidikan responden. Manakala bagi kawasan Parlimen P 59 Bukit Gantang pula nilai  $P(0.163) > 0.05$  ini bermakna hubungannya adalah tidak signifikan dan tidak terdapat perbezaan kecenderungan sokongan politik belia berasaskan tahap pendidikan responden. Sementara bagi kawasan Parlimen P 60 Taiping pula nilai  $P(0.745) > 0.05$  ini bermakna hubungannya juga adalah tidak signifikan dan tidak terdapat perbezaan kecenderungan sokongan politik belia berasaskan tahap pendidikan responden.

Jadual 4.9

##### *Kecenderungan Sokongan Politik Berdasarkan Tahap Pendidikan*

Parlimen	Groups	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
P 57 Parit Buntar	Between Groups	1.104	6	.184	.269	.950
	Within Groups	77.211	113	.683		
	Total	78.315	119			
P 59 Bukit Gantang	Between Groups	8.688	3	2.896	1.726	.163
	Within Groups	295.373	176	1.687		
	Total	304.061	179			

P60 Taiping	Between Groups	2.532	6	.422	.581	.745
	Within Groups	111.762	154	.726		
	Total	114.293	160			

Jadual 4.10

*Keputusan Kajian Berdasarkan Tahap Pendidikan*

<b>Parlimen</b>	<b>Hipotesis</b>	<b>Hipotesis Kajian</b>	<b>Dapatan</b>
<b>P 57 Parit Buntar</b>	Ho <sub>1</sub>	Tidak terdapat perbezaan kecenderungan sokongan politik belia berasaskan tahap pendidikan.	Ho <sub>1</sub> gagal ditolak.
<b>P 59 Bukit Gantang</b>	Ho <sub>2</sub>	Tidak terdapat perbezaan kecenderungan sokongan politik belia berasaskan tahap pendidikan.	Ho <sub>2</sub> gagal ditolak.
<b>P 60 Taiping</b>	Ho <sub>3</sub>	Tidak terdapat perbezaan kecenderungan sokongan politik belia berasaskan tahap pendidikan.	Ho <sub>3</sub> gagal ditolak

#### 4.2.8 Taburan Status Pekerjaan

Taburan berkaitan status pekerjaan diwakili oleh julat kumpulan yang terdapat dalam jadual 4.11 di bawah. Enam katogeri pekerjaan telah diambilkira iaitu kerajaan, swasta, sendiri, menganggur, pelajar dan suri rumah. Berpandukan dari jadual 4.11 daripada 461

responden di ketiga-tiga kawasan parlimen, seramai 150 responden atau 32.5% adalah pekerja swasta, manakala 135 responden atau 29.3% adalah bekerja sendiri. Kedua-dua julat pekerjaan ini melebihi separuh daripada jumlah responden yang ditemui.

Jadual 4.11

*Status Pekerjaan*

Status Pekerjaan	P 57 Parit Buntar		P59 Bkt Gantang		P60 Taiping	
	Frekuensi	%	Frekuensi	%	Frekuensi	%
Kerajaan	17	14.2	10	5.6	25	15.5
Swasta	48	40	42	23.3	62	38.5
Sendiri	30	25	72	40	33	20.5
Menganggur	7	5.8	14	7.8	11	6.8
Pelajar	17	14.2	28	15.6	26	16.1
Suri Rumah	1	0.8	13	7.2	3	1.9
<b>Jumlah</b>	<b>120</b>	<b>100</b>	<b>179</b>	<b>99.4</b>	<b>160</b>	<b>99.4</b>
<i>Missing</i>			1	0.6	1	0.6
<b>Jumlah</b>	<b>120</b>	<b>100</b>	<b>180</b>	<b>100</b>	<b>161</b>	<b>100</b>

#### 4.2.9 Taburan Pendapatan

Jadual 4.12 di bawah menunjukkan bilangan responden yang ditemui oleh pengkaji dan wakilnya di sekitar kawasan parlimen berkenaan, dengan mengambilkira pendapatannya, pengkaji telah memberikan pendapatan belia kepada 4 bahagian mengikut julatnya. Tertinggi adalah RM 3,000.00 ke atas manakala RM 1,000.00 ke bawah adalah terendah.

Responden bagi kajian ini bagi ketiga-tiga kawasan parlimen di dominasi oleh golongan belia berpendapatan RM 1,000.00 ke bawah, daripada 461 responden, dengan bilangan seramai 169 responden bersamaan dengan 36.7 % berbanding golongan belia berpendapatan antara RM 1,001.00 ke RM 2,000.00 yang hanya mempunyai 123 responden dan bersamaan dengan 26.7 %. Kedua julat berkenaan mewakili lebih daripada separuh responden yang ditemui oleh pengkaji dan wakilnya.

Jadual 4.12

*Pendapatan Responden*

Pendapatan	P 57 Parit Buntar		P59 Bkt Gantang		P60 Taiping	
	Frekuensi	%	Frekuensi	%	Frekuensi	%
0					2	1.2
Kurang 1000	49	40.8	75	41.7	45	28
1001-2000	33	27.5	42	23.3	48	29.8
2001-3000	11	9.2	7	3.9	15	9.3
3000 ke atas	3	2.5	1	0.6	11	6.8
Jumlah	96	80	125	69.4	121	75.2
<i>Missing</i>	24	20	55	30.6	40	24.8
Jumlah	120	100	180	100	161	100

### 4.3 Hubungan Antara Pemboleh Ubah Bebas dengan Pemboleh Ubah Bersandar

Ujian korelasi Pearson dijalankan bagi memeriksa tahap perhubungan antara setiap pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar. Kekuatan perhubungan ini juga diperkuat dengan nilai signifikan yang dipamerkan sebagai sandaran kepada hipotesis.

#### **4.3.1 Kawasan Parlimen P 57 Parit Buntar**

Hasil ujian korelasi ini ke atas data responden kawasan Parlimen P 57 Parit Buntar telah ditunjukkan di Jadual 4.13 di bawah. Berdasarkan jadual tersebut di bawah menunjukkan bahawa keempat-empat faktor di dalam kajian ini mempunyai hubungan yang signifikan antara satu sama lain. Nilai pekali korelasi bagi pemboleh ubah bebas keselamatan dengan pemboleh ubah bersandar kecenderungan sokongan politik belia adalah  $r = 0.672$  menunjukkan korelasi yang sederhana. Manakala nilai pekali korelasi bagi pemboleh ubah bebas ekonomi dengan pemboleh ubah bersandar kecenderungan sokongan politik belia adalah  $r = 0.686$  juga yang sederhana. Sementara nilai pekali korelasi bagi pemboleh ubah bebas komunikasi dengan pemboleh ubah bersandar kecenderungan sokongan politik belia adalah  $r = 0.824$  menunjukkan korelasi yang tinggi. Nilai pekali korelasi bagi pemboleh ubah bebas kepimpinan dengan pemboleh ubah bersandar kecenderungan sokongan politik belia adalah  $0.865$

Jadual 4.13

*Keputusan Ujian Korelasi Pearson Bagi Parlimen P 57 Parit Buntar (120 Responden)*

		Keselamatan	ekonomi	komunikasi	kepimpinan	kecenderungan politik
Keselamatan	Pearson Correlation		.735	.736	.666	.672
	Sig. (2-tailed)		.000	.000	.000	.000
Ekonomi	Pearson Correlation			.669	.738	.686
	Sig. (2-tailed)			.000	.000	.000
Komunikasi	Pearson Correlation				.813	.824
	Sig. (2-tailed)				.000	.000
Kepimpinan	Pearson Correlation					.865
	Sig. (2-tailed)					.000

juga korelasi yang tinggi. Keempat-empat pemboleh ubah bebas mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah bersandar memandangkan nilai  $p$  adalah 0.000 dan  $p < 0.05$ , oleh itu  $H_{01}$ ,  $H_{02}$ ,  $H_{03}$  dan  $H_{04}$  ditolak dan keputusan ujian korelasi serta hubungan hipotesis adalah seperti Jadual 4.14 di bawah bagi kawasan Parlimen P 57 Parit Buntar.

Jadual 4.14

*Keputusan Hipotesis Ujian Korelasi Pearson Bagi Parlimen P 57 Parit Buntar*

HO	HIPOTESIS KAJIAN P 57 PARIT BUNTAR	DAPATAN
Ho <sub>1</sub>	Tidak terdapat hubungan antara faktor keselamatan dengan kecenderungan sokongan politik belia.	Ho <sub>1</sub> ditolak
Ho <sub>2</sub>	Tidak terdapat hubungan antara faktor ekonomi dengan kecenderungan sokongan politik belia.	Ho <sub>2</sub> ditolak
Ho <sub>3</sub>	Tidak terdapat hubungan antara faktor komunikasi dengan kecenderungan sokongan politik belia.	Ho <sub>3</sub> ditolak
Ho <sub>4</sub>	Tidak terdapat hubungan antara faktor kepimpinan dengan kecenderungan sokongan politik belia.	Ho <sub>4</sub> ditolak

**4.3.2 Kawasan Parlimen P 59 Bukit Gantang**

Hasil ujian korelasi ini ke atas data responden kawasan Parlimen P 59 Bukit Gantang telah ditunjukkan di jadual 4.15 di bawah. Berdasarkan jadual tersebut di bawah menunjukkan bahawa keempat-empat pemboleh ubah bebas dalam kajian ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah bersandar berdasarkan nilai pekali korelasinya. Nilai pekali korelasi bagi pemboleh ubah bebas keselamatan dengan pemboleh ubah bersandar kecenderungan sokongan politik belia adalah  $r = 0.911$ . Manakala nilai pekali korelasi bagi pemboleh ubah bebas ekonomi dengan pemboleh ubah bersandar

kecenderungan sokongan politik belia adalah  $r = 0.869$ . Sementara nilai pekali korelasi bagi pemboleh ubah bebas komunikasi dengan pemboleh ubah bersandar kecenderungan sokongan politik belia adalah  $r = 0.928$ . Nilai pekali korelasi bagi pemboleh ubah bebas kepimpinan dengan pemboleh ubah bersandar kecenderungan

Jadual 4.15:

*Keputusan Ujian Korelasi Pearson Bagi Parlimen P 59 Bukit Gantang (180 Responden)*

		keselamatan	ekonomi	komunikasi	kepimpinan	Kecenderungan Politik
Keselamatan	Pearson Correlation		.846	.910	.889	.911
	Sig. (2-tailed)		.000	.000	.000	.000
Ekonomi	Pearson Correlation			.860	.854	.869
	Sig. (2-tailed)			.000	.000	.000
Komunikasi	Pearson Correlation				.920	.928
	Sig. (2-tailed)				.000	.000
Kepimpinan	Pearson Correlation					.912
	Sig. (2-tailed)					.000

an sokongan politik belia adalah  $r = 0.912$ . Keempat-empat pemboleh ubah bebas mempunyai hubungan yang kuat apabila nilai  $r$  melebihi 0.7 dan korelasinya adalah signifikan apabila kesemua pemboleh ubah bebas mempunyai nilai  $p$  adalah 0.000 dan  $p < 0.05$ , oleh itu  $H_{01}$ ,  $H_{02}$ ,  $H_{03}$  dan  $H_{04}$  ditolak dan keputusan



ujian korelasi serta hubungan hipotesis adala seperti jadual yang sama di bawah bagi kawasan P 59 Bukti Gantang.

Jadual 4.16

*Keputusan Hipotesis Ujian Korelasi Pearson Bagi Parlimen P 59 Bukit Gantang*

HO	HIPOTESIS KAJIAN P 59 BUKIT GANTANG	DAPATAN
Ho <sub>1</sub>	Tidak terdapat hubungan antara faktor keselamatan dengan kecenderungan sokongan politik belia.	Ho <sub>1</sub> ditolak
Ho <sub>2</sub>	Tidak terdapat hubungan antara faktor ekonomi dengan kecenderungan sokongan politik belia.	Ho <sub>2</sub> ditolak
Ho <sub>3</sub>	Tidak terdapat hubungan antara faktor komunikasi dengan kecenderungan sokongan politik belia.	Ho <sub>3</sub> ditolak
Ho <sub>4</sub>	Tidak terdapat hubungan antara faktor kepimpinan dengan kecenderungan sokongan politik belia.	Ho <sub>4</sub> ditolak

**4.3.3 Kawasan Parlimen P 60 Taiping**

Hasil ujian korelasi ini ke atas data responden kawasan Parlimen P 60 Taiping telah ditunjukkan di Jadual 4.17 di bawah. Nilai pekali korelasi bagi pemboleh ubah bebas keselamatan dengan pemboleh ubah bersandar kecenderungan sokongan politik belia adalah  $r = 0.748$ , hubungan korelasi yang sederhana. Manakala nilai pekali korelasi bagi pemboleh ubah bebas ekonomi dengan pemboleh ubah bersandar kecenderungan sokongan politik belia adalah  $r = 0.788$ , hubungan korelasi yang kuat. Sementara nilai pekali korelasi bagi pemboleh ubah

bebas komunikasi dengan pemboleh ubah bersandar kecenderungan sokongan politik belia adalah  $r = 0.866$ , hubungan korelasi yang kuat. Nilai pekali korelasi bagi pemboleh ubah bebas kepimpinan dengan pemboleh ubah bersandar kecenderungan sokongan politik belia adalah  $r = 0.876$ , hubungan korelasi yang kuat. Berdasarkan jadual tersebut di bawah menunjukkan bahawa keempat-empat pemboleh ubah bebas mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah bersandar apabila nilai  $p$  adalah  $0.00$  dan  $p < 0.05$ . oleh itu  $H_{01}$ ,  $H_{02}$ ,  $H_{03}$  dan  $H_{04}$  ditolak dan keputusan ujian korelasi serta hubungan hipotesis adala seperti di Jadual 4.18 di bawah bagi kawasan P 60 Taiping.

Jadual 4.17

*Keputusan Ujian Korelasi Bagi Parlimen P 60 Taiping (161 Responden)*

		Keselamatan	Ekonomi	Komunikasi	Kepimpinan	Kecenderungan Politik
Keselamatan	Pearson Correlation		.700	.753	.713	.748
	Sig. (2-tailed)		.000	.000	.000	.000
Ekonomi	Pearson Correlation			.798	.780	.788
	Sig. (2-tailed)			.000	.000	.000
Komunikasi	Pearson Correlation				.853	.866
	Sig. (2-tailed)				.000	.000
Kepimpinan	Pearson Correlation					.876
	Sig. (2-tailed)					.000

Jadual 4.18

*Keputusan Hipotesis Ujian Korelasi Pearson Bagi Parlimen P 60 Taiping*

HO	HIPOTESIS KAJIAN P 60 TAIPING	DAPATAN
Ho <sub>1</sub>	Tidak terdapat hubungan antara faktor keselamatan dengan kecenderungan sokongan politik belia.	Ho <sub>1</sub> ditolak
Ho <sub>2</sub>	Tidak terdapat hubungan antara faktor ekonomi dengan kecenderungan sokongan politik belia.	Ho <sub>2</sub> ditolak
Ho <sub>3</sub>	Tidak terdapat hubungan antara faktor komunikasi dengan kecenderungan sokongan politik belia.	Ho <sub>3</sub> ditolak
Ho <sub>4</sub>	Tidak terdapat hubungan antara faktor kepimpinan dengan kecenderungan sokongan politik belia.	Ho <sub>4</sub> ditolak

**4.4 Tahap Pengaruh Antara Pemboleh Ubah Bebas Dengan Pemboleh Ubah Bersandar**

Tahap pengaruh diperiksa dengan menggunakan teknik analisa regresi berganda yang menggabungkan keempat-empat pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar. Tahap pengaruh ini dilihat dari hasil keputusan ujian dari nilai *R square* dan ditukarkan kepada peratusan untuk menjadikan nilai tersebut sebagai peratusan faktor yang mempengaruhi terhadap pemboleh ubah bersandar. Berikut adalah keputusan analisa regresi:

#### 4.4.1 Kawasan Parlimen P 57 Parit Buntar

Berdasarkan Jadual 4.19 di bawah model ini menerangkan *R square* adalah .793 menunjukkan 79.3% dari dari *varians* yang wujud dikaji dan selebihnya 20.7% masih tidak dikaji. Hanya dua pemboleh ubah bebas sahaja sebagai peramal kepada pemboleh ubah bersandar iaitu pemboleh ubah bebas komunikasi dan kepimpinan di mana nilai  $p < 0.05$  dan kedua-dua pemboleh ubah bebas ini berada  $\alpha = 0.000$ , pengaruh yang signifikan dan nilai *standardized coefficients* bagi komunikasi 0.326, manakala kepimpinan 0.546. Tahap signifikan adalah agak tinggi dengan skor *F* mencapai 110.110. Dalam regresi berganda ini, kedua-dua pemboleh ubah bebas yang mempengaruhi pemboleh ubah bersandar dan ia berada dalam keadaan positif serta model yang dihasilkan bagi mengetahui pengaruhnya terhadap kecenderungan sokongan politik belia merupakan pemboleh ubah bersandar adalah:

$$y = a + b_1 x_1 + b_2 x_2$$

$$y = 0.279 + 0.321x_1 + 0.482 x_2$$

Di mana  $a$  adalah titik persilangan pada paksi  $y$  apabila  $x = 0$

$y$  = Kecenderungan sokongan politik belia

$x_1$  = Faktor komunikasi

$x_2$  = Faktor kepimpinan

$b_1$  = koefisien regresi bagi  $x_1$

$b_2$  = koefisien regresi bagi  $x_2$

$a$  = pemalar

Jadual 4.19

*Keputusan Ujian Regresi Berganda Terhadap Pemboleh Ubah Bagi Kawasan Parlimen*

*P 57 Parit Buntar*

<i>Model</i>	<i>Unstandardized Coefficients</i>		<i>Standardized Coefficients</i>	<i>t</i>	<i>Sig.</i>	
	<i>B</i>	<i>Std. Error</i>	<i>Beta</i>			
1	( <i>Constant</i> )	.279	.240		1.166	.246
	Keselamatan	.061	.100	.044	.610	.543
	Ekonomi	.047	.102	.033	.460	.646
	Komunikasi	.321	.080	.326	3.999	.000
	Kepimpinan	.482	.072	.546	6.683	.000

a. Pemboleh Ubah Bersandar: kecenderungan sokongan politik

$$R = .890, R \text{ Square} = .793, F = 110.110$$

Berdasarkan hasil ujian dan pemeriksaan bagi kawasan Parlimen P 57 Parit Buntar yang dijalankan di dapati kesimpulannya bahawa kedua – dua faktor pemboleh ubah bebas iaitu faktor kepimpinan dan komunikasi mempengaruhi kecenderungan sokongan politik belia. Secara ringkasnya melalui ujian infrensi yang dijalankan dapatlah dirumuskan bahawa hipotesis kajian seperti di Jadual 4.20 di bawah ;

Jadual 4.20

*Keputusan Ujian Analisa Infrensi Untuk Hipotesis Bagi P 57 Parit Buntar*

<b>HO</b>	<b>HIPOTESIS KAJIAN P 57 PARIT BUNTAR</b>	<b>DAPATAN</b>
Ho <sub>1</sub>	Tidak terdapat pengaruh antara faktor keselamatan dengan kecenderungan sokongan politik belia.	Ho <sub>1</sub> gagal ditolak
Ho <sub>2</sub>	Tidak terdapat pengaruh antara faktor ekonomi dengan kecenderungan sokongan politik belia.	Ho <sub>2</sub> gagal ditolak
Ho <sub>3</sub>	Tidak terdapat pengaruh antara faktor komunikasi dengan kecenderungan sokongan politik belia.	Ho <sub>3</sub> ditolak
Ho <sub>4</sub>	Tidak terdapat pengaruh antara faktor kepimpinan dengan kecenderungan sokongan politik belia.	Ho <sub>4</sub> ditolak

**4.4.2 Kawasan Parlimen P 59 Bukit Gantang**

Bagi kawasan Parlimen P 59 Bukit Gantang agak berlainan dengan kawasan Parlimen P 57 Parit Buntar. Berdasarkan Jadual 4.21 kawasan Parlimen P 59 Bukit Gantang di bawah, model ini menerangkan *R square* adalah  $R^2 = 0.902$  menunjukkan 90.2% dari dari *varians* yang wujud dikaji dan selebihnya 9.8% masih tidak dikaji. Kesemua pemboleh ubah bebas adalah sebagai peramal kepada pemboleh ubah bersandar iaitu pemboleh ubah bebas di mana faktor keselamatan, ekonomi, komunikasi dan kepimpinan mempengaruhi, di mana nilai  $p < 0.05$  dan kesemua pemboleh ubah bebas ini nilai alpanya berada diantara 0.000 hingga 0.002, pengaruh yang signifikan dan nilai *standardized coefficients* bagi

keselamatan 0.265, ekonomi 0.155, komunikasi 0.346, manakala kepimpinan 0.225. Tahap signifikan adalah agak tinggi dengan skor  $F$  mencapai 404.840.

Dalam regresi berganda ini, kesemua pemboleh ubah bebas yang mempengaruhi pemboleh ubah bersandar dan adalah berada dalam keadaan positif serta model yang dihasilkan bagi mengetahui pengaruhnya terhadap kecenderungan sokongan politik belia yang merupakan pemboleh ubah bersandar adalah:

$$y = a + b_1 x_1 + b_2 x_2 + b_3 x_3 + b_4 x_4$$

$$y = -0.137 + 0.293x_1 + 0.212 x_2 + 0.312 x_3 + 0.204 x_4$$

Di mana  $a$  adalah titik persilangan pada paksi  $y$  apabila  $x = 0$

$y$  = Kecenderungan sokongan politik belia

$x_1$  = Faktor keselamatan

$x_2$  = Faktor ekonomi

$x_3$  = Faktor komunikasi

$x_4$  = Faktor kepimpinan

$b_1$  = koefisien regresi bagi  $x_1$

$b_2$  = koefisien regresi bagi  $x_2$

$b_3$  = koefisien regresi bagi  $x_3$

$b_4$  = koefisien regresi bagi  $x_4$

$a$  = pemalar

Jadual 4.21

*Keputusan Ujian Regresi Berganda Terhadap Pemboleh Ubah Bagi Kawasan Parlimen*

*P 59 Bukit Gantang*

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
1 (Constant)	-.137	.148		-.927	.355
Keselamatan	.293	.068	.265	4.309	.000
Ekonomi	.212	.068	.155	3.111	.002
Komunikasi	.312	.065	.346	4.802	.000
Kepimpinan	.204	.059	.225	3.424	.001

a. Pemboleh Ubah Bersandar: Kecenderungan Sokongsn Politik

$$R = 0.950, R \text{ Square} = 0.920, F = 404.840$$

Berdasarkan hasil ujian dan pemeriksaan bagi kawasan Parlimen P 59 Bukit Gantang yang dijalankan di dapati kesimpulannya bahawa kesemua faktor pemboleh ubah bebas iaitu faktor keselamatan, ekonomi, kepimpinan dan komunikasi mempengaruhi kecenderungan sokongan politik belia. Secara ringkasnya melalui ujian infrensi yang dijalankan dapatlah dirumuskan bahawa hipotesis kajian seperti di Jadual 4.22 di bawah ;



Jadual 4.22

*Keputusan Ujian Analisa Infrensi Untuk Hipotesis P 59 Bukit Gantang*

<b>HO</b>	<b>HIPOTESIS KAJIAN P 59 BUKIT GANTANG</b>	<b>DAPATAN</b>
Ho <sub>1</sub>	Tidak terdapat pengaruh antara faktor keselamatan dengan kecenderungan sokongan politik belia.	Ho <sub>1</sub> ditolak
Ho <sub>2</sub>	Tidak terdapat pengaruh antara faktor ekonomi dengan kecenderungan sokongan politik belia.	Ho <sub>2</sub> ditolak
Ho <sub>3</sub>	Tidak terdapat pengaruh antara faktor komunikasi dengan kecenderungan sokongan politik belia.	Ho <sub>3</sub> ditolak
Ho <sub>4</sub>	Tidak terdapat pengaruh antara faktor kepimpinan dengan kecenderungan sokongan politik belia.	Ho <sub>4</sub> ditolak

**4.4.3 Kawasan Parlimen P 60 Taiping**

Bagi kawasan Parlimen P 60 Taiping agak tidak jauh perbezaan dengan kawasan Parlimen P 59 Bukit Gantang. Berdasarkan Jadual 4.23 kawasan Parlimen P 60 Taiping di bawah, model ini menerangkan *R square* adalah  $R^2 = 0.832$  menunjukkan 83.2% dari dari *varians* yang wujud dikaji dan selebihnya 16.8% masih tidak dikaji. Tiga pemboleh ubah bebas adalah sebagai peramal kepada pemboleh ubah bersandar iaitu pemboleh ubah bebas di mana faktor keselamatan, komunikasi dan kepimpinan mempengaruhi, di mana nilai  $p < 0.05$  dan ketiga-tiga pemboleh ubah bebas ini nilai alpanya berada di antara 0.000 hingga 0.019,

pengaruh yang signifikan dan nilai *standardized coefficients* bagi keselamatan 0.123, komunikasi 0.314, manakala kepimpinan 0.430. Tahap signifikan adalah agak tinggi dengan skor *F* mencapai 193.140.

Dalam regresi berganda ini, kesemua pemboleh ubah bebas yang mempengaruhi pemboleh ubah bersandar dan adalah berada dalam keadaan positif serta model yang dihasilkan bagi mengetahui pengaruhnya terhadap kecenderungan sokongan politik belia yang merupakan pemboleh ubah bersandar adalah:

$$y = a + b_1 x_1 + b_2 x_2 + b_3 x_3$$

$$y = -0.077 + 0.155x_1 + 0.309 x_2 + 0.405 x_3$$

Di mana *a* adalah titik persilangan pada paksi *y* apabila  $x = 0$

*y* = Kecenderungan sokongan politik belia

$x_1$  = Faktor keselamatan

$x_2$  = Faktor komunikasi

$x_3$  = Faktor kepimpinan

$b_1$  = koefisien regresi bagi  $x_1$

$b_2$  = koefisien regresi bagi  $x_2$

$b_3$  = koefisien regresi bagi  $x_3$

*a* = pemalar

Jadual 4.23

*Keputusan Ujian Regrasi Berganda Terhadap Bagi P 60 Taiping*

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
1 (Constant)	-.077	.202		-.383	.702
Keselamatan	.155	.065	.123	2.373	.019
Ekonomi	.167	.084	.116	1.974	.050
Komunikasi	.309	.071	.314	4.356	.000
Kepimpinan	.405	.063	.430	6.426	.000

a. Pemboleh ubah bersandar: Kecenderungan Sokongan Politik

$$R = 0.912, R \text{ Square} = 0.832, F = 193.140$$

Berasaskan hasil ujian dan pemeriksaan bagi kawasan Parlimen P 60 Taiping yang dijalankan didapati kesimpulannya bahawa tiga pemboleh ubah bebas iaitu faktor keselamatan, kepimpinan dan komunikasi mempengaruhi kecenderungan sokongan politik belia. Secara ringkasnya melalui ujian infrensi yang dijalankan dapatlah dirumuskan bahawa hipotesis kajian seperti di Jadual 4.24 di bawah ;

Jadual 4.24

*Keputusan Ujian Analisa Infrensi Untuk Hipotesis P 60 Taiping*

<b>HO</b>	<b>HIPOTESIS KAJIAN P 60 TAIPING</b>	<b>DAPATAN</b>
Ho <sub>1</sub>	Tidak terdapat pengaruh antara faktor keselamatan dengan kecenderungan sokongan politik belia.	Ho <sub>1</sub> ditolak
Ho <sub>2</sub>	Tidak terdapat pengaruh antara faktor ekonomi dengan kecenderungan sokongan politik belia.	Ho <sub>2</sub> gagal ditolak
Ho <sub>3</sub>	Tidak terdapat pengaruh antara faktor komunikasi dengan kecenderungan sokongan politik belia.	Ho <sub>3</sub> ditolak
Ho <sub>4</sub>	Tidak terdapat pengaruh antara faktor kepimpinan dengan kecenderungan sokongan politik belia.	Ho <sub>4</sub> ditolak

#### **4.5 Tahap Kecenderungan Sokongan**

Tahap kecenderungan sokongan kepada kerajaan Barisan Nasional berbanding dengan Pakatan Rakyat bagi ketiga-tiga kawasan Parlimen agak berbeza-beza, seperti keputusan frekuensi yang telah dilaksanakan.

#### **4.5.1 Kawasan Parlimen P 57 Parit Buntar**

Bagi kawasan Parlimen Parit Buntar, kumpulan yang benar-benar menyokong dan berada pada kedudukan tinggi adalah 32.5 %. Manakala 28.3 % adalah pada kedudukan yang tidak pasti. Selebihnya adalah tidak menyokong Barisan Nasional sebaliknya menyokong Pakatan Rakyat iaitu 39.2 %.

#### **4.5.2 Kawasan Parlimen P 59 Bukit Gantang**

Bagi kawasan Parlimen Bukit Gantang pula, kumpulan yang benar-benar menyokong dan berada pada kedudukan tinggi adalah 27.2 %. Manakala 53.9 % adalah pada kedudukan yang tidak pasti. Selebihnya adalah tidak menyokong Barisan Nasional sebaliknya menyokong Pakatan Rakyat iaitu 18.9 %.

#### **4.5.3 Kawasan Parlimen P 60 Taiping**

Bagi kawasan Parlimen Taiping pula, kumpulan yang benar-benar menyokong dan berada pada kedudukan tinggi adalah 27.3 %. Manakala 25.5 % adalah pada kedudukan yang tidak pasti. Selebihnya adalah tidak menyokong Barisan Nasional sebaliknya menyokong Pakatan Rakyat iaitu 47.2 %.

Jadual 4.25

*Tahap Kecenderungan Sokongan Politik Belia Keseluruhan Kawasan Palimen*

<b>Parlimen</b>	<b>Julat</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>%</b>	<b>Valid %</b>	<b>kumulatif %</b>
P 57 Parit Buntar	Valid 3.00 ke bawah	47	39.2	39.2	39.2
	3.00 hingga 3.38	34	28.3	28.3	67.5
	3.38 ke atas	39	32.5	32.5	100.0
	Total	120	100.0	100.0	
P 59 Bukit Gantang	Valid 3.075 ke bawah	34	18.9	18.9	18.9
	3.075 hingga 4.375	97	53.9	53.9	72.8
	4.38	49	27.2	27.2	100.0
	Total	180	100.0	100.0	
P 60 Taiping	Valid 3.5 ke bawah	76	47.2	47.2	47.2
	3.5 hingga 4.125	41	25.5	25.5	72.7
	4.125 ke atas	44	27.3	27.3	100.0
	Total	161	100.0	100.0	

#### 4.6 Kesimpulan

Berdasarkan hasil ujian dan pemeriksaan yang dijalankan dapatlah disimpulkan bahawa keempat-empat faktor pemboleh ubah bebas iaitu keselamatan, ekonomi, komunikasi dan kepimpinan perkaitan dan hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah bersandar iaitu kecenderungan sokongan politik belia. Walau bagaimanapun tahap kekuatan hubungan pemboleh ubah bebas ini berbeza-beza dan ia kebanyakannya bergantung

kepada permasalahan di kawasan parlimen yang dikaji, kebanyakan kawasan majoriti hubungan komunikasi dan kepimpinan adalah lebih tinggi hubungannya berbanding dengan keselamatan dan ekonomi.

Pemeriksaan ke atas pengaruh di antara pemboleh ubah juga menunjukkan tahap pengaruh pemboleh ubah bebas dan bersandar berbeza-beza mengikut kawasan parlimen. Bagi P 59 Bukit Gantang umpamanya keempat-empat pemboleh ubah bebas iaitu keselamatan, ekonomi, komunikasi dan kepimpinan mempunyai pengaruh terhadap kecenderungan sokongan politik belia. Manakala bagi kawasan P 60 Taiping hanya tiga sahaja pemboleh ubah bebas iaitu keselamatan, komunikasi dan kepimpinan sahaja yang mempunyai pengaruh terhadap kecenderungan sokongan politik belia. P 57 Parit Buntar pula hanya dua sahaja pemboleh ubah bebas iaitu komunikasi dan kepimpinan sahaja yang mempunyai pengaruh dengan kecenderungan politik. Sekiranya dikaji secara terperinci kebanyakan kawasan faktor komunikasi dan kepimpinan memainkan pengaruh yang penting dengan kecenderungan sokongan politik belia, berada pada tahap sederhana tinggi berbanding dengan keselamatan dan ekonomi kecuali Bukit Gantang faktor keselamatan memainkan peranan penting selepas komunikasi. Perbincangan lebih lanjut perkaitan pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar akan dibincangkan dalam bab yang berikut.

## **BAB 5**

### **PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 PENGENALAN**

Bab ini akan membincangkan dengan lebih jelas dan lebih lanjut hasil kajian daripada analisis yang telah dibuat di Bab 4. Dalam bab yang lepas telah menjelaskan hasil ujian-ujian yang dibuat dengan berbagai teknik analisa deskriptif dan infrensi bagi melihat hubungan dan pengaruh terhadap hipotesis kajian. Hasil dari analisa ini akan dibincangkan secara terperinci tanpa meninggalkan faktor – faktor demografi yang juga memberikan kesan kepada suasana kajian seterusnya kajian ini akan dikemaskan dengan sokongan dari kajian – kajian lepas yang telah dibuat oleh pengkaji terdahulu di dalam bab ini. Dapatan kajian yang telah di analisa dibincangkan di bawah untuk menghasilkan rumusan dan cadangan. Bab ini juga akan mencadangkan beberapa hala tuju dan cadangan kajian akan datang bagi mengukuhkan lagi penemuan mengenai status politik serta masa depan bangsa dan tanah air tercinta.

#### **5.2 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN**

Berikut adalah dapatan kajian terhadap tiga kawasan parlimen dari keputusan kajian hubungan dan pengaruh terhadap pemboleh ubah- pemboleh ubah yang dikaji:



### **5.2.1 Demografi**

Hasil kajian telah membuktikan, di sesetengah kawasan faktor umur memainkan peranan manakala sebahagian kawasan tidak memberi kesan terhadap kecenderungan sokongan politik belia. Bagi tiga kawasan parlimen yang dikaji 2 parlimen iaitu P 57 Parit Buntar dan P 59 Bukit Gantang perbezaan umur memang mempunyai perkaitan dengan pemboleh ubah bersandar iaitu kecenderungan sokongan politik belia. Kumpulan umur yang mempunyai perbezaan umur telah memberi perbezaan kecenderungan sokongan politik di kalangan belia. Manakala bagi kawasan Parlimen P 60 Taiping perbezaan umur tidak memberi kesan kepada kecenderungan sokongan politik belia.

Bagi jantina pula hasil kajian telah membuktikan bahawa perbezaan jantina tidak mewujudkan perbezaan yang ketara dalam kecenderungan sokongan politik belia. Jantina juga didapati tidak memberikan kesan yang ketara dalam kecenderungan sokongan politik belia. Dalam aspek jantina ketiga-ketiga kawasan parlimen tidak menunjukkan perbezaan dan memberi makna faktor jantina tidak memainkan peranan dalam menentukan kecenderungan sokongan belia.

Hasil ujian juga membuktikan tidak terdapat perbezaan tahap pendidikan antara julat kumpulan pendidikan kepada pemboleh ubah bersandar. Kesemua tahap pendidikan bermula dari peringkat sekolah rendah sehingga kepada peringkat tertinggi tidak memberi kesan yang nyata terhadap kecenderungan sokongan

politik belia. Keputusan itu hanya memberikan gambaran bahawa tahap pendidikan tidak banyak mempengaruhi kecenderungan sokongan politik belia.

### **5.2.2 Hubungan Pemboleh Ubah Bagi P 57 Parit Buntar**

Melihat kepada keputusan ujian korelasi bagi Parlimen P 57 Parit Buntar, Hipotesis Ho1, Ho2, Ho3 dan Ho4 ditolak apabila terbukti terdapat perkaitan dan hubungan yang signifikan di mana nilai signifikan semua pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar menunjukkan nilai 0.000 yang lebih kecil dari 0.05 . Kekuatan perkaitan di antara satu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah yang lain adalah berbeza-beza. Kekuatan perkaitan anantara keselamatan dan kecenderungan sokongan politik belia berada pada tahap perkaitan yang sederhana dengan nilai 0.599. Jelas untuk difahami bahawa keselamatan kurang mampu berdiri sendirian tanpa adanya faktor-faktor lain sebagai sokongan. Ini dibuktikan dengan nilai pekali r di antara keselamatan dengan ekonomi mencapai 0.706 yang juga dikategorikan perkaitan yang lebih besar. Manakala perkaitan komunikasi mencapai 0.678 yang dikategorikan mempunyai perkaitan yang besar. Pembuktian ini dengan sendirinya memperlihatkan ketiga-tiga faktor ini saling memerlukan dalam kecenderungan sokongan politik belia.

### **5.2.3 Hubungan Pemboleh Ubah Bagi P 59 Bukit Gantang**

Melihat kepada keputusan ujian korelasi bagi Parlimen P 59 Bukit Gantang, Hipotesis Ho1, Ho2, Ho3 dan Ho4 ditolak, apabila terbukti terdapat perkaitan dan hubungan yang signifikan di mana nilai signifikan semua pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar menunjukkan nilai 0.000 yang lebih kecil dari 0.05 . Kekuatan perkaitan di antara satu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah yang lain adalah berbeza-beza. Kekuatan perkaitan hubungan antara faktor keselamatan, ekonomi, komunikasi dan kepimpinan dengan kecenderungan sokongan politik belia berada pada tahap perkaitan yang sederhana dan kuat apabila nilai r melebihi 0.738 sehingga 0.832. Jelas untuk difahami bahawa pemboleh ubah bebas mampu berdiri sendirian tanpa adanya faktor-faktor lain. dibuktikan dengan nilai pekali r di antara keselamatan dengan ekonomi dan komunikasi serta kepimpinan mencapai nilai yang agak tinggi yang juga dikategorikan perkaitan yang lebih besar. Manakala perkaitan semua pemboleh ubah bebas saling mempunyai hubungan yang kuat dalam menentukan kecenderungan sokongan politik belia.

### **5.2.4 Hubungan Pemboleh Ubah Bagi P 60 Taiping**

Melihat kepada keputusan ujian korelasi bagi Parlimen P 59 Bukit Gantang, Hipotesis Ho1, Ho2, Ho3 dan Ho4 ditolak, apabila terbukti terdapat perkaitan dan hubungan yang signifikan di mana nilai signifikan semua pemboleh ubah

bebas dengan pemboleh ubah bersandar menunjukkan nilai 0.000 yang lebih kecil dari 0.05 . Kekuatan perkaitan di antara satu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah yang lain adalah berbeza-beza. Kekuatan perkaitan hubungan antara faktor keselamatan, ekonomi, komunikasi dan kepimpinan dengan kecenderungan sokongan politik belia berada pada tahap perkaitan yang sederhana kuat apabila nilai  $r$  melebihi 0.704 sehingga 0.798. Jelas difahami bahawa pemboleh ubah bebas mampu berdiri sendirian tanpa adanya faktor-faktor lain. Ini dibuktikan dengan nilai pekali  $r$  di antara keselamatan dengan ekonomi dan komunikasi serta kepimpinan mencapai nilai yang agak tinggi yang juga dikatogerikan perkaitan yang lebih besar. Manakala perkaitan semua pemboleh ubah bebas saling mempunyai hubungan yang kuat dalam menentukan kecenderungan sokongan politik belia.

### **5.2.5 Pengaruh Pembolehubah Bagi P 57 Parit Buntar**

Keputusan ujian regrasi di antara keempat-empat pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar bagi kawasan Parlimen P 57 Parit Buntar, menunjukkan pengaruh sehingga mencapai 79.3 % variasi. Nilai variasi ini berada pada tahap baik dalam perhubungan dan pengaruh terhadap kecenderungan sokongan politik belia. Keputusan ujian juga menunjukkan bahawa dua pemboleh ubah komunikasi dan kepimpinan ini secara padu adalah signifikan dengan nilai  $F$  yang sederhana tinggi iaitu 110.110. Berpandukan keputusan yang dicatatkan dua Hipotesis nol ditolak (komunikasi dan kepimpinan) dan dua lagi gagal di tolak (keselamatan

dan ekonomi). Namun melalui perbandingan di antara kedua pemboleh ubah yang ditolak jelas dibuktikan bahawa faktor kepimpinan lebih dominan mempengaruhi kecenderungan sokongan politik belia kerjaya dengan nilai Beta 0.482 berbanding nilai Beta komunikasi hanya berada pada nilai 0.321 dan tidak signifikan jika ia berdiri sendirian tanpa kehadiran faktor kedua-dua faktor. Setelah diketahui terdapat hubungan yang positif antara dua pemboleh ubah komunikasi dan kepimpinan dengan kecenderungan sokongan politik belia maka analisis dapat dibuat bahawa belia kawasan ini tidak begitu menitik berat faktor keselamatan dan ekonomi.

#### **5.2.6 Pengaruh Pembolehubah Bagi P 59 Bukit Gantang**

Keputusan ujian regresi di antara keempat-empat pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar bagi kawasan Parlimen P 59 Bukit Gantang, menunjukkan pengaruh sehingga mencapai 90.2 % variasi. Nilai variasi ini berada pada tahap baik dalam perhubungan dan pengaruh terhadap kecenderungan sokongan politik belia. Keputusan ujian juga menunjukkan bahawa kesemua pemboleh ubah bebas keselamatan, ekonomi, komunikasi dan kepimpinan ini secara padu adalah signifikan dengan nilai 404.804. Berpandukan keputusan yang dicatatkan keempat Hipotesis nol ditolak (keselamatan, ekonomi komunikasi dan kepimpinan) beerti keempat-empat pemboleh ubah bebas mempunyai pengaruh terhadap pemboleh ubah bersandar. Namun melalui perbandingan di antara pemboleh ubah yang ditolak jelas dibuktikan bahawa

faktor komunikasi lebih dominan mempengaruhi kecenderungan sokongan politik belia kerjaya dengan nilai Beta 0.312 berbanding nilai Beta keselamatan .293, ekonomi 0.212 dan kepimpinan 0.204. Keempat-empat faktor itu dilihat tidak begitu kuat dan signifikan jika ia berdiri sendirian tanpa kehadiran faktor lain. Setelah diketahui terdapat hubungan yang positif antara kesemua pemboleh ubah dengan kecenderungan sokongan politik belia maka analisis dapat dibuat bahawa belia kawasan ini begitu menitik berat kesemua faktor yang dikaji.

### **5.2.7 Pengaruh Pembolehubah Bagi P 60 Taiping**

Keputusan ujian regrasi di antara keempat-empat pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar bagi kawasan Parlimen P 60 Taiping, menunjukkan pengaruh sehingga mencapai 83.2 % variasi. Nilai variasi ini berada pada tahap baik dalam perhubungan dan pengaruh terhadap kecenderungan sokongan politik belia. Keputusan ujian juga menunjukkan bahawa dua pemboleh ubah komunikasi dan kepimpinan ini secara padu adalah signifikan dengan nilai  $F$  yang sederhana tinggi iaitu 193.140. Berpandukan keputusan yang dicatatkan tiga Hipotesis nol ditolak (keselamatan, komunikasi dan kepimpinan) dan satu lagi faktor gagal di tolak (ekonomi). Namun melalui perbandingan di antara ketiga pemboleh ubah yang ditolak jelas dibuktikan bahawa faktor kepimpinan lebih dominan mempengaruhi kecenderungan sokongan politik belia kerjaya dengan nilai Beta 0.405 berbanding nilai Beta komunikasi 0.309 dan keselamatan hanya berada pada nilai 0.155 dan tidak signifikan jika faktor keselamatan berdiri sendirian

tanpa kehadiran faktor kedua-dua faktor. Setelah diketahui terdapat hubungan yang positif antara ketiga-tiga faktor pemboleh ubah keselamatan, komunikasi dan kepimpinan dengan kecenderungan sokongan politik belia maka analisis dapat dibuat bahawa belia kawasan ini begitu menitik berat faktor keselamatan, komunikasi dan kepimpinan dan faktor ekonomi keutamaan kedua.

### **5.2.8 Perbandingan Keputusan Kajian Antara Ketiga-tiga Parlimen**

Terdapat perbezaan yang amat ketara dari segi keputusan kajian terhadap responden belia, bagi ketiga-tiga parlimen iaitu P 57 Parit Buntar, P 59 Bukit Gantang dan P 60 Taiping. Keputusan kajian ini diuji dengan korelasi Pearson dan regresi linear berganda. Bagi keputusan hubungan korelasi bagi ketiga-tiga parlimen tidak menunjukkan perbezaan hubungan kerana kesemua parlimen yang dikaji mempunyai hubungan antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Perbezaannya hanyalah kekuatan hubungan. Umpamanya bagi kawasan kawasan Parlimen P 59 Bukit Gantang semuanya faktor pemboleh ubah bebas iaitu keselamatan, ekonomi, komunikasi dan kepimpinan mempunyai hubungan yang kuat dengan pemboleh ubah bersandar iaitu kecenderungan sokongan politik belia dan berada pada 0.911, 0.869, 0.928 dan 912 dan menurut hair.at. all, (2007) perbandingan kekuatan hubungan dengan pekali korelasi adalah  $\pm 0.41$  hingga  $\pm 0.70$  sederhana kuat,  $\pm 0.71$  hingga  $\pm 0.90$  adalah kuat, manakala  $\pm 0.91$  hingga  $\pm 1.00$  adalah sangat kuat. Berbanding dengan P 57 parit Buntar dan P 60 Taiping kesemua hubungan pemboleh ubah adalah berada pada

sederhana kuat dan kuat sahaja. Bagi P 57 Parit Buntar ianya berada pada sekitar 0.672 hingga 0.865 dan bagi P 60 Taiping berada pada 0.748 hingga 0.876 dan tidak melebihi aras yang sangat kuat iaitu  $\pm 0.91$  hingga  $\pm 1.00$ . Keadaan ini berlaku adalah disebabkan oleh situasi politik di Parlimen P 57 Bukit Gantang yang tidak menentu akibat pergolakan dan pertukaran kepimpinan di negeri Perak.

Bagi hubungan regresi yang melibatkan pengaruh pula keputusan ketiga-ketiga kawasan parlimen telah menunjukkan perbezaan yang ketara. Ujian regresi di antara keempat-empat pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar bagi ketiga-tiga kawasan parlimen, menunjukkan pengaruh dalam lingkungan pencapaian anantara 79.3 % sehingga 90.2 % variasi. Nilai variasi ini berada pada tahap baik dalam perhubungan dan pengaruh terhadap kecenderungan sokongan politik belia. Berpandukan keputusan yang dicatatkan keempat Hipotesis nol yang melibatkan empat faktor pembolehubah bebas (keselamatan, ekonomi komunikasi dan kepimpinan) dan pengaruh dengan pemboleh ubah bersandar iaitu kecenderungan sokongan politik telah memaparkan keputusan yang berbeza antara ketiga-tiga parlimen. Umpamanya bagi P 59 Bukit Gantang keempat-faktor memainkan peranan dan berpengaruh, sedangkan P 60 Taiping hanya tiga (tidak termasuk ekonomi) manakala bagi P 57 Parit Buntar pula dua faktor sahaja iaitu melibatkan pengaruh komunikasi dan kepimpinan.

Keputusan regresi ini jelas memperlihatkan belia-belua di sekitar Parlimen P 59 Bukit Gantang, agak ketidak tentuan arah hala tuju mereka disebabkan lanskap



politik di kawasan yang agak celaru. Pertukaran parti dan kepimpinan, keluar parti dan pilihanraya kecil kemungkinan penyebab kepada permasalahan tersebut. Bagi kawasan Parlimen P 60 Taiping pula aspek ekonomi bukanlah merupakan faktor penting kepada mereka, kemungkinan kawasan bandar, keadaan ekonomi mereka tidak membimbangkan. Bagi mereka keselamatan dan komunikasi dan kepimpinan adalah amat penting bagi mereka. Berbanding dengan kawasan P 57 Parit Buntar juga merupakan kawasan luar bandar sepertimana P 59 Bukit Gantang, tetapi senario dan lanskap politiknya agak berbeza. Mereka tidak mendapat tekanan politik sepertimana berlaku di P 59 Bukit Gantang, kesannya hanya dua faktor sahaja yang dititikberatkan oleh belia kawasan tersebut iaitu komunikasi dan kepimpinan.

### **5.3 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN BERASASKAN TEMUBUAL**

Setelah keputusan kajian berasaskan kuantitatif diperolehi dengan kajian deskriptif, inferensi, korelasi, regresi dan sebagainya diperolehi, pengkaji juga berusaha membuat analisis berasaskan temubual. Beberapa pemimpin belia dan juga belia telah ditemui diajukan beberapa soalan mengenai persoalan belia dan diminta memberi pandangan berhubungan dengan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji oleh pengkaji. Di samping itu beberapa soalan umum juga turut dibualkan. Mereka ada yang ditemubual secara formal dengan menggunakan beberapa soalan yang telah dibentuk lebih awal seperti di Lampiran F dan transkrip adalah seperti di Lampiran G. Antara perkara-

perkara yang telah diutarakan oleh pengkaji serta pendapat-pendapat yang telah dirumus oleh pengkaji adalah seperti berikut:

### **5.3.1 Aspek Keselamatan**

Negara kita dilihat berada di dalam bahaya sekiranya situasi politik terus tidak menentu, di samping keadaan ekonomi dunia yang tidak stabil boleh menarik Malaysia kearah situasi ekonomi yang sama seperti negara jiran Indonesia, Filipina dan Thailand serta beberapa negara Asia yang lain. Apapun keadaannya Malaysia dilihat antara negara yang bertuah dan begitu baik walaupun ada beberapa situasi yang tidak menyenangkan. Walaubagaimanapun keadaan negara yang selamat dan ianya melambangkan kepimpinan terdahulu yang amat prihatin, baik dan berjaya menstabilkan dan apa saja masalah yang datang dapat di selesaikan dengan baik. Bagaimanapun kehadiran elemen negatif yang mementingkan kuasa tanpa mengambilkira kepentingan rakyat telah membimbangkan serta keadaan ini telah diluahkan oleh beberapa pemimpin dan belia seperti antara ungkapan mereka:

- a. Amira Bulti, Naib Ketua Puteri Umno Bahagian Parit Buntar, juga Naib Ketua Wanita (Wanita) Gerakan Belia 4B Kawasan Parit Buntar dan Pengerusi Gerakan Beliawanis Gerakan Belia 4B Kawasan Parit Buntar. menyatakan, “ PKR sebuah parti yang bersaskan semua kaum dan tentunya dapat menarik minat pelbagai kaum menyertainya kerana dilihat

kearah perpaduan. Walaupun mempunyai objektif yang jelas tetapi hala tujunya diragui kerana boleh menjejaskan keselamatan negara”.

b. Azhar Hj. Ahmad, Ahli Jawatankuasa Pemuda Keadilan, Ranting Kuala Kurau, menyatakan, “Saya tidaklah marah, tapi mengapa Melayu dengan Melayu perlu bertelagah. Ini semua kerana kuasa, kita perlu lebihkan program kerohanian dalam diri terutama mereka yang berkuasa. Terdapat perbezaan di sesetengah tempat apabila peralihan kuasa berlaku. Ada yang dirasakan baik ada juga semakin teruk. Susah hendak di katakan, cuma mengapa bangsa melayu perlu bertelagah, yang mampu menyelesaikan perkara ini adalah mereka yang berkuasa. Sekiranya terus bertelagah saya khawatir ada pihak ketiga mengambil kesempatan dan negara berada dalam keadaan bahaya, itu pendapat saya”.

c. Hj. Abdullah bin Hj. Amaluddin, JKKK Sungai Burung menyatakan, “ Usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi menjamin keselamatan banyak membantu dalam mencari sokongan belia kepada yang mana berlandaskan perlembagaan. Kerajaan perlu mengekalkan sistem yang sedia ada, tetapi perlu penambahbaikan dari masa ke semasa supaya rakyat berasa selamat, aman dan makmur”.

### **5.3.2 Membina Belia Yang Patriotik dan Mementingkan Perpaduan**

Beberapa persoalan tentang semangat patriotik dalam membina Bangsa Malaysia yang patriotik dan bersatupadu melalui program pembangunan belia dan sukan yang strategik telah diajukan kepada pemimpin belia dan belia sendiri. Banyak yang memberi pandangan bahawa untuk merelisasikan matlamat untuk membina belia yang patriotik dan mementingkan negara pendedahan awal di sekolah dan kesedaran belia tentang betapa pentingnya tanggungjawab mereka terhadap negara dan kebebasan negara itu sendiri. Perlu diadakan kursus-kursus untuk menyedarkan belia tentang cintakan tanahair dan cintakan bangsa. Juga diadakan sambutan keraian seperti Hari Kemerdekaan serta memperingati tokoh negara sebagai idola semasa perjuangan mereka. Perlu diadakan peruntukan khas untuk memberi kursus atau pertandingan bersempena dengan sesuatu perayaan yang melibatkan kebangkitan semangat nasionalisme. Semangat nasionalisme itu penting dalam menentukan keselamatan dan masa depan negara, seperti yang telah ditekankan oleh beberapa pemimpin belia dan belia seperti di bawah:

- a. Amira Bubi, memberi pandangan bahawa, “Melaksanakan program kemasyarakatan bagi menanam sifat perpaduan dikalangan belia. Contohnya program gotong-royong di kawasan kampung baru Cina dan estet yang majoriti kaum India” dan beliau menambah “Sukar untuk berjaya kerana dasar pendidikan negara yang tidak ke arah perpaduan. Sekolah yang ada lebih mirip kepada kaum. Contohnya, Sekolah

Kebangsaan majoriti kaum Melayu, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina bagi kaum Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil bagi kaum India”.

b. Hj. Abdullah bin Hj. Amaluddin, pula menegaskan bahawa, perlu “ mengadakan program yang dapat memberi pendedahan kepada golongan belia kepada sejarah penubuhan Malaysia, serta perjuangan yang telah dilakukan oleh nenek moyang kita dalam mencapai kemerdekaan. Menjadi *role model* kepada belia setempat dan memberi nasihat serta bimbingan kepada mereka sekiranya perlu”.

### **5.3.3 Membina Belia yang Berdisiplin dan Berakhlak**

Beberapa persoalan juga turut diajukan mengenai pembinaan masyarakat belia yang bersatu padu, berdisiplin, berakhlak tinggi dan bergerak maju dalam bidang sosial dan ekonomi serta untuk membina masyarakat yang sihat, cergas dan berbudaya sukan ke arah perpaduan dan pembangunan negara dan sentiasa menyokong aktiviti kerajaan. Ramai berpendapat bahawa dalam memberi kesedaran dan juga pendekatan sifat yang mulia dan berdisiplin jangan lupa bahawa perpaduan di antara kaum juga memainkan peranan dalam mewujudkan nilai dan akhlak yang baik. Kerajaan juga perlu lebih prihatin tentang menangani isu-isu yang melibatkan sensitiviti masyarakat setempat. Selain dari itu pendekatan yang lebih haruslah di berikan kepada golongan belia kerana merekalah eset dan harapan negara. Jika pencorakan mereka tidak di pantau maka

corak akhlak dan disiplin mereka akan rosak. Program berbentuk rohani dan agama perlulah kerap dilakukan di masjid dan surau-surau yang mesti disertai oleh para belia. Antara yang memberi pandangan:

a. Amira Bubi menegaskan, “ setiap pemimpin perlu menjadi *role model* kepada belia dalam setiap aspek. Bukan hanya pandai bercakap sahaja. Bak kata pepatah Melayu, kalau bapa kencing berdiri, tidak mustahil anak kencing berlari”.

b. Hj Saiful bin Johari, Ahli Jawatankuasa KSK pula menegaskan, “ memperbanyakkan lagi program yang berbentuk kepada kesihatan sebagai contoh senam cergas di kalangan masyarakat tanpa memikirkan fahaman politik. Memperbanyakkan lagi program-program yang berbentuk kepada sosio ekonomi supaya menarik minat belia dalam mengembangkan perniagaan. Pemimpin memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan fahaman politik kepada masyarakat. Pemimpin perlu menjadi contoh kepada belia dalam semua perkara.

#### **5.3.4 Usaha Kerajaan Terhadap Peningkatan Ekonomi Belia**

Kedudukan ekonomi belia juga penting, sehubungan dengan beberapa persoalan tentangnya telah diutarakan kepada pemimpin belia dan belia sendiri. Kebanyakannya berpendapat haruslah di lihat dari segala aspek cara dan

pendekatan ekonomi kerajaan terhadap belia. Walaupun banyak kemudahan dan peluang yang telah kerajaan adakan mungkin ianya terbatas pada keadaan yang tertentu sahaja. Kadang-kadang belia yang berada di luar bandar kurang mengetahui peluang-peluang yang disediakan oleh kerajaan. Sesetengah belia mengetahui tetapi malangnya prosedur dan tataranya amat menyulitkan dan terlalu birokrasi. Jabatan yang terlibat haruslah memudahkan tatacara birokrasi ini agar memudahkan belia serta tidak membebankan. Ada juga berpendapat kerajaan telah menyediakan berbagai aktiviti dan rancangan untuk membangunkan belia, tetapi mereka sendiri malas dan tidak berminat. Antara ungkapan pemimpin belia dan belia adalah seperti berikut:

- a. Amira Bubti, menegaskan “Peruntukan kerajaan terlalu kecil berbanding dengan bilangan belia tempatan. Walaupun banyak agensi kerajaan lain memberi bantuan kepada belia namun syarat yang ketat dikenakan bagi setiap pinjaman/bantuan dan perlu dikaji semula. Oleh itu, konsep rakyat didahulukan harus selari dengan kehendak belia bagi memastikan sokongan mereka terhadap kerajaan tidak berubah”.

### **5.3.5 Menghasilkan Belia Terlatih dan Berkewibawa**

Rasa tidak puas hati dan perasaan penentangan oleh belia terhadap dasar kementerian dan kerajaan berlaku dan tidak mempengaruhi kehendak mereka. Ia berlaku kerana kesilapan sesetengah badan bukan kerajaan yang memainkan

peranan menghasut dan adakalanya berbaur fahaman politik sedangkan belia itu sendiri tidak begitu memahami apa yang diutarakan. Dasar-dasar kerajaan sewajarnya di beri penerangan sejelas-jelasnya melalui saluran yang tertentu, sekali gus dapat memanfaatkan hasil dari dasar-dasar yang diadakan. Kadang kala golongan yang menentang kerajaan ini agak keterlaluan apabila peluang yang di beri tidak kesampaian atau tidak mencapai satu tahap kepuasan kepada sasaran. Walaubagaimana pun ramai berpendapat perkara ini harus ditangani dengan bijak supaya dasar kerajaan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

- a. Pemimpin belia memberi pandangan, “ Dari aspek ekonomi kerajaan BN banyak membantu meningkatkan ekonomi belia, walau bagaimanapun penyaluran bantuan tidak secara menyeluruh, tidak sampai kepada mereka yang betul-betul memerlukan. Pemimpin harus meneliti setiap agihan bantuan supaya tiada penyelewengan di peringkat akar umbi. PR mencuri peluang untuk mendapatkan sokongan dengan memberi bantuan secara keseluruhan, walaupun dengan jumlah yang sederhana, namun kesan daripada itu melihatkan bahawa PR lebih mesra dengan rakyat. Ini membuatkan mereka iaitu belia terpengaruh dengan mereka”

### **5.3.6 Komunikasi dari Kacamata Pemimpin Belia dan Belia**

Beberapa persoalan telah diutarakan berhubung dengan pendapat pemimpin belia dan belia mengenai peranan pemimpin dan cara mereka berkomunikasi.



Perhubungan dan interaksi hendaklah selalu diadakan untuk menunjukkan mereka dihargai di perlukan. Tumpuan dan perhatian perlu diberi dari segala aspek bagi memenuhi kehendak dan citarasa mereka. Ciri kepimpinan dan cara berinteraksi yang sempurna perlu diberi perhatian agar dapat dijadikan ikutan dan panduan mereka. Pemimpin perlu sentiasa berkomunikasi dan interaksi dengan golongan belia ini supaya kita dapat mendengar dan mengetahui kehendak mereka.

### **5.3.7 Kepimpinan dari Kacamata Pemimpin Belia dan Belia**

Berhubungan dengan belia dewasa ini apa yang sering diperdebatkan ialah berkait rapat dengan disiplin, mutu kerja serta penggunaan masa ketika mereka belia. Soalan-soalan berkaitan keselamatan, ekonomi, komunikasi dan kepimpinan serta kecenderungan juga turut dikemukakan kepada mereka sebagai bahan perbualan. Pendapat diutarakan berhubung perpaduan antara kaum juga memainkan peranan dalam mewujudkan nilai dan ahlak yang baik. Kerajaan juga perlu lebih perihatin tentang menagani isu-isu yang melibatkan sensitiviti masyarakat belia setempat.

Selain dari itu pendekatan yang lebih haruslah diberikan kepada golongan belia kerana merekalah eset dan harapan negara. Jika pencorakan mereka tidak di pantau maka corak akhlak dan disiplin mereka akan rosak. Program berbentuk rohaniah dan agama perlulah kerap di lakukan di masjid dan surau yang sewajarnya penyertaan maksimum oleh para belia. Pemimpin perlu menitikberatkan tentang sokongan belia yang berterusan tanpa disogok oleh

sebarang imbuhan. Setiap yang dilakukan adalah dengan secara sukarela. Sikap pemimpin harus lebih peka terhadap keperluan dan kehendak para belia. Kebanyakan pemimpin belia dan belia yang ditemubual memberi pandangan bahawa:

a. Aira Bubti berpendapat “Sebagai orang yang dipertanggungjawab di atas pembangunan belia ini, ianya tidak seharusnya diletakkan dibahu pemimpin belia saja. Ia perlu digalas oleh semua golongan masyarakat termasuk belia itu sendiri. Kerajaan harus sedar bahawa tanggungjawab yang diberikan perlulah diberi perhatian samada dari segi latihan dan kewangan”.

b. Hj Saiful bin Johari “ Walau bagaimanapun kami tetap berusaha menjadikan budaya ini terus tumbuh dan menjalar di hati setiap warga belia di kawasan kami, untuk melibatkan diri dan sentiasa menyokong akan program yang dijalankan. Selain dari itu kami sentiasa berusaha memberi penerangan kepada belia mengenai kedudukan sebenar rancangan dan tindakan kerajaan untuk membangunkan belia di negara ini”.

### **5.3.8 Perkongsian Pintar dan Kemudahan serta Prasarana**

Dalam usaha untuk memartabatkan belia, kebanyakan responden yang ditemui memberi pandangan betapa perlunya diperbanyakkan lagi kemudahan-kemudahan untuk belia dari segi keperluan jasmani, rohaniah sehinggalah kepada pembentukan pemikiran dan keperluan latihan kemahiran. Bukan sahaja padang permainan dan kawasan rekreasi tetapi juga kemudahan dan prasarana perlu di bangunkan untuk menjalankan apa jua program yang difikirkan sesuai. Kemudahan sedia ada harus diselenggara dengan baik dan tidak terbiar. Perkongsian atau kerjasama pihak kerajaan dan swasta adalah perlu untuk tujuan mengadakan program yang lebih berkesan.

### **5.3.9 Kehendak dan Citarasa Belia**

Responden yang ditemui juga ditemubual mengenai kehendak dan citarasa mereka. Ketika ditanya mereka menyuarakan isihati dan pendapat, antaranya mengaitkan situasi semasa pada mereka ketidakstabilan politik ketika ini amat membimbangkan mereka dan tidak bersetuju dengan situasi sekarang. Pada mereka kedua-dua parti politik iaitu Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat telah menunjukkan kepincangan mereka dan keadaan ini membimbangkan. Bagi mereka Barisan Nasioanl mentadbir negara, apa yang dikatakan oleh pemimpin, mereka kotakan. Tetapi dalam mengotakan sesuatu janji dan perlaksanaan sesuatu perkara itu banyak perkara yang menyimpang dari landasan. Bagi Pakatan

Rakyat pula banyak bercakap kosong dan akhirnya jadi pembohong. Orang pembohong ni petah bercakap, bohong sana, bohong sini dan akhirnya putar belitkan keadaan. Kekecohan semua ini menunjukkan ketidakstabilan kepimpinan Pakatan Rakyat dan perjuangan yang tidak ikhlas, ianya banyak memberi gambaran yang negatif terhadap kepimpinannya. Kalau diimbaz kembali bagaimana Pakatan Rakyat boleh memerintah negara sedangkan ahli yang tidak seberapa pun tidak dapat dikawal, pincang dan tidak tentu halatuju.

Bagi mereka matlamat Barisan Nasional adalah jelas di mana kekayaan perlu di kongsi bersama. Rakyat bebas melakukan apa saja asalkan tidak melanggar undang-undang dan peraturan. Bagaimanapun undang-undang diwujudkan oleh mereka, malangnya mereka juga yang melanggarnya. Itulah yang membimbangkan belia terutama golongan belia terpelajar yang sentiasa mengikuti perkembangan politik negara.

Responden berpendapat Parti Keadilan Rakyat (PKR), adalah satu parti yang terbentuk atas perasaan tidak puas hati dan marah golongan tertentu. Ianya diwujudkan bukan memperjuangkan kehendak rakyat tetapi atas kepentingan individu-individu tertentu. PKR bukanlah sebuah parti yang menjadi citarasa belia, namun parti ini telah mendapat sokongan belia apabila ia dibentuk dengan mendedahkan aktiviti berunsur cabaran yang disukai oleh golongan belia, pemimpinnya agresif, serta mempertahankan tindakan liar belia, lebih bersifat

radikal dan pendekatan pemberontakan salah satu agenda mereka dan ini telah membuka citarasa belia.

### **5.3.10 Sokongan Belia kepada Kerajaan**

Responden juga turut ditemubual berhubung dengan belia kepada kerajaan yang memerintah iaitu Barisan Nasional, dari segala aspek, meliputi faktor-faktor yang dikaji juga faktor-faktor sampingan termasuk rancangan-rancangan kerajaan dalam pembangunan belia. Rata-rata menekankan kepimpinan dan komunikasi antara pemimpin dan golongan belia, yang dilihat terlalu pincang dalam kedua-dua faktor ini. Pilih kasih pemimpin mengikut fahaman parti antara yang ketara berlaku, begitu juga dari sudut membangunkan ekonomi belia, mereka istilahkan sebagai pemimpin yang sentiasa “pilih bulu” iaitu yang sealiran dengan pemimpin akan mendapat tempat. Sehubungan dengan itu pemimpin Barisan Nasional perlu melihat perkara ini secara serius dan bertindak dengan bijaksana.

Pemimpin perlu menitikberatkan sokongan belia yang berterusan tanpa di sogok oleh sebarang imbuhan, setiap aktiviti perlu dilakukan dengan cara sukarela demi kebaikan belia khasnya dan seluruh lapisan masyarakat secara amnya. Pemimpin harus lebih peka terhadap keperluan dan kehendak para belia. Tumpuan dan perhatian perlu diberi kepada setiap belia tanpa melihat fahaman dan ikutan politik. Komunikasi dan interaksi secara tidak formal dan sebaliknya hendaklah selalu diadakan bagi menunjukkan kehadiran dan kerjasama serta penglibatan

belia dalam setiap aktiviti amat diperlukan oleh masyarakat. Ciri-ciri kepimpinan yang baik perlu di tonjolkan agar sikap dan sifat itu menjadi sebutan dan ikutan mereka.

### **5.3.11 Tanggapan Belia Terhadap Kerajaan BN dan PR.**

Rata-rata responden amat berbangga dengan perkembangan politik yang bertambah baik dan meyakinkan. Walau bagaimanapun kebanyakan responden amat menghargai kejayaan yang di capai oleh negara dan bangga dengan pemimpin terdahulu yang telah memacu kejayaan negara. Pengorbanan besar pemimpin dahulu telah dapat dikecapi oleh generasi ini. Walau apapun keadaannya responden kebanyakan mengingatkan kedua-dua parti politik iaitu Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat bahawa mereka dipilih oleh rakyat untuk memimpin kerajaan dan laksanakanlah tanggungjawab demi kepentingan rakyat bukan atas dasar kepentingan parti.

## **5.4 RUMUSAN KAJIAN**

Hasil dari keputusan ujian yang telah dilakukan dengan menggunakan kaedah kuantitatif menggunakan SPSS Versi 16 dan kaedah temubual yang telah dilaksanakan dapatlah menjawab persoalan dan objektif kajian seperti berikut:

- a. Secara keseluruhan faktor keselamatan, ekonomi, komunikasi dan kepimpinan telah dibuktikan memang mempunyai hubungan dan pengaruh kepada kecenderungan sokongan politik belia dan ia berbeza mengikut kawasan sepertimana yang telah dibuktikan. Keempat faktor pemboleh ubah bebas tersebut mampu membawa perubahan kepada keadaan geopolitik di tiga parlimen tersebut serta lanskap politik Negeri Perak.
- b. Jelas ditunjukkan melalui ujian infrensi dan deskriptif bahawa faktor umur, jantina dan pendidikan agak tidak memainkan peranan sangat kecuali di sesetengah kawasan sahaja.
- c. Metodologi yang digunakan bagi mengukur pemboleh ubah memperlihatkan hubungan permulaan bagi menerangkan perasaan individu terhadap politik. Bagi melihat ruang untuk menggunakan peluang keselamatan, ekonomi, komunikasi dan kepimpinan yang ada bagi meraih tahap sokongan oleh mana-mana parti yang mempunyai kepentingan didapati relevan dan boleh digunapakai.
- d. Bagi tahap sokongan untuk kerajaan Barisan Nasional amat mengecewakan. Responden banyak memihak kepada Pakatan Rakyat. Manakala kedudukan atas pagar juga tinggi. Mana-mana parti yang ingin meraih kemenangan perlu memancing belia atas pagar.

- e. Semua dapatan kajian di atas juga telah disokong oleh kajian melalui temubual dan sealiran dengan teori dan model kajian sebelum ini walaupun agak berbeza dari segi faktor kajian, tempat dan masa serta lain-lain ciri kajian.

Hasil kajian ini dilihat amat signifikan bagi politik Negeri Perak, walaupun kajian hanya dilakukan kepada tiga kawasan parlimen sahaja, tetapi telah dapat memberi bayangan tentang permasalahan sokongan dan kecenderungan sokongan politik. Negeri Perak dilihat begitu unik situasi politiknya ketika ini, mana-mana parti politik boleh meraih sokongan dan memenangi hati pengundi sekiranya mereka mengambilkira intipati kajian ini. Melihat kepada kedua-dua parti politik iaitu Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat, kedua-duanya boleh memerintah sekiranya faktor yang dikaji oleh pengkaji diambil perhatian. Barisan Nasional boleh terus memerintah selepas Pilihanraya Umum ke 13, sekiranya faktor kepimpinan dan komunikasi terus dipertingkatkan manakala faktor keselamatan dan ekonomi tidak diabaikan. Sebaliknya jika Pakatan Rakyat lebih bijaksana, pandai mengambil kesempatan tentang kelemahan yang wujud sekarang dan lambat laun mereka boleh memerintah semula Negeri Perak Darul Ridzuan.

## **5.5 CADANGAN**

Melihat kepada rumusan yang diperoleh hasil dari dapatan ujian dan temubual, beberapa pendekatan dan langkah dicadangkan untuk diambil bagi menangani permasalahan kajian



terutamanya dalam aspek membawa perubahan kepada lanskap politik negara. Langkah ke arah perubahan yang boleh dilakukan seperti berikut ;

- a. Kerajaan perlu memberi perhatian dan menggalakkan perkembangan motivasi di kalangan belia supaya lebih komited kepada sosio politik, ekonomi dan keselamatan. Pembelajaran menjadi satu budaya sambil mengambil kelebihan dan keuntungan dari ilmu pengetahuan yang diperoleh bagi menetapkan kehidupan masa depan. Osteraker (1999) memetik Christopher (1980) menyatakan perhatian organisasi ke atas proses penerapan motivasi bercorak dinamik bermula dengan memastikan nilai yang perlu ada pada individu seterusnya menetapkan tindakan yang akan diambil bagi menghadapi perubahan yang berlaku kepada dunia persekitaran. Kerajaan perlu pandai mengambil peluang ini serta sentiasa memberi perhatian kepada golongan belia ini.
  
- b. Motivasi politik melalui pendekatan keselamatan, ekonomi, komunikasi dan kepimpinan dengan menerapkan nilai pembelajaran perlu dilihat sebagai satu kelebihan. Seseorang individu jika mereka berjaya menguasai sesuatu perkara sehingga ke peringkat yang tertinggi. Cheng dan Ho (2001) memetik Clark et al (1993) menyatakan motivasi pembelajaran menjadi penting bagi melihat keberkesanan terhasil walaupun menghadapi kesulitan terhadap sesuatu perkara. Oleh itu peluang memperoleh faktor ini perlu diperluaskan dan dipermudahkan

untuk menjadi alternatif di dalam kehidupan mereka. Dari pembelajaran mereka mengetahui permasalahan dan berjaya menghadapi cabaran mendatang. Dari pelajaran mereka dapat meningkatkan ekonomi dan dalam masa yang sama kerajaan juga perlu memberi sokongan dengan mewujudkan peluang pekerjaan.

- c. Sikap proaktif terhadap politik, ekonomi dan keselamatan akan timbul apabila seseorang itu bermotivasi, berpendidikan, pemimpin sentiasa menghubungi dan berkomunikasi serta menjadi model kepada belia. Adalah lebih baik pengukuran keupayaan seseorang belia dilihat dari sudut sikapnya apabila meningkat usia dan hubungannya dengan kematangan politik.
- d. Kajian terperinci ke atas belia-belia yang meningkat usia berhubung kematangan politiknya perlu dilaksanakan supaya mengetahui permasalahan mereka. Jelasnya disini golongan belia ini amat signifikan, ia jelas sekiranya kerajaan mengabaikan golongan ini maka lihatlah padahnya pada Pilihanraya Umum akan datang. Mungkin kerajaan Barisan Nasional boleh memerintah Negara lagi tetapi dengan majoriti yang lebih tipis lagi. Situasi politik pula akan menjadi lebih runcing lagi seperti kata pepatah Melayu, retak mencari belah.

## 5.6 KAJIAN AKAN DATANG

Untuk membina masyarakat belia yang bersatu padu, berdisiplin, berakhlak tinggi dan bergerak maju dalam bidang sosial dan ekonomi serta politik di samping untuk membina masyarakat yang sihat, cergas dan berbudaya sukan ke arah perpaduan dan pembangunan negara kajian terperinci perlu dilaksanakan terhadap golongan belia ini.

Kertas kajian ini telah mengupas dan menguji keempat-empat pemboleh ubah bebas iaitu faktor keselamatan, ekonomi, komunikasi dan kepimpinan terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu kecenderungan sokongan politik belia. Kesemua faktor pemboleh ubah bebas kebanyakannya mempunyai perkaitan positif serta mempengaruhi pemboleh ubah bersandar. Golongan belia tidak terlepas dari menghadapi masalah-masalah yang dibincangkan dalam persoalan kajian. Terdapat faktor-faktor lain yang lebih mempengaruhi belia perlu juga diambilkira dalam kajian-kajian akan datang.

Kajian akan datang disyorkan untuk melihat faktor lain seperti faktor berkaitan penguasaan kemahiran oleh belia, peranan kerajaan dalam pembangunan belia dan faktor suasana pekerjaan seperti kemajuan teknologi serta keperluan kepada kemahiran yang baru dijangka menyumbang kepada pembangunan kerjaya belia (Ford *et all* 1998). Diharapkan dengan menggabungkan faktor – faktor kajian ini dan faktor-faktor yang bukan dalam kajian ini akan memberi gambaran sebenar pembangunan belia dan keadaan mereka serta keperluan mereka.

Pembinaan generasi muda adalah salah satu tanggungjawab yang besar dalam melaksanakan dan meneruskan usaha-usaha pembangunan bagi mengisi cita-cita kemerdekaan. Kaum belia sebagai tunas bangsa adalah harapan sebagai pewaris untuk menyambung dan meneruskan pelaksanaan rancangan-rancangan hari ini dan masa depan untuk kebahagiaan negara. Justeru kajilah keperluan fizikal, kerohanian serta mental mereka. Ingatlah, belia pemangkin masyarakat akan datang, boleh membawa erti kejayaan dalam kehidupan seseorang akan menentukan kejayaan negara dan mengubah lanskap politik, ekonomi dan keselamatan negara.

## **RUJUKAN:**

- A. Rashid Rahman (1994). *Perjalanan Pilihan Raya Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Adams, J. S. (1965). *Inequity in social exchanges*. In L. Berkowitz (Ed.), *Advances in experimental psychology*. New York: Academic Press.
- Allen, N. J. Meyer, J. P. (1993). *The measurement and antecedent of affective, continuance and normative commitment to the organization*. *Journal of Occupational Psychology*, 63, 1-8.
- Becker, H.S. (1960). *Notes on the Concept Of Commitment*. *American Journal of Sociology*, 66,32-42.
- Bluedorn, A.C. (1982). *A Unified Model Of Turnover From Organizations*. *Human Relations*, 35, 135-153.
- Blum, M.C. & Mangkon, J.C. (1968), *Industrial psychology: Its Theoretical and Social Foundation*. New York: Harper and Row
- Brayfield, J. W. & Crockett, W. H. (1955). *Employee attitude and employee performance*. *Psychology Bulletin*, Sept 1955, 396 – 428.
- Buchanan, B. II. (1974). *Building organizational commitment: The socialization of managers in work organizations*. *Administrative Science Quarterly*, 19, 533 – 546.
- Calhoun, R.P. (1963). *Managing Personnel*. Harper and Row Publishers.
- Chamil Wariya (2007). *Malaysia, Asas Pembinaan Negara Bangsa, Institusi Pemerintahan dan Lambang Kebangsaan*. Petaling Jaya: Media Global Matrix.
- Che Su Mustaffa (2000). *Komunikasi Organisasi dan Hubungannya Dengan Kepuasan Kerja dan Komitmen Keorganisasian Di Sektor Swasta dan Sektor Awam*. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah, UUM, Sintok, Kedah.
- Cook, J. D., Hepworth, S. J., Wall, T. D., & Warr, P. B. (1981). *The experience of work*. New York: Academic Press.
- Cotton & Tuttle (1986). *Employee Turnover. A Meta-Analysis and Review with Implications for Research*. *Academy of Management Review*. Vol.11, pp. 55-70.

- Ferace R.V., Taylor J.A., & Stewart J.P. (1978), “ Criteria for Evaluation of Organisational Effectiveness: Review and Synthesis” *Communication Yearbook II*, Transaction Publishers.
- Ferris, K.R., & Aranya, N. (1983). *A Comparison Of Two Organizational Commitment Scales*. *Personal Psychology*, 36, 87-89.
- Fred S.S, Theodore P & Wilbur S (1987). *Empat Teori Akhbar*. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Freeman, (1985). A model of individual, organizational and environmental determinants of job satisfaction. University of Denver.
- Gannon, M. J., & Hendrickson., D. H., (1973). *Carrier Orientation And Job Satisfaction Among Working Wives*. *Journal Of Applied Psychology*, 57, 339-340.
- Hall, D. T. & Schneider, B., & Nugren, H. T. (1970). *Personal Factors In Organizational Identification*. *Administrative Science Quarterly*, 15, 176 – 190.
- Hullin, C.L & Smith. P.C. (1964). *Sex Differences In Job Satisfaction*. *Journal of Applied Psychology*, 48, 209-216.
- Jamaliah Jaafar (2002). *Hubungan Komunikasi Pengurus-Pekerja dengan Kepuasan Kerja dan Komitmen Pekerja: Satu Kajian Di Jabatan Perangkaan Malaysia*. Tesis MSc UUM/ INTAN.
- Jauch, L. R. Gluich, W. F & Osborn, R. N. (1978). *Organizational Loyalty, Professional Commitment and Academic Research Productivity*. *Academy of Management Journal*, 43, 27-738.
- Kamus Dewan (2002), Edisi ketiga. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamsiah Kamin (2003). *Hubungan Komunikasi Pegawai-Subordinate dengan Kepuasan Kerja dan Komitmen Pekerja Terhadap Organisasi*. Tesis MSc UUM/INTAN.
- Kanter, R. M. (1968). *Measurement of job and work involvement*. *Journal of Applied Psychology Bulletin*, 86, 119-138.
- Koustelios, A.D., & Konstraninos, B. (1977). *The Employee Satisfaction Inventory (ESI): Development Of A Scale To Measure Satisfaction Of Greek Employees*. *Educational And Psychological Measurement*. 57 (3), 469-477.
- Kushnan, J. W. (1992). *The organizational dynamics of teacher workplace commitment, a study of urban elementary and middle schools*. *Educational Administrative Quarterly*, 28 (1), 5 – 42.

- Locke, E. A. (1969). *What is job satisfaction?* Organizational Behavior and Human Performance, 4, 309 –336.
- Locke, E. A. (1976). *Nature and causes of job satisfaction.* In M. D. Dunnette (Ed.), Handbook of industrial and organizational psychology. Chicago: Rand Mc Nally.
- Lodahl, T. M., & Kejner, M. (1965). *The definition and measurement of job involvement.* Journal of Applied Psychology, 49, 24 – 33.
- Marsh,R.M.,&Mannari,H.(1977). *Organizational Commitment And Turnover: A Prediction Study.* Administrative Science Quarterly, 22, 57-75.
- Mc Farlane, L.A. (1985). *A Comparison Of Two Work Attitudes: Satisfaction Versus Commitment.* Colorado State University. University Microfilms International, Michigan, 1991.
- Mitchell & Larson. (1987). *People in organization: An introduction to organizational behavior.* New York. Mc Graw-Hill.
- Mobley, W. H., Horner, S. O., & Hollingsworth, A. T. (1978). *An evaluation of precursors of hospital employee turnover.* Journal of Applied Psychology, 63, 408 – 414.
- Mobley, W.H. (1997) intermediate linkages in the relationship between job satisfaction and employee turnover: journal of applied Psychology, vol. 62, pp. 237-240
- Nail, A.H.K. Awamleh. (1996). *Organizational Commitment Of Civil Service Managers In Jordan: A Field Study.* Journal Of Applied Psychology.
- Najib Tun Razak (2009). *Menakhoda Zaman.* MPH Group publishing Sdn. Bhd. Petaling Jaya
- O'Reilly, C.A. (1980). *Job Choice: The Impact Of Intrinsic And Extrinsic On Subsequent Satisfaction And Commitment.* Journal Of Applied Psychology.
- Rizzo, J.R. House, R.I. & Lirtzman, S.I. (1970). *Role conflict and Ambiguity in Complex Organization.* Administration Science Quarterly Journal, pp 150-163.
- Robbins, S.P. (1986). *Organizational Behavior: Concept controverscies and Application (3 ed).* New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Ronen, S. (1977). *A comparison of job facet satisfaction between paid and unpaid industrial workers.* Journal of Applied Psychology, 62, 582 – 588.

- Ryness, P.& Imber, M. (1992). *Teachers Perception of Fairness of Their Workload and Their Commitment, Job Satisfaction and Morale: Implication for Teachers Evaluation*. Journal of Personnel, 5, 291-302.
- Salkin (1997), Exploring Research, Prentive Hall, New Jersey.
- Samsudin et all (2007), *Jelajah Belia* . IPPBM, KBS Putrajaya Malaysia.
- Sazali Mohamad (2000). *Stress, Motivasi dan Kepuasan Kerja Pegawai Kastam Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja Selangor*. Tesis UUM/INTAN.
- Schultz, D.P. (1973). *Phychology and Industry*. New York: The Mc Millan Co.
- Schwyhart, W. R. & Smith, P. C. (1972). *Factors In Job Involvement Of Middle Managers*. Journal Of Applied Psychology, 56, 227-233.
- Sekaran ,U. (2005). *Research Methods for business : A skill building approach*. John Wiley & sons. New York.
- Shamsiruddin bin Mohd Shariff, (2000) *Tahap komitmen terhadap organisasi anggota-anggota 10 Briged Infanteri Malaysia (Paracut): Satu Kajian Empirikal*. MSc UUM/INTAN.
- Smith, P.C, Kendall, L.M & Hulin, C.L. (1969). *Measurement of Satisfaction in Work and Retirement*. Chicago: Rand Mc Nally.
- Stone, E. F. (1975). *Job scope, job satisfactionand the protestant ethic: a study of enlisted man in the U. S. Navy*. Journal of Vocational Behavior, 7, 215 – 234.
- Stone, E. F., Mowday, R. T., & Porter, L. W. (1977). *Higher-order need strength as moderators of the job scope-job satisfaction relationship*. Journal of Appied Psychology, 62, 466 – 471.
- Swinney, J.L. (1987). *Leadership Style Orientation and Intent To Leave A Retail Organization*. Unpublished Doctoral Dessertation. Oklahoma State University.
- Syd A. Rahman, Bahtiar M (2007) *Komukasi Kepimpinan, Menangani Cabaran Global*, Pearson, Prentice Hall, Malaysia
- Vroom, V. H. (1964). *Ego-involvement, job satisfaction, and job performance*. Personal Psychology, vol 15, pp 159 - 177.
- Weisberg, J. and Kirschenbaum, A. (1991). *Empolyee Turnover Intentions: Implication from A National Sample*. The International Journal of Human Resource Management, Vol. 2. No.3,pp. 359-375.



- Weissenberg, P., & Gruenfeld, L.W. (1968). *Relationship Between Job Satisfaction And Job Involvement*. *Journal Of Applied Psychology*, 52, 469-473.
- Wollack, S., Goodale, J. G., Wijting, J. P., & Smith, P. C. (1971). Development of the survey of the work values.
- Zaniah Ahmad (1998). *Hubungan Antara Komitmen Kepada Organisasi Dengan Ganjaran*. Tesis Sarjana Sains (Pembanguna Manusia) Universiti Putra Malaysia.
- Zaidah Danial (1990). *Kepuasan kerja serta aspek-aspek kerja dan hubungannya dengan prestasi kerja. UKM*.
- Zubayry A.S & Anis Y.Y. (2008). *Politik, Isu-Isu Integriti: 2000-2008*, Kuala Lumpur, Utusan Publication & Distribution.

LAMPIRAN A  
BORANG KAJI SELIDIK

Nombor Borang:.....

Universiti Utara Malaysia  
Sintok Kedah Darul Aman  
Malaysia

14 Oktober 2010

Saudara dan Saudari yang dihormati

### **BANTUAN PENYELIDIKAN**

Adalah dimaklumkan saya adalah peserta pengajian Sarjana Sains Pengurusan dari Universiti Utara Malaysia Sintok, Kedah Darul Aman. Saya ditugaskan mengendalikan kajian sosio ekonomi, politik dan keselamatan di sekitar beberapa daerah, di Perak Darul Ridzuan untuk tujuan pembelajaran dan mewujudkan tesis atau kertas kerja. Kajian ini sebagai memenuhi sebahagian dari keperluan kursus dan maklumat yang berguna akan disalurkan kepada pihak-pihak yang berkepentingan untuk kebaikan bersama. Kajian ini juga dapat membantu pihak kerajaan menyediakan suasana pekerjaan sosio ekonomi yang lebih bersesuaian serta mempengaruhi kesediaan penduduk terutama golongan muda menikmati kehidupan yang lebih bermakna.

Borang soal selidik ini mengandungi 6 bahagian. Bahagian A adalah berkaitan maklumat diri anda, Bahagian B Keselamatan, Bahagian C Ekonomi, Bahagian D Komunikasi, Bahagian E Kepimpinan dan Bahagian F Kecenderungan Politik. Sila baca soalan dengan teliti sebelum menjawab soalan. Jawab semua soalan dan anda hanya perlu membulatkan/menanda dengan pen atau pensil pada jawapan yang dipilih. Bagi menjayakan kajian ini, kerjasama saudara dan saudari adalah diperlukan untuk menjawab soalan-soalan yang disertakan. Setiap jawapan saudara dan saudari adalah dianggap **sulit** dan penyelidik adalah bertanggungjawab menentukan kerahsiaan jawapan.

Sekian, kerjasama saudara dan saudari diucapkan terima kasih dan amat dihargai.

Peserta  
Program Sarjana Sains Pengurusan  
Universiti Utara Malaysia

## KECENDERUNGAN SOKONGAN POLITIK BELIA

### Bahagian A: Maklumat Penting Peribadi

Berikut adalah soalan-soalan berhubung maklumat peribadi saudara. Sila jawab soalan-soalan berikut dengan mengisi tempat kosong atau menandakan (✓) di tempat yang disediakan.

- [1]. Umur pada tahun 2010: 1. 18 – 25 thn  2. 26 – 30 thn  3. 31 – 35 thn   
4. 36 – 40 thn
- [2]. Taraf perkahwinan:  
1. Berkahwin  2. Bujang   
3. Duda  4. Ibu Tunggal/Janda
- [3]. Bangsa:  
1. Melayu  2. Cina   
3. India  4. Lain-lain
- [4]. Jantina: 1. Lelaki  2. Perempuan
- [5]. Taraf pendidikan:  
1. Tamat sekolah rendah  2. Tamat Peringkat SRP   
3. Tamat peringkat SPM  4. Tamat peringkat menengah   
5. Tamat peringkat STPM  6. Diploma   
7. Ijazah atau lebih tinggi  sila nyatakan bidang \_\_\_\_\_
- [6]. Status Pekerjaan anda: 1. Kerajaan  2. Swasta  3. Sendiri   
4. Menganggur  5. Pelajar  6. Suri Rumah
- [7]. Jika bekerja apa bidang pekerjaan anda \_\_\_\_\_
- [8]. Lama bekerja/menganggur \_\_\_\_\_ tahun.
- [9]. Gaji jika bekerja (termasuk elaun) 1. Dibawah 1000  2. 1001-2000   
3. 2001 - 3000  4. 3000 ke atas
- [10]. Tinggal di Parlimen : 1. P57 Parit Buntar  2. P59 Bkt Gantang   
3. P60 Taiping
- [11]. DUN : 1. N8 Titi Serong  2. N9 K Kurau  3. N13 Kuala Sepetang   
4. N 14 Ckt Jering  5. N15 Trong  6. N16 Kemunting   
7. N17 Pokok Assam  8. N18 Aulong

Sila **bulatkan** satu nombor dalam petak yang disediakan untuk menunjukkan pendapat anda. Sila gunakan skala di bawah untuk tahap persetujuan anda bagi kenyataan berkaitan:

1. **Sangat Tidak Setuju (STS)**
2. **Tidak Setuju (TS)**
3. **Tidak Pasti (TP)**
4. **Setuju (S)**
5. **Sangat Setuju (SS)**

### Bahagian B: Keselamatan

		STS	TS	TP	S	SS
1.	Rakyat Malaysia perlu meningkatkan semangat patriotik, sayangkan negara dan mementingkan keselamatan negara, merupakan saranan Yang Dipertuan Agong.	1	2	3	4	5
2.	Saya yakin dengan keselamatan negara sekarang selagi kerajaan Barisan Nasional memerintah	1	2	3	4	5
3.	Jika wujud ancaman pada keselamatan negara, Saya akan terlibat dalam pertubuhan keselamatan bagi menjaga keselamatan kawasan saya.	1	2	3	4	5
4.	Saya menyokong Kerajaan Barisan Nasional kerana pemimpinnya mementingkan keselamatan dan kesejahteraan	1	2	3	4	5
5.	Saya menyokong operasi keselamatan pasukan polis dan Tentera yang menjaga keselamatan.	1	2	3	4	5
6.	Saya menyokong konsep kesamarataan dan ketuanan Rakyat yang di minta oleh Pakatan Rakyat.	1	2	3	4	5
7.	Konsep 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian diutamakan dan berasaskan perlembagaan negara serta saya syorkan perlembagaan negara perlu dirombak.	1	2	3	4	5
8.	Demi keselamatan negara, Undang-undang pencegahan (ISA) wajar dihapuskan, saya setuju dengan saranan pemimpin Pakatan Rakyat.	1	2	3	4	5
9.	Saya menyokong Pakatan Rakyat kerana mereka lebih mementingkan keselamatan dan masa depan negara.	1	2	3	4	5
10.	Saya merasa selamat berada di bawah pemimpin Pakatan Rakyat.	1	2	3	4	5

### Bahagian C: Ekonomi

		STS	TS	TP	S	SS
11.	Saya berasa megah dengan produk keluaran negara	1	2	3	4	5
12.	Saya yakin dan suka membeli produk keluaran negara	1	2	3	4	5
13.	Saya mahu terlibat dengan projek industri kecil dan sederhana	1	2	3	4	5

		STS	TS	TP	S	SS
14.	Saya yakin dengan pembangunan ekonomi negara sekarang.	1	2	3	4	5
15.	Saya terlibat dalam mana-mana program atau projek ekonomi yang dianjurkan oleh Kerajaan Barisan Nasional.	1	2	3	4	5
16.	Saya terkilan dan marah kerajaan Barisan Nasional kerana mengenyepikan usaha meningkatkan ekonomi belia, dan tidak menyokong mereka.	1	2	3	4	5
17.	Walaupun kekurangan peruntukan oleh kerajaan untuk pembangunan belia namun saya tetap menyokong kerajaan Barisan Nasional.	1	2	3	4	5
18.	Saya tidak berminat dengan kegiatan ekonomi dan kegiatan latihan belia anjuran Barisan Nasional kerana tidak memberi kebaikan kepada saya.	1	2	3	4	5
19.	Kurang usaha-usaha melatih kemahiran belia oleh Barisan Nasional dan saya menolak pemimpin mereka.	1	2	3	4	5
20.	Saya lebih yakin dengan kerajaan Pakatan Rakyat kerana mereka sentiasa mendekati belia dan berusaha meningkatkan dan memperbaiki ekonomi belia.	1	2	3	4	5

#### Bahagian D: Komunikasi

		STS	TS	TP	S	SS
21.	Saya berkomunikasi dan berinteraksi dengan pemimpin politik Barisan Nasional.	1	2	3	4	5
22.	Gaya berkomunikasi dan berinteraksi pemimpin politik Barisan Nasional baik dan saya menyokong mereka.	1	2	3	4	5
23.	Mudah berkomunikasi serta berurusan dengan pemimpin politik Barisan Nasional dan saya menyokong mereka.	1	2	3	4	5
24.	Saya selalu mendengar ceramah politik Pakatan Rakyat dan menyokong mereka.	1	2	3	4	5
25.	Pemimpin Pakatan Rakyat sering bertemu rakyat dan berhubung sesama kami dan saya amat berpuas hati dan menyokong mereka.	1	2	3	4	5
26.	Pemimpin Pakatan Rakyat mudah mesra serta memberi tunjukajar apabila saya bermasalah dan saya senang dengan cara mereka.	1	2	3	4	5
27.	Pemimpin politik Barisan Nasional sukar ditemui, angkuh dan bermasalah untuk saya berkomunikasi sebab itu saya menyokong pakatan Rakyat .	1	2	3	4	5
28.	Saya lebih berminat membaca Harakah, Suara Keadilan, Malaysiakini yang mirip kepada kebebasan bersuara.	1	2	3	4	5

**Bahagian E: Kepimpinan**

		STS	TS	TP	S	SS
29.	Pemimpin politik Barisan Nasional terlalu sibuk di peringkat negeri sehingga lupa tanggungjawab mereka terhadap kawasan dan saya sukar menerima keadaan ini.	1	2	3	4	5
30.	Jika saya diberi peluang memilih pemimpin saya lebih rela memilih pemimpin dari Pakatan Rakyat ( PAS, PKR & DAP).	1	2	3	4	5
31.	Pemimpin Kerajaan Barisan Nasional bertelagah dan berpecah menyebabkan saya menyokong Pakatan Rakyat.	1	2	3	4	5
32.	Saya menyokong gaya kepimpinan dan mutu perkhidmatan pemimpin kerajaan Barisan Nasional.	1	2	3	4	5
33.	Imej yang ditonjolkan pemimpin politik kerajaan Barisan Nasional agak baik dan saya menyokong mereka.	1	2	3	4	5
34.	Reputasi pemimpin Barisan Nasional yang baik dan sering menemui kami dan saya menyokong kepimpinan mereka.	1	2	3	4	5
35.	Pemimpin politik Barisan yang agak sederhana serta peramah menyebabkan saya menyokong mereka.	1	2	3	4	5

**Bahagian F: Kecenderungan Politik**

		STS	TS	TP	S	SS
36.	Saya tidak menyokong parti politik yang extreme yang sering menentang dasar kerajaan Barisan Nasional.	1	2	3	4	5
37.	Kerajaan Barisan Nasional perlu diberi mandat sepenuhnya untuk mentadbir negara.	1	2	3	4	5
38.	Kerajaan Barisan Nasional mementingkan rakyat dan saya menyokong usaha mereka.	1	2	3	4	5
39.	Kerajaan Barisan Nasional mementingkan pencapaian dan mutu perkhidmatan serta pembangunan rakyat dari segala aspek menyebabkan saya menyokong mereka.	1	2	3	4	5
40.	Kegiatan politik Barisan Nasional yang sederhana dan tidak keterlaluan menyebabkan saya merasa gembira.	1	2	3	4	5
41.	Pakatan Rakyat perlu diberi lebih banyak kerusi lagi diperingkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) kerana perkhidmatan mereka cemerlang.	1	2	3	4	5
42.	Komponen parti politik Barisan Nasional sering bertelagah dan berpecah menyebabkan saya menyokong Pakatan Rakyat.	1	2	3	4	5
43.	Saya bimbang dengan keupayaan pemimpin kerajaan Barisan Nasional sekarang dan tidak menerima tindakan mereka.	1	2	3	4	5

44. Apa pendapat saudara/i mengenai kerajaan Barisan Nasional, secara umum?

---

---

---

---

45. Apa pendapat saudara/i mengenai kerajaan Pakatan Rakyat di sesetengah negeri, secara umum?

---

---

---

---

\*\*\*\*\*

Bantuan saudara/i dalam menjawab soalan-soalan yang disediakan dapat membantu kajian. Setiap jawapan adalah **SULIT** dan kerjasama saudara/i jutaan terima kasih diucapkan.



**LAMPIRAN B**  
**KEPUTUSAN UJIAN RINTIS**

## KEPUTUSAN UJIAN RINTIS

Bahagian B: Keselamatan

### Case Processing Summary

		N	%
Cases	Valid	42	97.7
	Excluded <sup>a</sup>	1	2.3
	Total	43	100.0

a. Listwise deletion based on all variables in the procedure.

### Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.739	10

### Item-Total Statistics

	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item-Total Correlation	Cronbach's Alpha if Item Deleted
Soalan 1	39.2857	19.429	.301	.736
Soalan 2	39.9286	16.409	.564	.695
Soalan 3	39.5714	19.226	.167	.744
Soalan 4	39.9524	15.803	.534	.695
Soalan 5	39.5714	18.300	.303	.730
Soalan 6	39.9524	16.046	.372	.726
Soalan 7	39.9524	18.193	.082	.785
Soalan 8	39.7857	15.977	.578	.690
Soalan 9	39.8333	15.215	.689	.671
Soalan 10	39.8810	14.644	.609	.679

Bahagian C: Ekonomi

**Case Processing Summary**

		N	%
Cases	Valid	41	95.3
	Excluded <sup>a</sup>	2	4.7
	Total	43	100.0

a. Listwise deletion based on all variables in the procedure.

**Reliability Statistics**

Cronbach's Alpha	N of Items
.786	10

**Item-Total Statistics**

	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item-Total Correlation	Cronbach's Alpha if Item Deleted
Soalan 11	35.9756	28.174	.362	.778
Soalan 12	36.2439	27.589	.393	.775
Soalan 13	36.1463	27.678	.373	.777
Soalan 14	36.2927	27.812	.433	.772
Soalan 15	36.5610	25.552	.438	.771
Soalan 16	36.6098	24.244	.519	.760
Soalan 17	36.4146	25.399	.486	.764
Soalan 18	36.3902	24.844	.519	.759
Soalan 19	36.3415	23.680	.607	.746
Soalan 20	36.0976	26.490	.428	.771

Bahagian D: Komunikasi

**Case Processing Summary**

		N	%
Cases	Valid	43	100.0
	Excluded <sup>a</sup>	0	.0
	Total	43	100.0

a. Listwise deletion based on all variables in the procedure.

**Reliability Statistics**

Cronbach's Alpha	N of Items
.836	8

**Item-Total Statistics**

